

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**

---

**Jilid IV**
**Bil. 60**
**Hari Rabu**
**18 November 1998**


---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Ruangan)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1999** (Ruangan)

**Jawatankuasa:**

**Jadual-**

**Maksud B.21** (Ruangan)

**Maksud B.22, B.23 dan B.24** (Ruangan)

**Maksud B.25** (Ruangan)

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1999** (Ruangan)

**Jawatankuasa:**

**Maksud P.21** (Ruangan)

**Maksud P.22, P.23 dan P.24** (Ruangan )

**Maksud P.25** (Ruangan )

### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)

- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)

- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N.,  
P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,  
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman  
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah  
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
: Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
: Hajah Supiah binti Dewak  
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
  
: Mohamed bin Osman  
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
: Shamsina binti Janor  
  
: Nora'ini binti Hetam  
: Ramlah binti Mohd. Yusuff  
: Miskiah binti Hassan
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 18 November 1998**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TANAH RANCANGAN FELDA –  
PROGRAM PEMBANGUNAN SEMULA**

1. **Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan jumlah keluasan tanah FELDA dan bilangan peneroka di seluruh negara yang terlibat dengan program pembangunan semula. Apakah garis panduan untuk pembangunan semula ini dalam usaha menjamin kepentingan peneroka-peneroka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, FELDA tidak terlibat dengan pembangunan semula kawasan rancangan FELDA kerana peneroka-peneroka di rancangan-rancangan ini telah pun menerima hakmilik ataupun geran masing-masing. Peneroka-peneroka tersebut adalah tuan rumah dan apa bentuk pembangunan semula di atas tanah-tanah ini terpulanglah kepada peneroka itu sendiri.

Mengikut rekod kementerian seluas 5,670.14 hektar dengan 1,544 orang peneroka terlibat dengan rancangan pembangunan semula dalam bentuk pembangunan campuran (mix development). Rancangan FELDA yang terlibat ialah Sungai Buaya dan Bukit Cherakah di negeri Selangor, LDJ dan Sendayan di Negeri Sembilan. Pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi telah menyediakan garis panduan yang diluluskan oleh Majlis Tanah Negara bagi menjaga kepentingan peneroka di dalam hal pembangunan semula tanah mereka. Garis panduan pembangunan semula ini digubal selaras dengan dasar-dasar kerajaan untuk menyusun semula masyarakat, membasmi kemiskinan, meluaskan peluang-peluang penyertaan bumiputera dalam bidang ekonomi dan lain-lain dasar yang berkaitan.

Semua urusan pembangunan adalah bermatlamat untuk memberi keuntungan jangka panjang kepada peneroka. Pembangunan juga akan melibatkan penyertaan peneroka di mana mereka akan menjadi sebahagian daripada pembangunan dan tetap bertapak di situ bukannya dikeluarkan dari tanah mereka untuk membolehkan pembangunan dibuat dan seterusnya dinikmati oleh orang lain. Generasi kedua peneroka dan generasi-generasi seterusnya akan mendapat faedah jangka panjang melalui proses transformasi pembangunan selanjutnya yang dirancang di kawasan yang berkenaan. Selain daripada itu hak-hak isteri, janda dan balu hendaklah ditentukan di atas hasil dan pulangan yang diperolehi dan 30% hasil daripada pulangan nilai tanah adalah diwajibkan untuk dijadikan pelaburan jangka panjang peneroka dalam mana-mana institusi kewangan ataupun pelaburan yang dipersetujui oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tatacara pemerosesan pula ialah sebarang permohonan dari syarikat peneroka, syarikat atau kerajaan negeri dan agensi di bawahnya hendaklah terlebih dahulu dikemukakan kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk dikaji dan diberi perakuan di atas cadangan tersebut. Setelah perakuan tiada halangan terhadap cadangan pembangunan dengan syarat mendapat dua pertiga persetujuan bersumpah daripada peneroka di rancangan yang terlibat daripada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, pemohon bolehlah mengambil langkah-langkah untuk mendapat persetujuan dua pertiga peneroka dan persetujuan tersebut hendaklah dibuat secara bersumpah dan dikemukakan kepada kementerian yang kemudiannya akan mengeluarkan surat perakuan tiada halangan terhadap cadangan pembangunan. Kementerian jika difikirkan perlu kementerian akan mengenakan syarat-syarat lain berhubung dengan cadangan tersebut. Dengan pengakuan tersebut pemaju bolehlah mengemukakan permohonan rasmi kepada pihak berkuasa negeri masing-masing. Pihak berkuasa negeri akan dimaklumkan tentang pendirian Kerajaan Persekutuan berhubung dengan cadangan yang diterima. Pembatalan Warta GSA akan dibuat setelah pihak berkuasa negeri telah bersetuju dan merujukkannya kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi serta membuat ulasannya. Sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pembangunan Tanah Peneroka FELDA peringkat Persekutuan dan Jawatankuasa Pembangunan Tanah Peneroka FELDA

peringkat negeri ditubuhkan. Kedua-dua jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memproses semua permohonan dan memastikan dasar-dasar ditetapkan dan dipatuhi. Jawatankuasa di peringkat Persekutuan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan diurusetikan oleh Bahagian Dasar dan Pembangunan, manakala di peringkat negeri jawatankuasa dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan diurusetikan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri.

**Datuk Lim Si Cheng:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu projek pembangunan semula terhadap tanah rancangan FELDA adalah terpulang kepada peneroka-peneroka yang berkenaan.

Di sini saya ingin mengemukakan soalan tambahan iaitu semasa tanah rancangan FELDA perlu ditanam semula sudah tentu peneroka-peneroka yang berkenaan akan kehilangan pendapatan mereka, jadi soalnya, apakah bantuan yang akan diberikan kepada mereka yang terlibat oleh kementerian Yang Berhormat.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Senai. Memang kementerian menggalakkan penanaman semula setelah hasil-hasil daripada tanaman yang ada di rancangan FELDA difikirkan boleh dipertingkatkan lagi. Jadi untuk itu, satu tabung atau satu dana telah dikhaskan di FELDA dan FELDA akan menyiasat dan juga berunding dengan pihak pengurus rancangan berkaitan dengan kes-kes yang berkaitan dan apa-apa keperluan ataupun pertolongan yang diberi oleh pihak FELDA adalah bergantung kepada keadaan dan kepada status rancangan yang berkaitan. Memang tabungnya ada, Yang Berhormat.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kerana pihak FELDA telah mengeluarkan geran kepada peneroka-penerokanya. Walau bagaimanapun, sukacita saya meminta penjelasan tambahan. Bagaimanakah kedudukan peluang yang mungkin diberi kepada peserta-peserta peneroka yang berbeza sedikit dari rancangan lain iaitu di Chuping, Perlis, di mana

rancangan ini merupakan rancangan FELDA tebu. Adakah pihak FELDA bercadang untuk mengagih-agihkan tanah FELDA yang ladang tebu ini kepada peneroka-peneroka dan apakah juga mereka berpeluang untuk mendapat geran sekurang-kurangnya untuk tapak kediaman. Terima kasih.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat dari Kangan, Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi telah pun membuat lawatan ke tanah rancangan tebu di Chuping dan buat masa ini penyiasatan dan juga perbincangan sedang dijalankan untuk, dengan izin, accomodate cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi.

## **TENAGA ELEKTRIK DI NEGERI SABAH – KEUPAYAAN PENJANAAN**

2. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan perancangan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) untuk menampung keperluan elektrik yang semakin meningkat di Negeri Sabah. Apakah rancangannya untuk menangani “transferer” dan “delivery line” yang semakin uzur dan usang.

**Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini keupayaan penjanaan di seluruh negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan ialah sebanyak 675 megawatt, manakala permintaan maksimum ialah 340 megawatt. Ini menunjukkan bahawa pada masa ini keupayaan penjanaan adalah jauh lebih tinggi daripada permintaan maksima. Oleh itu keperluan tenaga elektrik bagi tujuan pembangunan di negeri Sabah sekarang sehinggalah tahun 2003 kelak

akan dapat dipenuhi dengan kapasiti penjanaan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan tambahan, pihak SESB akan menambah set-set penjanaan di stesen-stesen yang sedia ada ataupun mendirikan stesen-stesen penjanaan yang baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak SESB dari masa ke semasa akan mengenal pasti dengan izin, transformer dan delivery line yang semakin usang dan akan menggantikannya dengan yang baru. Selain daripada itu, transformer dan delivery line akan juga ditambah bagi memastikan sistem bekalan elektrik yang stabil dan terjamin dan dapat menampung keperluan bekalan elektrik yang meningkat pada masa hadapan.

**Puan Chua Soon Bui:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar masih banyak kabel elektrik di Tawau yang tidak bertepatan atau insulated terutama sekali di Jalan Abas yang sering berlaku masalah gangguan bekalan elektrik, apabila dahan pokok jatuh atas kabel atau burung berdiri di atas kabel. Saya ingin tahu bilakah masalah ini boleh diselesaikan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tawau yang membangkitkan masalah burung ini. Pihak kerajaan memang sedar tentang masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tawau. Oleh kerana walaupun business pembekalan elektrik LLS telah pun diswastakan kepada SESB pada 1 September tahun ini, kerajaan akan terus melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur bekalan elektrik di seluruh negeri Sabah sepertimana yang telah pun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-7 dengan satu jumlah yang cukup besar iaitu lebih kurang RM800 juta. Antara peruntukan yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, sebahagian besar daripadanya akan digunakan untuk melaksanakan projek-projek untuk mengukuhkan dan mempertingkatkan keupayaan sistem penghantaran dan juga

sistem pengagihan, lebih kurang RM650 juta akan digunakan untuk mengukuhkan kedua-dua sistem ini. Sebanyak 42 projek telah pun diluluskan dan pada masa ini projek-projek tersebut adalah di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan dan 42 projek ini termasuklah beberapa projek untuk meningkatkan sistem penghantaran dan sistem pengagihan di seluruh kawasan Tawau. Semua projek ini akan dilaksanakan dan dijangka disiapkan pada tahun 2000 iaitu dalam masa dua tahun yang akan datang. Terima kasih.

**Tuan Henrynus Amin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada kementerian beliau sedar bahawa masalah bekalan elektrik terputus-putus masih berleluasa terutamanya di Kota Kinabalu dan adakah beliau sedar bahawa masalah ini di kawasan saya sendiri iaitu di daerah Ranau, masih teruk sehingga baru-baru ini saya pulang pun, penduduk di kawasan tersebut seolah-olah sudah menerima hakikat bahawa bekalan elektrik itu sememangnya akan putus bila-bila masa. Dan saya telah memeriksa perkara ini, saya telah difahamkan bahawa salah satu masalah, sebelum saya bertanya saya ingin beritahu latar belakangnya ialah generatornya sudah usang. Baru-baru ini saya difahamkan juga ada penggantian salah satu dua generator yang baru, tapi masalahnya lagi, ianya terlalu canggih, yang memakai komputer, tapi tidak cukup kakitangan yang mahir untuk menggunakannya akibatnya sering juga berlaku bekalan yang terputus-putus.

Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya adakah kementerian bersedia untuk memeriksa perkara ini dan memperbaiki keadaan untuk memastikan bahawa rakyat Malaysia di kawasan Ranau atau kawasan Kinabalu akan juga menikmati bekalan yang berterusan seperti yang kita nikmati di Kuala Lumpur.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan memang sedar tentang masalah yang dibangkitkan dan saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, sejak LLS diswastakan dan ditukar kepada SESB, Tenaga

Nasional Berhad (TNB) telah diberikan tugas untuk menjalankan segala business yang ada kaitan dengan bekalan elektrik di seluruh negeri Sabah. Keadaan telah bertambah baik pada keseluruhannya, banyak yang telah bertambah baik. Saya memberikan jaminan kepada Yang Berhormat, pihak kementerian saya akan memberikan perhatian khusus kepada masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat supaya bersama-sama kita mempertingkatkan mutu bekalan di kawasan Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, sepertimana yang saya katakan tadi, satu peruntukan yang cukup besar telah diluluskan untuk menjalankan pelbagai projek di seluruh negeri Sabah. Saya harap bila terlaksana semua projek ini segala masalah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari negeri Sabah ini dapat diselesaikan. Terima kasih.

### **PUNCA-PUNCA PENCEMARAN DAN PENGAWALAN**

3. **Tuan Chang Kon You [Ipoh Timur]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) punca-punca dan kadar pencemaran di negara ini; dan
- (b) tindakan-tindakan untuk mengawal pencemaran supaya alam persekitaran dapat dilindungi.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi menjawab soalan:

- (a) Punca-punca utama pencemaran udara adalah disebabkan oleh pelepasan asap kenderaan bermotor. Pelepasan dari punca industri dan punca bukan industri iaitu daripada tapak pembinaan dan tapak pelupusan sisa pepejal. Kadar pencemaran udara oleh punca-punca utama di atas adalah seperti berikut:
  - (i) kenderaan bermotor 81%;

- (ii) stesen-stesen janakuasa 8%;
- (iii) pembakaran bahan api industri 6%;
- (iv) pembakaran terbuka 3%;
- (v) proses industri 1.4%; dan
- (vi) bahan api domestik 0.6%.

Punca-punca utama pencemaran air pula adalah disebabkan oleh pencemaran kumbahan, ternakan khinzir, buangan sektor pengeluaran dan industri berasaskan pertanian. Kadar pencemaran air oleh punca-punca utama di atas ialah seperti berikut:-

- (i) pencemaran kumbahan 70.9%;
  - (ii) ternakan khinzir 27.8%;
  - (iii) sektor pengeluaran 0.5%; dan
  - (iv) industri berasaskan pertanian 0.8%.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar akan terus mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan ke atas semua punca-punca utama pencemaran. Sebagai langkah pencegahan pula, Jabatan Alam Sekitar sentiasa bekerjasama rapat dengan kerajaan-kerajaan negeri dan pihak-pihak berkuasa tempatan untuk menentukan kesesuaian tapak bagi menempatkan sesebuah industri, ini adalah untuk memastikan yang industri tersebut tidak memberi kesan negatif kepada kawasan kediaman, takat pengambilan (intake point) air dan sebagainya. Sebagai usaha jangka masa panjang untuk memulihara alam sekitar di negara ini, Jabatan Alam Sekitar akan terus menjalankan program kesedaran alam sekitar kepada semua lapisan masyarakat. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, mengapakah sungai yang bersih di negara kita ini telah dikurangkan daripada 42 batang sungai kepada 24 batang sungai pada tahun 1997 dan sungai yang tercemar sudah bertambah dari 13 batang sungai pada tahun 1996 kepada 25 batang sungai pada tahun 1997 dan sudah terdapat 68 batang sungai tercemar sederhana seperti yang dilaporkan

dalam laporan alam sekitar tahun 1997. Apakah tindakan yang akan dijalankan melalui pendidikan, penguatkuasaan serta kejuruteraan supaya kita dapat mengurangkan sungai-sungai yang tercemar. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, ini kita kembali kepada sikap 'attitude of the people', dengan izin, kerana banyak sangat orang membuang sampah-sarap, kekotoran ke dalam sungai, affluent, jadi kerana banyaknya pertambahan industri dan sikap manusia itu sendiri bukan yang mendiami di tebing-tebing sungai, yang jauh daripada sungai pun kadang-kadang menggunakan sungai tempat pembuangan sampah. Terima kasih.

**Dr. Ramli bin Taib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu pencemaran yang tidak disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah pencemaran laut, terutama sekali di Laut China Selatan di perairan Pantai Timur yang sekarang ini banyak kes pembuangan toksid, dan sisa petroleum daripada industri oleh kapal-kapal dagang. Jadi masalah kita sekarang ialah tidak mempunyai kemudahan yang mencukupi ataupun 'facilities' pusat-pusat kawalan dan juga kepakaran untuk mengesan kapal-kapal ini. Jadi soalan saya, apakah cadangan kerajaan untuk menambahkan kemudahan ini terutama sekali di Pantai Timur. Baru-baru ini ada cadangan untuk membuat pusat kawalan di Kemaman, apakah rancangan itu masih ada dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi angka untuk kes-kes yang dilaporkan, yang dikesan dan berapa banyakkah daripada yang dikesan ini dapat ditangkap. Terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kemaman. Laut yang dijadikan oleh Allah sungguh luas. Kita mempunyai 'economic zone' dan territory sendiri. Pada mereka yang salah laku ini, mereka memang mencuri juga membuang kekotoran ini ke dalam laut. Tetapi alat-alat yang ada, infrastruktur kita hari ini memang untuk setakat ini cukup untuk mengesannya tetapi kapal-kapal ini kadangkala bila dia tahu dia ada perairan, dia lari ke international water. Tempat-tempat untuk 'service toxic waste' ini, minyak-minyak hitam ini ada di Malaysian Shipyard Engineering (MSC) di negeri Johor tetapi kapasitinya memanglah terhad melainkan di Singapura. Dia pergi di Singapura, kosnya terlalu tinggi, kadang-kadang inilah penipuan dibuat oleh kapal-kapal ini dicurah di perairan Malaysia. Jadi bila hendak dikesan

kadang-kadang kapal ini dia lari dan keadaan inilah barangkali kita dapatkan daripada syarikat-syarikat ini dan mereka yang bertanggungjawab ini banyak telah didenda, dibawa ke pengadilan dan sesetengahnya telah menerima hukuman yang sewajarnya. Jadi, untuk membuat pangkalan di Pantai Timur barangkali di kawasan Yang Berhormatlah kerana industri minyak di sana, kajian ini di peringkat Unit Perancang Ekonomi untuk meletakkan satu pangkalan hadapan atau 'forward base' kerana kita hanya ada di Lumut saja untuk mengesankan mereka yang melakukan kesalahan di laut yang luas di negara ini dan ini kita akan timbang lagilah Yang Berhormat wakil Kemaman. Terima kasih.

#### **PERADABAN ISLAM - PEMBINAAN SEMULA**

4. **Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak kerajaan bersetuju dengan pandangan Hassan al-Banna bahawa pengukuhan personaliti individu adalah prasyarat ke arah pembinaan semula peradaban Islam dan kemajuan kebendaan yang tidak berasaskan nilai-nilai moral akan mencetuskan berbagai-bagai krisis jiwa dan mental. Apakah hakikat pengukuhan personaliti ini berlaku dalam pemikiran kepimpinan negara hari ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar bahawa pembangunan personaliti individu amat penting. Dalam konteks ini kerajaan melalui beberapa buah agensi terutamanya JAKIM telah, sedang dan akan meneruskan usaha menerapkan nilai-nilai Islam kepada pelbagai peringkat termasuk pemimpin masyarakat, pemimpin politik, pegawai dan kakitangan kerajaan, usahawan dan lain-lain. JAKIM juga telah mengadakan Kursus Kepimpinan Islam dan Program Pembinaan Insan kepada barisan kepimpinan usahawan. Terima kasih.

**Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob:** Soalan tambahan. Apakah tindakan memecat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini daripada jawatannya Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan berasaskan kepada pandangan Hassan al-Banna tersebut.

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, pemecatan itu bukan pemecatan jabatan kerajaan. Pertama, pemecatan jawatan politik

oleh Perdana Menteri. Yang kedua ialah jawatan ahli UMNO oleh Majlis Tertinggi UMNO. Maka itu tidaklah kena dalam konteks soalan asal.

**PENURUNAN KADAR FAEDAH BANK -  
KESAN POSITIF**

5. **Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah pinjaman mengikut sektor-sektor ekonomi yang telah diluluskan oleh bank perdagangan sejak kerajaan mengarahkan institusi kewangan menurunkan kadar faedah. Sila nyatakan juga sejauh manakah penurunan ini memberi kesan positif kepada pemulihan ekonomi negara.

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Mersing bersama-sama soalan Yang Berhormat dari Rompin, Seputeh dan Sibul pada hari ini kerana soalannya adalah berkaitan dengan isu yang sama iaitu berkaitan dengan pinjaman kepada sektor-sektor tertentu dan tindakan yang telah diambil oleh Bank Negara untuk menangani masalah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat):** Baik.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, seperti sedia maklum, keadaan di negara kita dari segi kecairannya dalam sistem bank telah bertambah baik. Kalau satu masa dahulu kecairan merupakan satu isu yang besar, hari ini ia tidak lagi merupakan masalah, bank-bank sudah mempunyai kecairan untuk dipinjamkan kepada peniaga, syarikat dan usahawan. Sebagai contoh bagi menggambarkan keadaan kecairan yang bertambah baik ini kita boleh lihat kepada umpamanya kadar BLR, kadar pinjaman asas di mana pada bulan Jun kadarnya 12.27% pada hari ini 8.08%. Satu lagi petanda ialah pengurangan dalam rizab berkanun daripada 13.5% kepada 4% hari ini. Kadar pinjaman purata juga telah berkurangan kepada di antara 8% hingga 11% sahaja berbanding dengan 20% pada satu masa dahulu. Jadi, keadaan kecairan dalam sistem bank telah bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan dengan pinjaman. Saya ingin maklumkan bahawa daripada Januari hingga Julai tahun ini secara puratanya pinjaman yang diluluskan ialah RM4.1 bilion sebulan dan daripada bulan Ogos

hingga Oktober iaitu sejak kadar faedah dikurangkan dan sejak kecairan bertambah baik, kadar purata bulanan ialah RM5.2 bilion bertambah sebanyak RM1.1 bilion. Kadar 'approval' ataupun kelulusan pinjaman terendah tahun ini pada bulan Mac cuma RM2.7 bilion, yang tertinggi bulan Oktober lalu/RM5.9 bilion. Jadi jelas bahawa terdapat peningkatan dalam pinjaman sejak kadar faedah diturunkan kalau dibandingkan bulan Oktober dengan bulan Mei terdapat peningkatan lebih dua kali ganda.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan bank asing daripada bulan Januari hingga bulan Oktober tahun ini bank-bank tempatan menambahkan pinjaman mereka sebanyak 5.6%. Jadi prestasi bank tempatan bolehlah kita katakan agak menggalakkan walaupun kurang memberangsangkan, bagi bank asing apa yang berlaku daripada bulan Januari hingga Oktober ialah pengurangan sebanyak 0.6%. Jadi, prestasi bank tempatan dalam memberi pinjaman adalah jauh lebih baik daripada prestasi bank-bank luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara telah pun mengambil beberapa langkah untuk memastikan bahawa kadar pinjaman dapat dinaikkan kepada 8% menjelang hujung tahun ini dan pada 21 Oktober yang lalu, Gabenor Bank Negara telah pun mengeluarkan satu surat pekeliling kepada kesemua institusi kewangan memberi peringatan kepada pengurusan terkanan supaya target ataupun matlamat peningkatan kadar pinjaman 8% menjelang tahun ini perlu dicapai. Antara peringatan yang dikeluarkan Gabenor mengingatkan supaya diadakan mesyuarat setiap minggu dalam Exco bank, dahulu kadang-kadang sebulan sekali mesyuarat supaya diberikan kuasa yang lebih kepada pengurusan di peringkat bawah untuk mempercepatkan proses pinjaman dan pegawai-pegawai tertinggi hendaklah memberi perhatian yang khusus kepada usaha-usaha untuk memastikan kadar pinjaman meningkat dan perenggan terakhir surat ini menyatakan bahawa Ketua-

ketua Eksekutif Bank akan dipertanggungjawabkan sekiranya kadar pertumbuhan ini tidak dapat ditingkatkan kepada 8%.

Dalam pada itu kerajaan ingin menekankan bahawa kita sedar kedudukan bank adalah berbeza-beza, ada bank yang kuat, ada yang kukuh, ada yang lemah dan ada yang sedang menghadapi masalah. Oleh itu bagi bank-bank yang kukuh apa yang berlaku ialah mereka sedang menambahkan pinjaman dengan begitu ketara. Bagi bank-bank yang lemah sudah pasti mereka kurang kemampuan oleh kerana modalnya rendah, maka kemampuan mereka tidaklah tinggi berbanding dengan bank-bank yang lain. Tetapi secara puratanya ada bank kuat, ada bank kukuh, ada bank lemah tetapi secara puratanya matlamat kerajaan ialah menjelang akhir tahun ini kadar pertambahan pinjaman ialah 8%.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada arahan Gabenor Bank Negara untuk mencapai kadar 8% pinjamannya, apakah kriteria yang digunakan oleh pihak kementerian untuk memastikan tidak berlakunya penambahan hutang tidak berbayar (NPL) kerana bagi saya kalau bank-bank itu berhati-hati di dalam urusan untuk memberi pinjaman ini bermakna ada *[Disampuk]* – soalan sudah tanya dan ini mukaddimah untuk memberi maklumat kepada Yang Berhormat Menteri *[Disampuk]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tanya tetapi dikacau, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Jangan peduli, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, ya. *[Ketawa]* Saya tidak perlu tengok. Bukankah falsafah itu di mana bank-bank kita berhati-hati untuk memberi pinjaman adalah satu sifat yang baik juga.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sikap dan sifat berhati-hati berhemat ini memanglah satu sikap dan sifat yang baik khususnya dalam institusi kewangan tetapi yang menjadi masalah kepada kita ialah ada bank yang mampu, kecairannya ada, 'liquidity'nya ada tetapi mereka enggan dan tidak mahu meminjam, ini masalahnya. Satu lagi masalah ialah ada projek-projek yang berdaya maju termasuklah perumahan kos rendah termasuklah Tabung Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Banyak sekali kes yang kita dapati projek-projek berdaya maju, ada permintaan, ada order untuk eksport termasuklah projek-projek seperti perumahan awam kos rendah, oleh kerana bank terlalu berhati-hati pinjaman ini telah ditolak.

Jadi, walaupun sikap berhati-hati ini dialu-alukan tetapi yang kita tidak mahu ialah sikap yang terlalu berhati-hati. Kita hendak menggerakkan pertumbuhan, kalau kita terlalu berhati-hati NPL sekarang ini tidak menjadi masalah besar kerana kita ubah kriterianya. Dahulu NPL berjumlah kira-kira RM60 ribu juta tetapi sekarang sudah turun RM40 ribu juta kerana kita sudah tukarkan klasifikasi. Kalau dahulu tiga bulan tidak bayar hutang sudah masuk kategori NPL, sekarang ini dilanjutkan kepada enam bulan. Jadi NPL tidak menjadi masalah besar, kecairan tidak menjadi masalah besar, yang menjadi masalah hari ini ialah ada bank yang terlalu berhati-hati. Ini kita tidak mahu bank memberi pinjaman secara, dengan izin, irresponsible ataupun reckless, itu kita tidak mahu. Kita faham, tetapi yang menjadi masalah ialah mereka terlalu berhati-hati, duit mereka ada dan projek yang berdaya maju ada tetapi mereka tidak mahu memberi pinjaman. Ini isu yang kita sedang atasi.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah mengarahkan pihak bank supaya mengenakan BLR setakat 8% sahaja. Tetapi pada satu ketika semasa bank menaikkan

kadar faedah yang agak tinggi dan ini menyebabkan kesulitan kepada para peminjam. Pada mulanya mereka bayar pinjaman bulanan sedikit sahaja. Akibat daripada kenaikan kadar faedah ini, maka jumlah yang terpaksa mereka bayar tiap-tiap bulan telah meningkat dengan begitu banyak. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri adakah pihak kerajaan juga bercadang untuk mengarahkan pihak bank ini memulangkan balik faedah yang telah dikenakan lebih 'over charge interest', dengan izin, kepada para peminjam ini. Itu sahaja soalan saya, terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak bercadang untuk mengarahkan bank memulangkan balik kadar faedah yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Mersing 'overcharge' tadi. Pada ketika itu kadar faedah memang tinggi dan itulah kadar faedah yang berkuas kuasa pada tempoh berkenaan. Hari ini memanglah kadar faedah sudah turun. Kerajaan tidak boleh hendak meminta ataupun memaksa bank-bank bagi memulangkan balik apabila kadar faedah sudah berkurangan, tidak ada rancangan begitu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Sungai Benut, bangun hendak bangkitkan sesuatu? Saya ingat Yang Berhormat hendak membangkitkan point of order. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Soalan tambahan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau sekiranya disiasat yang mana bank mempunyai kewangan yang cukup tetapi mereka masih tidak mahu memberi pinjaman walaupun apabila terdapat banyak aduan. Jadi saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian dan juga Gabenor Bank Negara

untuk mengatasi masalah bank-bank yang mempunyai sikap degil yang sedemikian?

Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebutkan tadi dalam surat pekeliling yang diedarkan oleh Gabenor pada 21 Oktober. Ayat terakhir circular ini berbunyi seperti berikut, saya baca yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia: *“Pengerusi dan Ketua Eksekutif Institusi Kewangan akan dipertanggungjawabkan jika sekiranya institusi kewangan berkenaan tidak menunjukkan komitmen yang serius untuk mencapai matlamat pertumbuhan kredit 8%”*. Itu ayatnya.

Terima kasih.

#### **JALAN PENAMPANG - TAMBUNAN DAN JALAN DONGGONGON PAPAR - MENAIK TARAF**

6. **Tuan Paul Nointien [Penampang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) status kerja-kerja ukur dan rekabentuk terperinci untuk menaikkan taraf Jalan Penampang ke Tambunan sepanjang 68 km; dan
- (b) status rancangan kementerian untuk melaksanakan projek memperbaiki dan memulihkan jalan Donggongon ke Papar sepanjang 40 km.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan-jalan yang dimaksudkan iaitu Jalan Penampang ke Tambunan dan Jalan Donggongan ke Papar tidak termasuk di dalam senarai projek-projek yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Oleh yang demikian, Kementerian Kerja Raya tidak mempunyai peruntukan untuk menjalankan projek-projek berkenaan.

#### **KEMAMPUAN INTELEK ORANG ASLI - KURANG ZAT IODIN**

7. **Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sama ada beliau bersetuju dengan kajian yang mendakwa kemampuan intelek kaum Orang Asli didapati rendah berbanding dengan kaum-kaum lain kerana pemakanan kaum itu kekurangan iodine; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil bagi membantu mereka.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Anak Tinggom Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, memang benar kekurangan zat iodine yang serius adalah satu faktor yang akan menjejaskan kemampuan intelek seseorang. Ini dibuktikan melalui kajian saintifik yang menunjukkan kekurangan zat iodine akan menyebabkan pencetus terhadap pembentukan sel-sel otak terutamanya golongan kanak-kanak di bawah umur tiga tahun. Sungguhpun demikian, fenomena ataupun sindrom ini terjadi kepada kes-kes yang serius sahaja dan tidak boleh dibuat pemerhatian secara umum. Di antara permasalahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu, tindakan yang diambil oleh kementerian bagi mengatasi masalah ini adalah melalui:

- (i) Meningkatkan pengetahuan, - Masalah kekurangan zat iodine telah dijadikan sebagai salah satu agenda ceramah oleh Unit Pendidikan Kesihatan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli kepada masyarakat Orang Asli.
- (ii) Penggunaan rawatan garam beriodine.
- (iii) Ceramah di Radio Orang Asli.
- (iv) Kaunseling - Pesakit-pesakit yang dimasukkan ke Hospital Orang Asli, Gombak akan diberikan ingatan dan penerangan atas perkara ini.
- (v) Kempen - Menggalakkan kaum Orang Asli memakan ikan laut dan juga banyak memakan sayur-sayuran seperti bayam, halia, kailan dan sawi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kota Bharu.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Terima kasih, soalan tambahan.

Terlebih dahulu saya ingin menyatakan syabaslah kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli berkaitan dengan tindakan-tindakan yang telah pun diambil, tetapi saya ingin bertanya. Apakah ibu-ibu yang sedang mengandung diberikan tumpuan pengkhususan bagi memastikan mereka mengambil makanan laut ataupun garam beriodin ataupun minyak beriodin yang secukupnya bagi memastikan anak-anak mereka tidak terjejas disebabkan kekurangan iodin.

Satu lagi ialah apakah pihak Jabatan Orang Asli juga sedang berikhtiar untuk memastikan pemakanan Orang Asli yang kebanyakannya suka kepada ubi kayu mengurangkan pemakanan ubi kayu ini kerana ia telah didapati mengganggu pengangkutan iodin. Terima kasih.

**Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, bagi seseorang ibu Orang Asli yang mengandung supaya diberi ubat-ubat yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, mungkin tidak dapat kerana daripada jawapan awal tadi Jabatan Orang Asli memang telah meningkatkan pengetahuan mereka. Jadi begitu juga dengan Radio Orang Asli,, ini terpulang kepada Orang Asli itu sendiri. Yang disebut hari ini ialah Orang Asli di pedalaman ataupun di pinggir hutan. Bagi Orang Asli yang berdekatan dengan kampung Melayu itu tidak ada kaitan. Jadi, oleh kerana itu kerajaan telah mengadakan sebuah Hospital Orang Asli di Gombak, hospital ini adalah untuk Orang Asli atau saudara mereka yang sakit, tentu perkara ini telah diberitahu kepada mereka.

Berkenaan dengan Orang Asli makan ubi kayu, ini pun dalam satu kempen yang telah diberi oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tetapi ini terpulanglah kepada

Orang Asli sendiri. Jadi, itulah jawapan yang saya dapat berikan pada masa ini dan jawapan yang spesifik itu saya tidak dapat beritahu.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan telah pun membelanjakan puluhan juta untuk pembangunan masyarakat Orang Asli dari tahun ke tahun. Namun kita lihat peningkatan dari segi perubahan sikap tahap pencapaian pendidikan, tahap kesihatan mereka tidak begitu memuaskan. Sehingga terdapat satu pertubuhan yang mendesak supaya Jabatan Orang Asli ini ditutup.

Jadi, apakah pandangan kementerian mengenai perkara ini dan adakah tumpuan dibuat kepada perubahan sikap secara menyeluruh ataupun secara intensif supaya pembaziran wang ringgit tidak akan berlaku dan masyarakat Orang Asli itu akan dapat benar-benar berubah dan mencapai tujuan penubuhan jabatan itu sendiri. Terima kasih.

**Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli memang sentiasa mencari jalan supaya orang asli lebih-lebih lagi yang tinggal di pedalaman atau di pinggir hutan dapat mengikut langkah-langkah yang telah dibuat oleh kerajaan ataupun yang telah diikuti oleh etnik yang lain.

Misalnya, sekolah, dari tahun 1996 telah diambil alih oleh Kementerian Pendidikan dan tidak lagi di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Yang kedua, ada juga perkara lain iaitu dibuat sebagai kampung kembar iaitu kampung berkembar dengan kampung-kampung Orang Melayu berdekatan jadi perkara ini memang sedang dibuat oleh Kerajaan. Jadi, perkara-perkara lain pun memang telah dibuat berkenaan dengan pembangunan

tetapi mengikut apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi kelambatan memang berlaku kerana ia terpulang kepada Orang Asli itu sendiri.

Sungguhpun begitu, saya pun telah difahamkan Orang Asli pun sudah ‘mupuk’, iaitu berjalan sama-sama mengikut kaum-kaum yang lain, tinggal cuma lambat sedikit. Ertinya, kementerian memang bersungguh-sungguh supaya semua rakyat, iaitu rakyat Malaysia bukannya Orang Asli sahaja, tetapi Orang Asli di Sarawak dan Sabah pun begitu, sama-sama dibimbing supaya sama-sama maju mengikut apa yang dimaksud oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, iaitu mencapai Wawasan 2020 nanti.

**PELABUR ASING/TEMPATAN TAHUN 1996, 1997  
DAN 1998 –JUMLAH**

8. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jumlah pelabur asing dan tempatan pada tahun 1996, 1997 dan 1998; dan
- (b) memandangkan keadaan ekonomi negara dan negara-negara serantau Asia, adakah kerajaan bercadang mengkaji semula dasar dan insentif untuk menarik pelaburan asing.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pelabur tempatan dan asing yang telah diluluskan oleh MITI dalam tahun 1996, 1997 dan Januari hingga September 1998 adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Pelaburan Tempatan</b>	<b>Pelaburan Asing</b>	<b>Jumlah Pelaburan</b>
1996	RM17,201.2 juta	17,056.4 juta	34,257.6 juta
1997	RM14,347.7 juta	11,472.9 juta	25,820.6 juta
1998 (Jan-Sept)	RM10,909.9 juta	10,518.7 juta	21,428.6 juta

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengkaji semula dan mengemas kini dasar dan insentif pelaburan bagi mengekal dan meningkatkan daya saing negara untuk menarik pelabur asing.

Sehubungan dengan ini, kerajaan telah meliberalisasikan dasar ekuiti semasa untuk sektor perkilangan bagi menarik lebih banyak pelaburan. Di bawah dasar ekuiti baru ini semua projek baru termasuk pembesaran dan pelbagaian dalam sektor perkilangan melainkan aktiviti-aktiviti tertentu dikecualikan daripada syarat ekuiti dan syarat eksport. Ini bermakna tuan punya projek boleh memegang ekuiti sebanyak 100% tanpa syarat eksport.

Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah bagi memperbaiki insentif-insentif penting yang boleh menarik pelabur-pelabur asing. Insentif-insentif ini akan terus dikaji semula dan diperkemaskan bagi memenuhi keperluan para pelabur dan mengambil kira perubahan dalam keperluan industri. Selain daripada dasar-dasar dan insentif-insentif yang liberal bagi menggalakkan pelaburan langsung asing (FDI), faktor-faktor penting lain yang boleh menentukan tarikan iklim pelaburan negara ialah kestabilan politik, prasarana yang baik, produktiviti dan keupayaan teknikal tenaga pekerja, jentera kerajaan yang efisien dan dasar-dasar yang properniagaan.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jumlah pelaburan yang telah diluluskan pada tiga tahun dahulu, agak berapa peratusan boleh dikategorikan sebagai pelaburan yang berintensif modal dan berteknologi tinggi. Juga memandangkan lebih kurang 42% pelabur asing adalah daripada Amerika Syarikat, apakah perancangan kerajaan untuk memperbanyakkan negara pelabur supaya kita tidak terlalu bergantung kepada satu negara?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kepada sahabat saya dari Mentakab oleh kerana tidak dapat

memberikan peratusan berkenaan jumlah, daripada modal itu jumlah berapa peratus yang berintensifkan modal. Tetapi secara umum Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri memang menggalakkan pelabur-pelabur untuk mendirikan kilang-kilang yang berintensifkan modal, oleh kerana kita mendapati sukar untuk mendapat pekerja-pekerja khususnya daripada kalangan rakyat Malaysia.

Tidak dapat dinafikan bahawa adalah satu peratusan yang tinggi pelabur-pelabur di dalam negara kita terdiri daripada kilang-kilang ataupun syarikat-syarikat daripada negara Amerika Syarikat. Kita bukan hanya menumpukan misi pelaburan kepada negara Amerika Syarikat ataupun syarikat-syarikat di Amerika Syarikat sahaja. Tetapi kita menumpukan misi pelaburan kita ke seluruh dunia khususnya negara-negara yang boleh mengeksport modal. Jadi, sebahagian besarnya tidak tertumpu kepada negara Amerika Syarikat sahaja. Malah kita boleh mendapat modal daripada negara Jepun, Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong, Britain, German dan sebagainya. Tetapi oleh kerana Amerika Syarikat telah lama bertapak di negara kita khususnya dalam bidang elektrik dan elektronik sejak awal tahun 1970-an, maka pelaburan yang datang ini adalah merupakan satu reinvestment ataupun satu pembesaran kilang dan sebagainya.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu cara untuk menambahkan atau menggalakkan lebih ramai pelabur tempatan untuk membina kilang-kilang atau memulihkan sektor pengilangan, apakah insentif tambahan akan diberi kepada pelabur tempatan ini. Dan daripada permohonan yang telah dilulus oleh kementerian, apakah peratusan di antara permohonan ini dapat menjadi kenyataan di mana kilang telah pun dibina dan beroperasi?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, insentif-insentif pelaburan yang kita berikan kepada pelabur-pelabur tempatan begitu banyak sekali. Saya telah menyatakan insentif ini di dalam soalan-soalan

yang telah saya jawab dalam sesi Parlimen ini. Jadi, kalau saya hendak enumerate satu persatu, saya rasa saya boleh beri kepada Yang Berhormat selepas ini. Tetapi dari segi....apa tadi, saya lupa.

Tuan Chia Kwang Chye: Yang telah beroperasi. Permohonan-permohonan yang telah menjadi kenyataan.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Ha, saya minta maaf. Saya teringatkan kepada surat khabar The Star yang tulis berkenaan dengan apa yang saya nyatakan dalam Parlimen semalam. [Ketawa] Dari segi itu saya juga tidak mempunyai butir-butir. Saya minta notis dari segi itu.

**PERTUMBUHAN KREDIT BAGI INSTITUSI KEWANGAN  
TEMPATAN/ASING – KADAR**

**9. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

kadar pertumbuhan kredit bagi institusi kewangan tempatan dan asing yang beroperasi di Malaysia setakat September, 1998 dan langkah-langkah kerajaan untuk memastikan sasaran pertumbuhan kredit sebanyak 8% bagi tahun 1998; dan apakah tindakan ke atas institusi kewangan yang tidak mencapai kadar pertumbuhan kredit sebanyak 8% bagi tahun 1998.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Soalan ini telah dijawab, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya ada soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Soalan tambahan, boleh.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih.  
*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Soal asal dah jawab.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas kepada pihak kerajaan khususnya kementerian usaha-usaha untuk memastikan kredit dan pinjaman yang mencukupi dalam pasaran supaya kita dapat menjayakan pemulihan ekonomi kita. Tetapi saya hendak bertanya sedikit, tadi Yang Berhormat Menteri dengan panjang lebar ada menerangkan tentang kenyataan atau surat Gabenor, nasihat Gabenor kepada ketua-ketua eksekutif bank. Saya hendak bertanya terutama kepada bank yang berupaya, yang mampu untuk memberikan pinjaman, namun demikian masih lagi enggan mengeluarkan pinjaman. Contoh, seperti bapa menasihat kepada anak. Tetapi kalau anak itu masih degil macam mana. Kalau ada bank-bank yang masih degil tetapi bank ini berupaya dan mampu memberi pinjaman. Adakah kerajaan sanggup menggunakan rotan, denda.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .....atau mengkaji kembali lesen mereka, kalau mereka masih lagi enggan. Kita kena positif sedikit. Kepong kena tegas sedikit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Mengisyaratkan dengan tangan]

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Apa ini tangan. Orang lelaki main tangan lain macam ni.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, apa yang disoal tadi itu jangan ulangi sekali lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Belum jawab. Saya hendak tanya sama ada akan digunakan rotan, akan menggunakan denda, bukan secara nasihat sahaja, sebab isu kredit yang mencukupi ini penting. Kadang-

kadang nasihat sahaja tidak mencukupi dalam suasana begini kalau mereka masih enggan. Kalau mereka itu tidak berupaya, tidak mampu kita faham. Tetapi yang berupaya tadi. Yang mampu, adakah kerajaan menggunakan rotan seperti denda ataupun mengkaji lesen mereka?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sudah tutup fail, buka balik fail. Jadi, saya hendak menekankan sekali lagi, yang pertama saya hendak menyebut bahawa ada bank yang kukuh kadar pinjaman mereka tinggi pertumbuhannya. Ada yang melebihi 20% walaupun secara puratanya rendah kadar pertambahan. Tetapi ada bank yang memberi pinjaman kadar tambahannya lebih 20%.

Mengenai soalan yang kedua, mengenai rotan dan sebagainya, termasuk tindakan tegas akan diambil termasuk 'rotan' dan lain-lain. Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap bank-bank yang tidak mematuhi arahan yang telah dikeluarkan pada 21 Oktober yang lalu.

#### **AKTA ISA – CADANGAN MEMANSUHKAN**

**10. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau bercadang menghapuskan imej negara fasis dan memansuhkan Akta ISA dan seumpamanya ekoran tragedi terbaru penangkapan beramai-ramai pemimpin NGO dan individu yang dikaitkan dengan reformasi.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, negara kita sebenarnya tidak merupakan negara yang berimej fasis kerana wujudnya Akta ISA. Yang cuba menjadikan negara kita yang berimej negatif ini adalah mereka yang bermotif politik dan ada agenda jahat terhadap kerajaan kita. Mereka ini termasuk kuasa-kuasa luar dan sebahagian kecil rakyat kita yang sentiasa tidak memikirkan kepentingan dan kedaulatan negara kita. Mereka ini

telah hebat menggunakan media asing untuk memburuk-burukkan imej negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa sehingga kini tidak ada sesiapa pun yang dikenakan perintah tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ekoran daripada perhimpunan-perhimpunan haram yang diadakan di sekitar ibu kota kita. Perlu saya tekankan di sini bahawa ramai yang ditahan di dalam perhimpunan haram yang diadakan adalah mereka ditahan di bawah seksyen 27(8) Akta Polis dan mereka telah pun dihadapkan ke mahkamah dan dibebaskan dengan ikatan jamin. Adalah tidak benar semua yang ditahan dibuat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Kementerian Dalam Negeri ingin menekankan bahawa tidak terdapat sebarang penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan terhadap pelaksanaan undang-undang yang sedia ada, kerana setiap kes telah diteliti secara terperinci sebelum seseorang itu ditahan di bawah akta yang berkenaan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, berapa jumlah tahanan ISA sekarang dan bilakah bekas TPM akan dibebaskan sesuai dengan tuntutan beberapa pihak sama ada di dalam negeri ataupun di luar negeri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa soalan yang kedua itu saya tidak izinkan, tetapi yang pertama boleh soal.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada seorang pun ditahan di bawah ISA kerana reformasi ini. Tidak ada seorang pun, saya hendak ulang yang sudah ditahan dahulu.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** [Menyampuk]

**Dato' Ong Ka Ting:** Saya sudah jawab banyak kali di sini. Kalau hendak sekali lagi saya beritahu 143 orang ditahan kerana mereka ini sindiket pemalsuan dokumen pengenalan dan perjalanan, iaitu pasport dan sebagainya. Semua itu

dokumen sekuriti. Lapan puluh lapan orang ini sindiket membawa masuk pendatang tanpa izin, yang membawa masuk sangat ramai sehingga menggugat keselamatan negara kita. Inilah mereka yang ditahan di bawah ISA. Jadi, ISA ini diguna tepat pada tempat atau tidak, fikirlah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri. Bolehkah tidak kita pinda ISA, perketatkan lagi supaya menangkap orang yang kurang ajar, biadab, sungguhpun orang luar macam Al Gore. *[Ketawa]*

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sudah ada orang kita membawa pelekat di depan Orang Putih minta mereka tangkap Mahathir, pemimpin kita yang dikasihi. Sudah sampai perkara ini berlaku betapa sedihnya. Saya rasa tibalah masanya semua rakyat Malaysia tidak kira kaum, tidak kira bangsa kita bersatu padu, kita jaga kedaulatan kita, kita pastikan Malaysia ini *[Tepuk]* kalau boleh semua sekali dengan teguran yang kuat beritahu Al Gore kita bukan sahaja tidak setuju dengan apa yang dia cakap. Biar dia balik dan bertanding jawatan Presidenkah, hendak lawan Clintonkah, biar dia balik. Di Malaysia bukan tempatnya beliau berpolitik. Saya rasa cukup genuine kali ini suara-suara yang begitu lantang. Inilah rakyat Malaysia yang benar-benar berani. This is a brave Malaysian, dengan izin. Beritahu dia yang silence majority itu selama ini 20 juta belum cakap. Hanya berapa orang sahaja, 100 orang lebih yang berdemonstrasi terutama depan Orang Putih ini, mereka tidak mewakili orang Malaysia. Betul-betul semua rakyat yang cintai negara ini, yang cintai keamanan ini belum buat apa pun teguran. Jadi, sekarang beliau sudah jemput kita untuk menegur. Saya rasa sekaranglah baru dia tahu the real Malaysian, orang Malaysia yang benar-benar patriotik siapa dia. Kita tunjuk kepada dia dengan suara yang kuat, jelas, tidak ada keliru. *[Tepuk]*

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Pokok Sena, jangan suka hati cakap sahaja, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, atas belas kasihan bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Masa sudah suntuk bagi Soal-Jawab.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Atas belas kasihan bolehkah? Tidak boleh.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 17 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1999

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 1999 dan Anggaran Pembangunan 1999 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Kelima]*

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta sambung.

Maksud B.21 [Jadual] –

Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan 1999] –

**11.07 pagi**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Pengerusi, suka saya meneruskan jawapan saya sebagai sambungan dari semalam.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok telah bertanya mengenai pihak mana yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan berkaitan dengan cetak rompak dan minta supaya tindakan dijalankan secara berterusan dan tidak bermusim. Suka saya menjelaskan bahawa tindakan terhadap pihak-pihak yang terlibat dengan cetak rompak di bawah Akta Hakcipta 1987 adalah di bawah kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pada masa yang sama akta tersebut juga memperuntukkan kuasa kepada Polis Diraja Malaysia.

Oleh yang demikian, tindakan berhubung dengan hak cipta ini boleh dijalankan oleh kementerian ini dan juga pihak polis sekiranya ada aduan lengkap diterima mengenai pelanggaran hak cipta. Ada kadangkala kita juga bertindak bersama, iaitu polis dan kementerian juga apabila kita melakukan tindakan-tindakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan, kita bertindak bersama juga.

Selain dari itu, tuan punya hak cipta, selain daripada tindakan melalui kementerian. Tuan punya hak cipta boleh mengambil tindakan sivil ke atas pihak-pihak yang tersabit dengan pelanggaran di bawah Akta Hakcipta. Kita juga sentiasa menasihati mereka yang mempunyai hak cipta boleh ambil tindakan sivil. Jangan sentiasa cari jalan yang sangat mudah tanpa bukti-bukti yang kukuh untuk meminta kementerian melakukan tindakan terhadap mereka yang dianggap membuat salah, oleh kerana mereka juga ada peluang untuk mengambil tindakan sivil.

Tindakan kementerian ke atas pelanggaran hak cipta itu bukan dijalankan mengikut musim. Ini tidak benar. Kementerian sedia bertindak sekiranya ada aduan diterima. Walau bagaimanapun, aduan-aduan itu mestilah lengkap dan mematuhi prasyarat tertentu terutamanya mengenai kewujudan hak cipta itu sendiri dan juga kelayakan pihak yang mendakwa sebagai tuan punya atau wakil tuan punya karya-karya yang hak cipta dituntut.

Dalam hubungan ini kerap kali kita mendengar keluhan artis-artis secara individu mahupun melalui persatuan yang mendakwa lagu-lagu mereka dicetak rompak, sedangkan tuan punya hak cipta sebenarnya ialah syarikat-syarikat rakaman. Jika syarikat-syarikat rakaman itu selaku tuan punya hak cipta tidak membuat aduan, kita tidak boleh bertindak terhadap apa yang disebutkan.

Untuk memberi satu gambaran yang lebih jelas mengenai tindakan yang diambil di bawah Akta Hakcipta 1987 yang dikuatkuasakan mulai 1 Disember 1987 hingga 31 Oktober tahun ini, kementerian telah menerima 6,381 aduan berhubung dengan perlanggaran hak cipta. Semua aduan tersebut telah disiasat di mana 5,307 daripadanya melibatkan tindakan kes dengan penyitaan, seizure salinan langgaran dan peralatan membuatnya bernilai kira-kira RM41.3 juta.

Mengenai penalti ataupun hukuman, ada juga disuarakan bahawa tidak memuaskan. Suka saya jelaskan paneliti yang diperuntukkan di bawah akta ini adalah memadai. Bagi kesalahan seperti menjual, mengedar salinan langgaran, hukuman yang boleh dikenakan ialah denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap salinan langgaran atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Ini RM10,000 bagi setiap salinan langgaran. Bagi kesalahan membuat salinan langgaran, dendanya ialah tidak melebihi RM20,000 bagi setiap perekaan atau penjara tidak melebihi tempoh sepuluh tahun atau kedua-duanya. Ini bagi kesalahan yang pertama.

Bagi kesalahan kedua, dan berikutnya hukuman yang boleh dikenakan di bawah akta itu ialah dua kali ganda dari yang telah saya sebutkan tadi. Jadi kita puas hati bahawa peruntukan-peruntukan yang sedia ada mencukupi.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah meminta penjelasan mengenai kekurangan pegawai penguat kuasa dan minta kementerian menjalankan tugas atau pegawai-pegawai menjalankan tugas dengan lebih cekap atau profesional.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu juga telah membangkitkan isu mengenai kekurangan pegawai-pegawai penguat kuasa dan tugas mereka di

kawasan luar bandar. Suka saya jelaskan bahawa kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat, bilangan pegawai-pegawai penguat kuasa yang sedia ada, walaupun boleh dianggap tidak mencukupi dan kementerian berusaha mendapatkan lebih pegawai tetapi dalam keadaan itu pun kementerian mewujudkan kakitangan yang bertindak secara profesional. Kita tidak boleh nafikan bilangan kakitangan penguat kuasa kementerian ini masih terhad iaitu 503 orang yang ditempatkan di 34 cawangan di seluruh negara.

Walaupun dengan bilangan kakitangan yang terhad itu, kementerian secara amnya berpuas hati dengan pencapaian bahagian tersebut dalam membanteras pelbagai penyelewengan perdagangan. Sebagai satu bukti bagi tempoh 1 Januari 1998 hingga 14 November 1998 iaitu selama sebelas bulan tahun ini, bahagian penguatkuasa telah menjalankan 421,000 pemeriksaan premis perniagaan dan telah mengambil 4,732 tindakan kes ke atas peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab dengan melibatkan penyertaan barang-barang bernilai kira-kira RM20.5 juta.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
**mempengerusikan Jawatankuasa]**

Suka juga saya maklumkan bahawa pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai penguat kuasa tidak hanya ditumpu ke kawasan bandar sahaja malah meliputi kawasan-kawasan luar bandar, estet, rancangan FELDA dan FELCRA dan kampung-kampung baru. Dari 421,000 buah premis yang telah diperiksa bagi tempoh 1 Januari 1998 hingga 14 November 1998 sejumlah 105,000 buah, 188 buah premis adalah dari kawasan luar bandar.

Berhubung dengan profesionalisme, pegawai-pegawai penguat kuasa kementerian ini, suka saya maklumkan bahawa pegawai-pegawai ini sentiasa diberi peluang untuk meningkatkan kefahaman dan kebolehan mereka bagi membantu mereka menjalankan tugas dengan baik. Dalam hubungan ini

kementerian dari masa ke semasa menghantar pegawai-pegawai untuk menghadiri berbagai bentuk kursus dan latihan sama ada di dalam atau di luar negara bagi meningkat lagi prestasi dan profesionalisme pegawai-pegawai.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah telah meminta kerjasama daripada kementerian bagi Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor untuk kepentingan pengguna dan juga telah meminta kementerian memberi kerjasama kepada Kerajaan Negeri Johor dalam menjalankan kajian kos kehidupan tinggi di negeri Johor. Kementerian ini memberi kerjasama kepada majlis hal ehwal pengguna negeri dan daerah di Johor dan juga di negeri-negeri lain. Dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti seminar, ceramah, pameran, sambutan hari pengguna sedunia dan sebagainya, kementerian ini telah memberi kerjasama kepada majlis hal ehwal pengguna negeri dan daerah untuk menjalankan Kempen Cintai Malaysia, beli barangan buatan Malaysia di Johor Bahru, seminar peranan pengguna dalam kegawatan ekonomi di Segamat dan di Universiti Teknologi Malaysia, Hari Pengguna Sedunia di Johor Bahru dan Pontian dan mengadakan Expo Beli Barangan Buatan Malaysia di semua daerah di Johor.

Kementerian mengucapkan tahniah kepada negeri Johor yang telah mengadakan kempen ini di setiap daerah di negeri Johor dan ini adalah satu daripada contoh di mana pihak kerajaan negeri juga boleh memberi keutamaan kepada usaha-usaha kita untuk menjalankan aktiviti dari segi kepentingan pengguna.

Sehingga sekarang Kerajaan Negeri Johor belum meminta bantuan kementerian dalam menjalankan kajian mengenai kos kehidupan tinggi di Johor. Kementerian ini bersedia memberi kerjasama dalam menjalankan kajian apabila perlu dan dimohon.

Mengenai Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh mengenai persatuan pengguna yang menjalankan aktiviti penyelidikan atau tidak cukup

peruntukan dan sebagainya. Saya tidak nafikan bahawa beberapa persatuan pengguna yang bergerak aktif berbanding dengan sesetengah persatuan pengguna yang tidak aktif. Untuk menggemblengkan persatuan-persatuan pengguna untuk menjalankan aktiviti bagi kepentingan pengguna, kementerian ini telah memberi bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan pengguna negeri dan kepada daerah melalui negeri sejajar dengan falsafah bahawa gerakan pengguna yang sihat harus dibantu untuk menjalankan aktiviti-aktiviti bagi kepentingan pengguna.

Bagi tahun 1999, kementerian ini telah menetapkan peruntukan di bawah belanjawan kementerian ini berjumlah RM1,885,598 sebagai bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan pengguna, majlis-majlis hal ehwal pengguna negeri dan daerah dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang lain untuk aktiviti bagi tahun depan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tumpat bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Pengerusi, tidak cukup kuorum, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat, ulang balik.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tidak cukup kuorum.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Ahli-ahli dikira: Cukup 26 ahli hadir]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya kuorum cukup. Sila teruskan Yang Berhormat

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Pengerusi, persatuan-persatuan pengguna di negara ini bukan sahaja perlu diperkukuhkan tetapi memerlukan kerjasama dari semua pihak khususnya di kalangan masyarakat pengguna sendiri.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua, Tumpat keluar. *[Yang Berhormat Tumpat bangun, berjalan keluar Dewan].*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Arau ini contoh PAS kah macam ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin:** Perkara dibangkitkan tidak berkenaan. Sila Teruskan Timbalan Menteri.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Pengerusi, bilangan keahlian seramai 15,776 di persatuan-persatuan pengguna di negara ini merupakan unsur kritikal yang dapat menentukan impak kepada setiap tindakan yang diambil. Ahli persatuan pengguna yang terhad bukan sahaja menyebabkan kekurangan dari sudut sumber kewangan malah menyebabkan kekurangan kepakaran dan sukar memberi pengaruh ke atas sesuatu isu kepenggunaan yang timbul. Tindakan secara collective di pihak kerajaan, persatuan-persatuan pengguna dan semua pengguna akan memantapkan serta mempertingkatkan kesedaran kepenggunaan di negara ini. Perhubungan yang lebih kuat perlu diwujudkan di kementerian ini dan majlis hal ehwal pengguna negeri dan daerah, dan persatuan-persatuan pengguna. Terdapat beberapa persatuan pengguna yang menghadapi masalah dalaman seperti kepimpinan, perebutan kuasa, penyalahgunaan kuasa, dan sebagainya. Walau pun kementerian tiada ada kuasa mengatasi masalah ini secara direct tetapi sentiasa menasihatkan kesatuan-kesatuan ini untuk menyelesaikan masalah-masalah sedemikian. Sungguhpun demikian kementerian ini telah mengambil beberapa langkah untuk melibatkan persatuan pengguna dalam kegiatan kepenggunaan yang dianjurkan oleh kementerian ini. Di peringkat kebangsaan wakil FOMCA telah

dilantik sebagai Ahli Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan. Dan di peringkat negeri dan daerah wakil persatuan pengguna dalam negeri yang berkenaan telah dilantik sebagai ahli majlis hal ehwal pengguna negeri dan daerah untuk membolehkan mereka memainkan peranan yang berkesan.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini kempen membeli barang buatan Malaysia adalah dijalankan secara spontan oleh berbagai pihak termasuk swasta dan juga badan NGO dan parti-parti politik. Kementerian ini memberi sokongan moral sepenuhnya kepada semua pihak yang menjalankan promosi atau kempen ini. Sehingga bulan Oktober 1998 sebanyak 47 promosi dan expo barangan buatan Malaysia di peringkat kebangsaan dan negeri telah dijalankan oleh majlis-majlis hal ehwal pengguna negeri dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan kerajaan-kerajaan negeri.

Berkenaan dengan kesan kempen ini, satu kajian bebas yang dibuat telah menunjukkan sebanyak 95% daripada responden menyatakan bahawa mereka menyedari tentang kempen membeli barangan buatan Malaysia, 85% daripada responden merasa barangan buatan Malaysia adalah setanding atau lebih baik dari segi kualitinya jika dibandingkan dengan barangan import dan 80% dari responden itu membeli lebih banyak barang buatan Malaysia dibandingkan dengan tahun yang lalu.

Mengenai angka-angka yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kepong juga oleh kerana saya ada masa saya dapat angka-angka, itu tentang jumlah syarikat yang didaftarkan bagi Januari tahun 1997 hingga Oktober 1997, lebih kurang 36,000 syarikat telah didaftarkan, termasuk syarikat tempatan dan

asing. Bagi tahun ini iaitu dari Januari hingga Oktober jumlahnya adalah sebanyak 15,123. Ini bagi syarikat-syarikat yang didaftarkan dan mengenai syarikat-syarikat perniagaan yang didaftar di bawah Pendaftar Perniagaan bagi tempoh Jun hingga Disember 1997 sejumlah 32,327 perniagaan ditamatkan dalam tempoh ini dan Januari hingga Oktober 1998 sebanyak 45,683 perniagaan ditamatkan. Tetapi jumlah perniagaan yang masih ada adalah sebanyak 1.8 juta perniagaan yang telah didaftar dan masih wujud.

Mengenai majoriti peniaga kecil yang tidak berdaftar yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tambun, suka saya menjelaskan inilah angka-angka iaitu sebanyak 1.8 juta peniaga-peniaga telah mendaftar perniagaan di bawah Pendaftar dan dari masa ke semasa kementerian menjalankan kempen penerangan mengenai pendaftaran perniagaan diberi dari masa ke semasa melalui media massa, melalui televisyen, radio, dan juga ceramah dan sebagainya yang diadakan oleh kementerian dari masa ke semasa. Begitu juga melalui kaunter penerangan mengenai pendaftaran perniagaan diadakan di pameran-pameran perdagangan, dari masa ke semasa, risalah-risalah mengenai mendaftar perniagaan itu diedarkan di dalam majlis-majlis dan ceramah-ceramah dan lain-lain masa apabila diperlukan dan juga pegawai-pegawai kementerian melawat ke premis perniagaan untuk memastikan perniagaan berdaftar dan mematuhi peraturan-peraturan pendaftaran perniagaan.

Jadi majoriti peniaga kecil tidak berdaftar adalah tidak berapa tepat. Sebenarnya perniagaan-perniagaan yang dijalankan berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Perniagaan, kalau peniaga tidak mendaftar mereka akan menghadapi

masalah seperti membuka akaun bank, atau memohon mana-mana lesen perniagaan pun kalau pendaftaran tidak dipunyai, tidak akan memperolehi lesen. Memang ada sesetengah peniaga kecil yang berkeberatan untuk mendaftarkan perniagaan disebabkan dikenakan bayaran walaupun cuma RM25 sahaja bagi setahun. Jadi walaupun begitu angka yang saya beri bahawa tahun 1997 jumlah perniagaan yang didaftar dengan pendaftaran baru adalah 122,533 buah..

Bagi tahun ini sehingga Oktober, jumlah perniagaan yang baru berdaftar adalah sebanyak 83,123 perniagaan.

Tuan Pengerusi, itulah penjelasan-penjelasan yang dapat saya beri kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]** Ya, ada lagi yang bangun.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang masalah yang saya bawa semalam mengenai jualan terus 'direct sale' tentang 'ion mat' yang mana saya dapat aduan daripada penduduk-penduduk di daerah Johor Bahru yang mereka ada aktiviti jualan terus di sana. Saya ingin tahu apa langkah yang lebih ketat dijalankan oleh pihak kementerian untuk menjaga kepentingan para pengguna terutama bila sesuatu lesen jualan terus sebelum dikeluarkan adakah kementerian tinjau dahulu tentang kualiti barang-barang yang akan dijual, harga dan sama ada kepentingan pengguna dijaga supaya mereka tidak dieksploitasikan oleh pelabur asing yang terlibat dalam jualan langsung yang berkongsi dengan orang tempatan tetapi barang-barang yang mereka jual seperti ion mat ini adalah produk dari Taiwan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan jawapan.

Satu lagi kes-kes jualan terus berkaitan dengan vitamin yang mana saya ingin tahu sama ada dapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan dahulu

sebelum sesuatu lesen penjualan vitamin-vitamin secara jualan terus kerana harga vitamin ini sangat tinggi. Dengan ini saya harap dapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Gelang Patah mengingatkan saya mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat semalam iaitu, mengenai Ion Mat.

Mengenai jualan langsung suka saya menjelaskan bahawa produk-produk yang ada berkaitan dengan kesihatan, ubat-ubat dan sebagainya, kita sendiri meneliti barang-barang itu dan apabila puas barang-barang tersebut boleh dijual secara jualan langsung dan kita memberi kelulusan. Bagi barang-barang yang berkaitan dengan kesihatan ataupun di bawah kawalan dadah, barang-barang itu perlu menerima kelulusan daripada Kementerian Kesihatan iaitu jabatan yang berkuasa mengenai kawalan dadah. Jadi mengenai vitamin dan barang-barang yang ada berkaitan dengan ubat dan kesihatan, barang-barang ini perlu mendapatkan sijil daripada Kementerian Kesihatan sebelum menimbangkan untuk mengeluarkan lesen bagi syarikat-syarikat jualan langsung.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, nanti dulu

**Tuan Chang See Ten:** Saya hendak tanya....

**Dato' S. Subramaniam:** Itu bagi barang-barang yang merupakan ubat ataupun barang-barang yang berkaitan dengan kesihatan. Tetapi bagi barang-barang yang lain umpamanya yang dikatakan ion mat itu, pihak kementerian sedang menjalankan siasatan terhadap syarikat jualan langsung di City Plaza Johor Bahru mengenai tilam ion mat dan sekiranya didapati bahawa mereka memberi gambaran yang tidak tepat daripada yang sebenarnya bahawa ion mat itu boleh menghilangkan atau menyembuh kesakitan ataupun sebagainya, kita akan bertindak tetapi perkara ini masih dalam siasatan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, minta penjelasan yang pendek sedikit untuk memberi kepada kementerian yang lain.

**Tuan Chang See Ten:** Satu soalan sahaja. Tuan Pengerusi, saya cuma ingin tahu kerana penjualan ion mat ini memberi tarikan kepada pelabur dan pengguna dengan menyatakan ion mat ini boleh merawat pelbagai jenis penyakit dan adakah kes ini dirujuk kepada Kementerian Kesihatan tentang adakah benar-benar dengan menggunakan ion mat ini boleh merawat penyakit yang mereka katakan. Terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Pengerusi, saya telah pun menjawab bahawa kalau ion mat itu boleh mengubati penyakit, kalau mereka claim begitu dan kalau tidak ada kelulusan daripada Kementerian Kesihatan kita boleh mengambil tindakan terhadap syarikat tersebut oleh kerana mereka tidak boleh memberi maklumat palsu. Kalau ada sijil dari Kementerian Kesihatan itu kita boleh terima. Jadi kita akan siasat perkara ini dan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap syarikat tersebut jika mereka membuat tuntutan palsu atau memberi gambaran yang palsu kepada pengguna.

Kita juga menasihati pengguna oleh kerana tilam ion mat ini ada cooling of period, sesuatu produk jualan langsung dijual dan dalam tempoh masa yang tertentu mereka perlu beri masa untuk pengguna menggunakan dan kembalikan produk tersebut. Kalau sekiranya pengguna sudah beli dan tidak berpuas hati terhadap produk tersebut dalam tempoh tertentu, kembalikan ion mat itu kepada syarikat dan syarikat perlu bayar balik apa yang mereka telah bayar.

Tuan Pengerusi, dengan penjelasan ini sekali lagi saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan belanjawan kementerian dan kepada teguran dan pandangan, saya ucapkan terima kasih. Perkara-perkara yang tidak dapat dijawab akan diambil perhatian dan diberi pertimbangan yang sewajarnya. Sekain, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]** : Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM84,824,840 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM84,824,840 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]**: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,160,010 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,160,010 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1999.

**Maksud B.22, B.23 dan B.24 [Jadual] -  
Maksud P.22, P.23 dan P.24 [Anggaran Pembangunan, 1999] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]**: Kepala Bekalan B.22 hingga B.24 dan Kepala Pembangunan P.22 hingga P.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terbuka untuk dibahas. Seremban.

**11.35 pagi**

**Dato' Hon Choon Kim [Seremban]**: Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Saya ingin sentuh B.22 – Butiran 030000 Pembangunan Pelancongan dan Butiran 040000 Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

Tuan Pengerusi, sebenarnya pelancongan adalah satu sektor yang amat penting kerana ia menjanakan pendapatan pertukaran wang asing yang besar. Misal kata pada tahun 1996 sektor pelancongan menjanakan pendapatan sebanyak

RM11.3 bilion. Tetapi akhir-akhir ini sektor pelancongan ini mengalami banyak masalah. Mulai tahun lepas sektor ini telah mengalami kemerosotan dari segi bilangan pelancong yang datang ke negara kita ini.

Pada tahun lepas oleh sebab masalah jerebu, coxsackie dan juga krisis mata wang di negara kita ini telah menjejaskan pertumbuhan industri pelancongan, tambahan pula media massa asing juga memberi gambaran dan berbagai liputan juga memburuk-burukkan imej negara kita. Oleh kerana itu pada tahun yang lepas sektor pelancongan juga mengalami penurunan dari segi pendapatan dan bilangan pelancong yang datang ke negara kita ini.

Sebenarnya pada tahun yang sudah wang yang kita dapat juga menurun secara mendadak sebanyak 7%. Pada tahun ini pula, saya baca surat khabar, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah anggarkan bahawa pada tahun ini sektor pelancongan akan mengalami penurunan sebanyak 80%. Ini kerana tunjuk perasaan oleh kumpulan Reformasi dan sebagainya, yang telah disifatkan oleh Al Gore sebagai rakyat yang berani. Saya hairan mengapa dia boleh sifatkan golongan yang menjejaskan pendapatan negara kita, merosakkan hasil negara kita, menjejaskan sektor pelancongan, boleh dikatakan kumpulan yang berani.

Saya sangat rasa kecewa terhadap apa yang dikatakan oleh Al Gore ini. Apa yang sangat menghairankan saya ialah malah hari ini saya baca surat khabar, Presiden DAP juga mengeluarkan statement untuk menyokong Al Gore, menyokong kenyataan Al Gore. Saya cukup hairan, saya tidak tahu, tanyalah Kepong, apa pendirian sebenar DAP itu. Semalam Setiausaha Agong cakap, “ini hal kita, ini hal kita, dalaman, tidak mahu orang campur tangan.” Tetapi pada hari yang sama Presiden DAP itu, Dr. Chen Man Hin berkata bahawa beliau sokong dan sebenarnya negara kita mesti mengambil ingatan atau mengambil nasihat daripada Al Gore ini. Jadi saya pun hairan bagaimana Tuan Pengerusi, mungkin Kepong boleh jelaskan tentang pendirian DAP itu. Dan hari yang sama juga biro

DAP antarabangsa juga mengeluarkan statement bahawa beliau juga menyokong statement yang dikeluarkan oleh Al Gore itu. Jadi saya pun keliru .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Dato Hon Choon Kim:** Tentang apa? Peminat, okey.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Seremban memang dia merapu macam itu. Yang penting sekali itu, ini negara kita, Al Gore mesti faham sentimen kita, mesti faham sejarah kita, mesti faham apa sebenar berlaku di sini tanpa mengeluarkan kata-kata yang tidak disukai oleh pihak kita. Dia tidak boleh berlagak seperti di Amerika Syarikat, ini Malaysia. Itu pendirian sayalah. Ini tidak bermakna kita tidak ada cacat cela, kita tidak ada kelemahan, jadi penting kita sentiasa berhati-hati apakah kelemahan yang kita ada dan cara-cara untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan ini supaya orang luar tidak dapat menyaksikan kita tidak buat apa-apa untuk mengubah apa yang tidak betul. Itu yang penting sekali, itu pendirian saya.

**Dato' Hon Choon Kim:** Baguslah, tahniah. Inilah pendirian bagus tetapi Yang Berhormat kena tunjuk ajar kepada Presiden DAP itu. Saya setuju, ini yang baik. Tuan Pengerusi, sebenarnya untuk mengatasi masalah ini saya rasa sudah cukup untuk menggalakkan pelancongan di luar ini, saya rasa wang diperuntukkan dalam budget itu tidak cukup. Wang telah diperuntukkan dalam budget dua tahun akan datang tidak cukup untuk melaksanakan kempen di negara-negara luar.

Sebenarnya, selain daripada Al-Gore dan sebagainya untuk orang asing hendak datang ke Malaysia, mereka mesti tahu, mesti dapat maklumat mengenai negara Malaysia sebelum mereka buat keputusan melawat negara kita ini. Maklumat yang diperolehi adalah melalui media massa, melalui surat khabar dan juga melalui majalah-majalah atau buku-buku dan sebagainya. Saya hendak sebut satu sahaja, Webster International Encyclopaedia. Kalau rakyat asing hendak tahu apa Malaysia itu, mungkin dia rujuk kepada Webster International Encyclopaedia. Di situ ditulis bahawa Malaysia ini, dengan izin, "ethnic and

religion tension remain the major threat to the federation stability and in response, the government has become more repressive". Ini telah diliputkan dalam ensiklopedia.

Jadi Tuan Pengerusi, kalau rakyat asing baca, rujuk kepada ensiklopedia sebelum mereka datang, saya rasa mereka tidak mahu datang. Oleh kerana itu saya berharap kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri haruslah mengambil langkah untuk mempelbagaikan kempen di negara kedua ini dan minta peruntukan lebih banyak dan saya telah pun bincangkan dengan Ahli Yang Berhormat tadi sebelum masuk ke Dewan ini. Elok kita mengadakan kempen dan juga menggunakan cara untuk menjemput ejen-ejen tourism, ejen-ejen pelancongan di luar negara datang ke sini dan memberitahu kepada mereka dan untuk membenarkan dan memberikan peluang kepada mereka untuk datang dan lihat dengan sendirinya, apa dia Malaysia sama ada Malaysia berlaku riot atau tension di antara kaum dan sebagainya. Biar mereka lihat dengan sendirinya barulah mereka balik, bolehlah ajak rakyat di situ datang untuk melancung ke Malaysia. Jadi saya rasa itu kena buat, jangan harap negara asing akan bantu kita, jangan harap. Kalau kita harap negara lain akan bantu kita memajukan sektor pelancongan, kita akan kecewa.

Oleh kerana itu saya harap kita mesti buat sesuatu, mengambil langkah yang proaktif untuk menggalakkan, untuk memberi satu gambaran yang sebenarnya tentang keadaan di negara kita ini. Jadi itu tanggungjawab yang amat penting untuk dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Untuk membetulkan gambaran yang telah dirosakkan tentang imej Malaysia.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya juga memberi cadangan bahawa negara kita ini juga kena menetapkan sasarannya, negara mana kita perlu buat promotion. Tidak usahlah pergi seluruh negara, seluruh dunia, khususnya tenaga kita kepada beberapa negara kita, negara ASEAN misal katanya..

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa sudah cukup.

**Dato' Hon Choon Kim:** Sikit saja, negeri China, India, Jepun dan sebagainya sebab bilangan penduduknya ramai. Misalnya negeri China, mereka datang, mereka pun guna banyak wang untuk membeli-belah. Itulah satu sasaran yang patut kita tujukan dan dalam hubungan ini saya juga minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menghubungi Kementerian Dalam Negeri supaya

memberi kemudahan untuk permohonan visa untuk rakyat itu datang ke sini. Untuk memberi kemudahan kepada rakyat di negara itu dapat visa untuk datang melawat di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. Tahun depan adalah Tahun Melawat Negeri Sembilan. Saya minta Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri bantulah negeri saya, Negeri Sembilan untuk membuat promosi dan juga jemput Ahli-ahli Yang Berhormat membawa rombongan-rombongan datang. Sebenarnya domestik pelancongan ini sangat baik sebab ia akan mewujudkan muhibah dan juga perpaduan di antara rakyat di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Senai.

**11.50 pg.**

**Datuk Lim Si Cheng [Senai]:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya juga menyokong peruntukan yang dicadangkan untuk Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Ingin saya merujuk kepada Butiran 030000 Pembangunan Pelancongan di bawah B.22.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Seremban, industri pelancongan memang merupakan sektor kedua terbesar yang dapat memberikan sumbangan kepada pengaliran masuk mata wang asing ke negara kita. Beberapa faktor negatif termasuk liputan negatif yang dibuat oleh media asing kebelakangan ini telah mengakibatkan penurunan ketibaan pelancong dan pengaliran masuk mata wang asing. Oleh yang demikian program-program mempromosikan industri pelancongan negara kita perlu dipertingkatkan.

Setelah negara kita menghadapi kegawatan ekonomi memang kita menggalakkan rakyat Malaysia melancong di dalam negara kita kerana kita hendak memastikan mata wang Ringgit kita tidak akan dibawa keluar, akan tetapi untuk menarik lebih ramai pelancong asing datang ke negara kita juga penting kerana kita boleh berusaha untuk menambah mata wang asing bagi negara kita. Matlamat bagi tahun 1999 kita memang mengharapkan pelancong sejumlah 7 juta orang pelancong melawat ke negara kita. Jadi kita juga perlu memainkan peranan berusaha dengan lebih giat lagi. Yang penting sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini merayu kepada rakyat Malaysia supaya membantu

negara kita untuk mewujudkan satu keadaan yang boleh menjamin keselamatan negara kita sentiasa dikekalkan iaitu kestabilan politik dan perpaduan kaum perlu dikekalkan.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin mengemukakan atau memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa negeri Johor yakin melalui peningkatan dan pengukuhan kualiti dari segi kemudahan perkhidmatan dan promosi produk-produk pelancongan akan meningkatkan semula keyakinan pelancong domestik dan luar negara. 60% dari jumlah bilangan pelancong asing yang datang ke negara kita melalui Tambak Johor iaitu negeri Johor selama ini memang sudah menjadi pintu masuk utama bagi Semenanjung Malaysia.

Tuan Pengerusi, sebagai seorang anak Johor di sini saya ingin merakamkan amat dukacita saya kerana saya tidak faham mengapa Johor tidak dipromosikan sebagai salah satu destinasi pelancongan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sejak kementerian ini ditubuhkan. Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memang sentiasa melakukan promosi di negara asing untuk menarik pelancong datang ke negara kita. Destinasi pelancongan yang dipromosikan termasuk Pulau Pinang, Pulau Langkawi, Terengganu, Melaka, Sarawak dan Sabah tetapi Johor diketepikan. Saya ingin tahu apakah sebabnya?

Sebenarnya Johor yang kaya dengan pelbagai makanan, kebudayaan kesenian yang unik, ini semua boleh dipromosikan. Negeri Johor mempunyai produk-produk pelancongan yang boleh menarik ramai pelancong asing, kita di negeri Johor terdapat pusat perangan dan theme park di Desaru yang terletak di daerah Kota Tinggi sebuah daerah yang bersejarah. Terdapat 18 buah shopping complexes di Johor Bahru yang boleh menggalakkan kegiatan membeli-belah di Johor Bahru. Di Johor Bahru juga mempunyai pusat Meeting Incentive Conference and Exhibition (MICE) yang boleh dipromosikan. Terdapat 24 buah padang golf yang bertaraf antarabangsa di negeri Johor juga boleh dipromosikan.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini Kerajaan Johor akan berusaha serta mengambil langkah untuk membantu negara kita keluar dari kemelut krisis ekonomi. Satu pasukan petugas yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri untuk mengemaskini dan memantau keberkesanan strategi dan aktiviti promosi untuk membantu sektor ini, akan ditubuhkan. Usaha kerajaan negeri Johor tidak akan

berhasil tanpa sokongan daripada Kerajaan Pusat khasnya dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Tuan Pengerusi, melalui Dewan yang mulia ini saya juga ingin memohon supaya Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dapat membuat kajian supaya Tanjong Piawai di Pontian itu dapat dibangunkan. Tanjong Piawai merupakan tanah penghujung Benua Asia yang boleh dibangunkan sebagai destinasi pelancongan bagi menarik pelancong asing.

Lapangan Terbang Senai adalah yang ketiga terbesar dalam negara kita iaitu yang terbesar sekali KLIA di Sepang, kemudian Lapangan Terbang Subang. Jadi bagi memajukan industri pelancongan Johor saya ingin memohon supaya lapangan terbang Johor Bahru ini digunakan dengan sepenuhnya. Saya ingin mencadangkan supaya perkhidmatan penerbangan terus antara Johor Bahru - Taiwan, Johor Bahru - China dan Jepun serta Australia dapat diatur dan diseliatkan.

Selain daripada itu pelancong yang datang dari Taiwan dan China ke negara kita melalui Kuala Lumpur untuk tidak lebih daripada 72 jam tidak memerlukan visa, akan tetapi pelancong dari kedua-dua negara yang saya sebutkan ke negeri Johor melalui Singapura, visa diperlukan. Saya ingin memohon supaya pengecualian yang sama dapat diberikan kepada pelancong dari Taiwan dan China yang datang ke negeri kita melalui Singapura.

Tuan Pengerusi, dengan kata-kata ini saya mohon, cadangan-cadangan yang saya bangkitkan ini dapat dipertimbangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hulu Terengganu.

[Tuan Pengerusi *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**12.00 tgh.**

**Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]:** Terima, kasih Tuan Pengerusi. Dalam membahaskan peruntukan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ini, saya merujuk kepada Butiran 020000 – Kebudayaan dan Kesenian. Oleh kerana kebudayaan dan kesenian ini ada

hubungkait dengan pelancongan, sebagai satu input yang boleh memberi satu gambaran corak dan budaya masyarakat Malaysia, maka saya hendak menarik perhatian Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan iaitu peranan badan-badan budaya dan kesenian yang wujud di tiap-tiap negeri. Contohnya, majlis-majlis kebudayaan negeri dan daerah yang bernaung di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Jadi, apa yang kita dapati sekarang ini, majlis-majlis ini selain daripada mereka mendapat sokongan daripada kerajaan-kerajaan negeri, tetapi amat kurang sekali sokongan daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terutama sekali dalam membuat sebarang kajian yang diusahakan oleh majlis-majlis ini dalam bidang-bidang tertentu seperti membuat kajian dalam bidang sejarah, mencungkil kesenian-kesenian lama dalam bentuk ukiran, kraftangan dan sebagainya termasuk juga tarian orang-orang yang terdahulu. Jadi, usaha-usaha ini patut daripada masa ke semasa boleh diketengahkan oleh badan-badan ini, tetapi usaha-usaha ini terbengkalai setengah-setengahnya kerana ketiadaan kewangan pada badan-badan ini.

Saya mencadangkan melihat kepada peruntukan yang telah diuntukkan kepada kementerian lebih kurang hampir RM17.8 juta, elok kementerian membuat satu garis panduan untuk membantu badan-badan ini sama ada di peringkat negeri atau di peringkat daerah. Contohnya di Hulu Terengganu, banyak bahan sejarah yang lama-lama dan majlis-majlis kebudayaan daerah di sini kadangkala tidak dapat dan tidak mampu hendak buat kajian kerana usaha-usaha ini boleh memberi sedikit sebanyak input kepada pelancongan terutama sekali bila pelancong-pelancong yang datang daripada negara asing yang mungkin satu ketika mereka hendak melihat, hendak mengenali sejarah tempatan, maka inilah sepatutnya kementerian mengambil perhatian yang serius dalam soal ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, Butiran 00900 – Program Penginapan Murah/Sederhana. Oleh kerana Tasik Kenyir sebagai satu destinasi yang telah pun diisytiharkan oleh kementerian sebagai pusat pelancongan yang bertaraf antarabangsa, jadi kerap kali kita lihat bila pelancong-pelancong datang ke Terengganu, selain daripada mereka pergi ke tempat-tempat tertentu seperti Pulau Kapas, Pulau Redang, Pulau Perhentian, mereka juga akan pergi ke Tasik Kenyir sebagai satu kawasan destinasi pelancongan yang sedang meningkat. Tetapi dari segi penginapan, kadangkala mereka menginap di hotel-hotel di Kuala Terengganu, khususnya macam Hotel Malaysia dan lain-lain hotel yang terkemuka di bandar ini. Dan mereka juga ingin hendak bermalam di kawasan-kawasan tasik yang kita dapati kos pakej harga murah penginapan ini tidak begitu banyak dan pelancong-pelancong yang saya pernah melihat, mereka ingin hendak bermalam di pulau-pulau untuk melihat alam semula jadi, burung-burung dan lain-lain yang kita dapat nikmati di kawasan ini. Tetapi oleh kerana tidak ada penginapan yang murah, ataupun penginapan yang setanding dengan keadaan apa yang berlaku di Tasik Kenyir ini, maka mereka terpaksa berulang-alik dan setengah-setengah mereka itu hanya datang tidak bermalam. Jadi, saya cadangkan supaya Program Penginapan Murah/Sederhana ini patut diberi keutamaan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Jadi dengan kata-kata ini, saya menyokong peruntukan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Kepong.

**12.05 tgh.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, saya berminat dengan dua, tiga perkara sahaja iaitu muka surat 193, Butiran 00600 – Program Pemuliharaan/Pemugaran Tinggalan Sejarah. Muka surat 189, Butiran 040000 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) dan seterusnya muka surat 189 juga Butiran 030000 – Pembangunan Pelancongan.

Tuan Pengerusi, saya tertarik kepada prestasi yang dicatatkan di dalam buku mengenai Program Antikuiti yang hendak memastikan peninggalan khazanah negara dikekalkan. Tapi saya nampak hal ini di Semenanjung Malaysia, aktivitinya termasuk mencari gali dan menyelidik tapak-tapak arkeologi. Setahu saya, bukan sahaja di Semenanjung ada khazanah negara bahkan juga di Sabah dan Sarawak, sangat kaya juga. Saya mintalah kementerian menerangkan mengapa ini tidak termasuk Sabah dan Sarawak. Dalam Penyelidikan Arkeologi, saya nampak pada tahun 1997 ada 400; tahun 1998 ada 350; dan tahun 1999 ada 330 yang dianggarkan. Dan Daftar Artifak Arkeologi lebih 147,000 pada tahun 1997, kemudian pada tahun ini 160,000 dan seterusnya untuk tahun hadapan dianggarkan 165,000.

Saya berharap pihak kementerian dapat menerangkan apakah yang disebutkan di sini sebagai Penyelidikan Arkeologi dan juga Daftar Artifak Arkeologi. Walaupun tidak ramai orang yang berminat untuk membincangkan hal-hal seumpama ini tetapi, saya berpendapat ini adalah sangat penting. Walaupun kita boleh berbanding dengan Mesir misalnya di mana baru-baru ini carigali di Bandaraya Alexander iaitu satu penyelidikan dan penemuan yang sangat bersejarah di Mesir. Walaupun sejarah kita tidak selama kalau berbanding dengan negara Mesir, tetapi kita masih ada banyak tapak-tapak termasuk di Kedah, Kedah sangat kaya. Ada tapak-tapak yang menunjukkan ketibaan Hindu, Buddha, dan sebagainya, memang ada banyak. Kita mesti berusaha untuk membuat

penyelidikan seumpama ini. Saya menyeru supaya pihak kementerian dapat mengadakan satu dasar yang lebih terus terang untuk mengendalikan semua ini.

Saya nampak dari masa ke semasa, ada pihak luar yang berminat untuk mencarigali, misalnya di perairan Melaka sekali sekala ada penemuan yang diperolehi. Jadi, apakah dasar atau tindakan pihak kementerian untuk mengendalikan semua ini. Kita nampak bila ada orang yang berminat untuk mencarigali artifak-artifak dan peninggalan khazanah negara kita, apakah dasar pihak kementerian untuk mengendalikan semua ini.

Seterusnya mengenai program Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM). Program ini hendak menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama pelancongan antarabangsa. Dan di sini saya nampak ada bilangan tetamu diraikan bagi program kenaikan media dan agen 1997, 330. Tahun ini, 450 dan tahun depan mungkin kerana krisis ekonomi, dikurangkan anggarannya kepada 250 dan juga mengenai penggalakan ini memang ada di Eropah dan Amerika dan juga yang lain itu. Saya tidak faham mengapa kita mesti mengasingkan kedua-duanya untuk program LPPM - satu untuk Eropah dan Amerika dan satu lagi untuk kawasan yang lain walhal bilangan pelancong yang teramai untuk melawat negara ini adalah datang daripada Singapura dan Jepun dan sekarang China dan India.

Dan seterusnya Tuan Pengerusi, mengenai pembangunan industri pelancongan secara bersepadu dan teratur. Saya sebutkan hal ini bukan sahaja untuk pelancongan daripada negara asing bahkan juga pelancongan tempatan (domestic tourism) dan di sinilah saya hendak menerangkan bahawa tiap-tiap tahun saya ada melawat negara sendiri. Tahun ini saya sudah pergi ke Kuala Selangor untuk melihat serangga kelip-kelip dan sebagainya. Saya nampak walaupun ada usaha sedikit untuk memajukan tapak-tapak ini tetapi masih tidak mencukupi. Ini bermakna kita mesti mempertingkatkan cara-cara untuk mencari produk-produk yang baru untuk pelancongan dan juga untuk memperbaiki

kemudahan-kemudahan pengangkutan. Di sesetengah tempat itu saya nampak kemudahan pengangkutan mestilah diperbaiki untuk menggalak para pelancong.

Saya hendak bertanya kementerian setakat ini dengan krisis ekonomi, apakah anggaran kedatangan pelancong daripada luar negara untuk tahun ini dan untuk tahun hadapan. Adakah ini masih dalam lingkungan 6.8 juta pelancong yang datang ke Malaysia dan bilangan pelancong kita yang keluar daripada negara ini. Pada tahun lepas saya nampak bilangan pelancong yang keluar negara ini ramai juga, lebih 7.5 juta orang yang keluar dari Malaysia dan membelanjakan lebih daripada RM4 bilion dan yang datang ke Malaysia tahun lepas memang kerana ada jerebu, ada wabak di Sarawak dan juga beberapa kelemahan lagi yang sehingga bilangan itu turun kepada 6.2 juta orang. Ini memang kita mesti memperbaiki. Dengan nilai ringgit sekarang ditetapkan pada RM3.80 kepada US\$1, ini bermakna kita mesti berusaha menarik pelancong-pelancong daripada luar dengan nilai ringgit yang lebih rendah berbanding dengan sebelum krisis ekonomi kita RM2.50 kepada US\$1, sekarang memang kita ada kemampuan untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara ini dan dengan suasana perhubungan di antara Malaysia dengan Singapura sekarang nampak sudah baik sedikit dan kita mesti galakkan perhubungan yang lebih baik supaya lebih ramai pelancong daripada Singapura boleh datang ke negara ini.

Tuan Pengerusi, dalam usaha untuk menarik domestic tourism ini dan juga untuk menarik pelancong ini saya nampak peratusan yang menginap di hotel-hotel kita masih rendah, tidak sampai 60% dan kadangkala tidak sampai 50%. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah usaha dalam keadaan sekarang ini untuk menambahkan dan mempertingkatkan peratusan pelancong yang menginap di hotel-hotel kita supaya industri ini boleh berkembang dengan lebih baik dan ada satu cadangan sebelum saya akhiri ucapan saya ialah walaupun Yang Berhormat Menteri Pelancongan sudah pun sedar bahawa pentingnya kita adakan imej-imej yang cukup baik dan beliau sudah menggalakkan jurugambar-jurugambar tempatan menghasilkan gambar yang bermutu bagi membantu mempromosikan negara ini, memang itu langkah yang betul. Tetapi saya nampak di televisyen misalnya bila kita menonton Discovery ataupun National Geographic ataupun Planet Earth, saya tidak nampak Malaysia.

Tuan Pengerusi, apakah masalah, kita nampak daripada Carribbean, banyak program yang cantik-cantik belaka tetapi tidak ada di Malaysia.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tahu, saya tahu. Tetapi itulah, saya tidak faham mengapa orang lain dapat memaparkan imej-imej yang begitu indah, begitu baik di dalam televisyen tetapi kita tidak. Ini bermakna pihak kementerian mestilah berusaha dengan lebih kuat untuk mengatasi masalah seumpama ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Serdang.

**12.05 tgh.**

**Dato' Yap Pian [Serdang]:** Tuan Pengerusi, sukacita saya menyentuh Butiran 040000 Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Tuan Pengerusi, sebenarnya Lembaga ini akan memainkan peranan penting untuk menarik ramai pelancong asing dan tempatan untuk melancong di negara kita ini. Saya difahamkan satu misi sedang diadakan yang diketuai oleh Setiausaha Parlimen Kementerian yang berada di London supaya dapat mengatasi imej yang sentiasa diburuk-burukkan oleh media asing. Saya anggarkan langkah yang diambil oleh kementerian itu memang tepat. Tanpa memberi maklumat lebih tepat dengan keadaan yang memburukkan di tempat kita mungkin pelancong-pelancong asing akan terpengaruh oleh media asing dan menjadikan mereka tidak akan datang melancong ke negara kita ini. Sekarang kita tahu selain daripada misi yang diketuai oleh Setiausaha Parlimen Kementerian ke London, adakah lain-lain program untuk menjalankan sepanjang masa di seberang laut. Langkah-langkah positif dan maklumat-maklumat tepat berkaitan dengan keadaan negara kita ini, cara mana untuk sampaikan kepada negara-negara asing. Hanya kementerian atau melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia sahaja untuk mengadakan satu seminar atau memberi ceramah atau melalui iklan-iklan televisyen tempatan atau melalui media massa tempatan.

Saya pernah dengar untuk mengatasi masalah yang dijalankan oleh media asing untuk memburuk-burukkan negara kita ini maka telah bercadang untuk mendapat ruangan surat khabar atau ruangan televisyen di negara tersebut supaya menggambarkan maklumat tepat berkaitan negara kita untuk mempertahankan imej yang buruk itu supaya pelancong-pelancong asing akan memahami kedudukan sebenarnya kerana negara kita aman,

tenteram dan supaya dapat diminati untuk melawat. Lagi satu saya minta penjelasan misi yang dijalankan oleh kementerian itu, langkah-langkah positif yang lebih lanjut lagi supaya maklumkan kepada Dewan ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 01100 Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan di mana mengikut Program dan Prestasi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang terkandung dalam buku ini didapati bahawa objektif dan strategi adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan antarabangsa yang terkenal serta menggalakkan penduduk tempatan melancong di dalam negara tetapi apa langkah-langkahnya. Walaupun ada langkah-langkah tertentu tetapi saya rasa masih terdapat bahawa pusat-pusat pelancongan yang terdapat di negara kita selain daripada Pulau Langkawi telah mengadakan berbagai-bagai kemudahan infrastruktur untuk menarik pelancong asing dan tempatan tetapi saya masih tidak tahu pusat pelancongan seperti Cameron Highlands dan Fraser's Hill walaupun kedua-dua kawasan ini di bawah lembaga pengurusan masing-masing yang dilantik oleh kerajaan negeri tetapi saya tidak tahu apa koordinasi antara kementerian dengan pihak lembaga pengurusan itu.

Sehingga hari ini oleh kerana jalan masuk ke arah Cameron Highlands masih tidak sempurna, kalau hujan lebat atau musim hujan sentiasa berlaku tanah runtuh dan mengganggu pelancong untuk menuju ke Cameron Highlands. Masalahnya bagaimanakah caranya untuk mendapat kerjasama daripada majikan untuk mengatasinya atau menyediakan satu kemudahan lalu lintas yang lebih sempurna untuk pelancong-pelancong asing dan orang tempatan ke Cameron Highlands. Ini satu masalah yang patut diatasi dan saya minta penjelasan daripada kementerian bagaimanakah caranya untuk mengatasi masalah ini supaya tidak ada gangguan dan tidak ada rasa kluatir semasa musim hujan di mana pelancong membatalkan datang ke Cameron Highlands. Apa peranan yang dimainkan oleh Lembaga Pengurusan untuk memajukan Cameron Highlands, di mana infrastruktur yang lebih baik sebab Cameron Highlands dan Fraser's Hill merupakan satu kawasan peranginan yang 'kuat' sebab cuaca yang baik, di mana di dalam negara ini memang cuaca sentiasa panas. Kadang-kadang kita melancong ke Fraser's Hill atau Cameron Highlands mungkin cuaca sejuk sedikit dan dengan membawa keluarga kita

melancong dapat satu keadaan yang lebih selesa. Jadi dengan tiadanya kemudahan-kemudahan yang lebih sempurna, maka bagaimana cara untuk menarik ramai pelancong asing atau pelancong tempatan untuk ke Cameron Highlands atau Fraser's Hill.

Tuan Pengerusi, sama juga dengan Fraser's Hill keadaan jalan ke sana susah dan kalau ada masa tentukan kalau naik ke sana sudah tentu masanya satu jam dan balik pun sudah tentu satu jam. Oleh itu adakah jalan alternatif pada masa akan datang. Saya difahamkan memang Kerajaan Pusat pernah mencadangkan bahawa lebuh raya di antara Genting Highlands, Fraser's Hill dan Cameron Highlands akan dibuka. Mungkin oleh kerana kegawatan ekonomi ini program pembinaan lebuh raya di ketiga-tiga tempat ini ditangguhkan. Tetapi jadi atau tidak sama ada program ini kita teruskan dan ini mungkin bidang kuasa kementerian tetapi ada kaitan dengan perlancongan. Maka pihak kementerian adakah mendapat maklumat lebih lanjut daripada pihak JKR berkaitan dengan program ini? Memang ada sesetengah orang yang menentang pembinaan lebuh raya antara ketiga-tiga kawasan ini sebab alam sekitar, di mana NGO yang berkaitan dengan alam sekitar memang tidak setuju untuk membuka lebuh raya kerana mungkin akan menjejaskan alam sekitar tersebut. Walau bagaimanapun, kerajaan telah memutuskan bahawa jalan lebuh raya ini penting untuk menarik ramai pelancong asing dan pelancong tempatan ke tiga-tiga kawasan ini.

Tuan Pengerusi, walaupun perbandingan di antara Genting Highlands yang dimajukan oleh pihak swasta dengan keadaan di Fraser's Hill dan Cameron Highlands ini ada banyak perbezaan. Pada waktu ini Genting Highlands telah menarik ramai pelancong asing dan tempatan ke kawasan ini. Ini dikatakan bukan mereka datang untuk bercuti tetapi banyak kawasan yang boleh menarik hati anak-anak kita. Jadi oleh kerana kemudahan tidak diberi di mana terdapat ramai yang datang ke Genting Highlands, inilah satu contoh di mana Lembaga Pengurus dapat dijadikan satu teladan bagaimana untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi

supaya pelancong asing dan tempatan dapat peluang untuk melancong ke kawasan yang begitu indah.

Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian berkaitan dengan perkara-perkara yang disebutkan demi kepentingan negara dan juga untuk menarik lebih ramai lagi pelancong asing dan tempatan ke kawasan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Santubong.

**12.25 tgh.**

**Puan Rohani binti Haji Abd. Karim [Santubong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, saya ingin hendak menyentuh di bawah Butiran 030000 iaitu Pembangunan Pelancongan, khususnya mengenai pembangunan sumber manusia dalam pelancongan. Sebagai contoh saya hendak memberikan sedikit statistik iaitu dalam tahun 1997 hanya seramai 123 orang pemandu pelancong dari Sarawak telah mendapat lesen daripada kementerian dan pada tahun 1998, cuma 73 yang memperbaharui lesen. Jadi saya ingin hendak bertanya kepada kementerian kenapa jumlah yang semakin berkurangan walhal kawasan di Sarawak sebagai contohnya, begitu luas.

Jadi berkaitan dengan sumber manusia iaitu taraf profesional pemandu pelancong didapati amat tidak memuaskan daripada segi kemahiran interpretasi. Kadang-kadang lain tempat, lain sejarah dan berjumpa pula dengan orang yang tahu sejarah, sebab pelancong ini mereka datang berulang-ulang. Jadi kadang-kadang pada masa lain mereka datang, ceritanya lain, datang lagi pula di tempat yang sama, cerita lain. Jadi saya rasa ini akan dipersoalkan. Jadi bagaimanakah kementerian mengendalikan kursus-kursus untuk pemandu pelancong ini dan saya difahamkan bahawa kadang-kadang kursus ini hanya dikendalikan setahun sekali? Jadi adakah diadakan kursus ulangan atau refresher dan juga mungkin kursus

ulangan ini perlu memandangkan tempat itu mungkin berubah sedikit sebanyak dan apakah sebenarnya masalah ataupun faktor-faktor yang menyebabkan kelembapan ini. Sebab saya rasa sekarang ini kerajaan telah memastikan bahawa industri pelancongan akan berkembang dengan begitu baik dengan adanya hari Sabtu ditambahkan dalam satu bulan sebagai hari cuti. Jadi saya rasa ini boleh meningkatkan lagi industri pelancongan. Jadi mungkin ada beberapa masalah di situ yang harus dikaji oleh pihak kementerian

Tuan Pengerusi, satu lagi soalan, ini mungkin satu penyebabnya. Adakah diwajibkan setiap agensi pelancongan ini menghantar pemandu pelancong untuk berkursus atau 'it is open', dengan izin. Sebab mungkin dengan cara itu mereka telah diberi option yang begitu dan mereka mengambil satu ketetapan tidak perlu menghantar pemandu pelancong. Bahkan saya pernah bersama-sama dengan satu rombongan di mana pemandu pelancong, satunya apabila bercakap 'Orang Putih' itu 'broken'lah, Tuan Pengerusi- malu. Kadang-kadang kita sama-sama membantu untuk menggunakan perkataan yang tepat dan betul. Saya rasa ini berlaku pada CPA Conference yang lepas. Di mana kita cuba untuk memberi translation yang lebih tepat dan daripada segi pakaian yang sesuai, saya berharap kementerian ada satu garis panduan – kadang-kadang itu, bukanlah kita cemburu dengan orang itu – kadang-kadang terlalu seksilah, Tuan Pengerusi. Jadi imej itu, elok – memanglah elok tetapi saya rasa tidak begitu sesuailah. Kalau dia pakai 'track suite' lagi elok sebab memandu pelancong. Tetapi kadang-kadang terlalu – jadi dan mungkin satu daya untuk menarik pelancong balikkah tetapi tidak berapa sesuailah imej itu dan personaliti itu penting untuk menjadi seorang pemandu pelancong supaya pelancong-pelancong kita akan mendapat manfaat dan penerangan yang tepat.

Di bawah Butiran 040000 iaitu Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia. Saya ingin hendak mengetahui dengan lebih terperinci daripada kementerian iaitu Pembangunan Produk Pelancongan. Apakah yang dilakukan di bawah Pembangunan Produk Pelancongan dan khasnya berkaitan dengan 'agrotourism' sebab dirasakan di

Malaysia ini 'agrotourism'lah satu-satunya yang menjadi daya penarik kepada pelancong. Banyak potensi yang ada di Malaysia ini tetapi berapa kerapkah kita me'review' balik dan mencari potensi-potensi yang baru. Sebab kadang-kadang kalau tempat itu sahaja orang sudah naik 'fed-up', khasnya domestic tourism. Jadi mungkin kita dapat membangunkan produk-produk atau aktiviti-aktiviti baru.

Satu perkara juga iaitu pameran seperti dikatakan tadi 'mission' atau apa tujuan pameran dan saya rasa walaupun dengan kegawatan ekonomi, pameran dan promosi ini harus diteruskan dan mungkin kita melihat kepada peruntukan. Tetapi harus diteruskan untuk menarik lebih ramai lagi pelancong daripada luar negara masuk ke sini dan di mana saya telah mencadangkan dalam ucapan dasar agar sesiapa sahaja misal kata wakil-wakil rakyat ini – kalau pergi untuk menghadiri persidangan-persidangan di luar negara dimestikan dibekalkan dengan brochures – ini kementerianlah. Bermakna tiap-tiap kali ada CPA Conference, IPU, AIPO Conference, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan harus menyediakan secukup-cukupnya brochures dan juga kenang-kenangan daripada Lembaga Penggalakan Pelancongan supaya wakil-wakil rakyat ini menjadi duta yang 'very direct' dengan interpersonal relationship sambil ada brochures, kita juga boleh menceritakan, jadi ini saya rasa amat berkesan.

Saya hendak bertanya mengenai satu program iaitu Malaysia DestinasiKu, di mana program ini adalah untuk memperkenalkan produk pelancongan setiap negeri.

Saya hendak mengetahui daripada kementerian setakat manakah program-program ini telah berjaya dan mungkin kita boleh mencadangkan sedikit sebanyak untuk menjayakan lagi program ini di mana saya rasa tuan rumah itu harus juga dilibatkan di dalam perancangan Malaysia DestinasiKu supaya kita lebih fokus.

Sebab kadang-kadang banyak sangat tempat yang boleh kita ketengahkan tetapi mungkin ada masa-masanya kita hendak mengfokuskan sesuatu produk, jadi eloklah kita libatkan tuan rumah supaya program ini lebih berjaya. Tuan rumah juga kalau dapat dilibatkan untuk mengenal pasti pengusaha pelancongan manakah yang boleh dijemput bersama. Sebab ada pengusaha ini memang mirip, dia memang ada pro kepada, dengan izin, certain negeri, jadi mereka inilah diberikan keutamaan dan juga dilibatkan dari segi tempat-tempat untuk dilawat dan juga program-program yang harus dirancang.

Akhirnya saya ingin menyentuh sedikit mengenai Butiran 020000 - Kebudayaan dan Kesenian.

Sekarang ini masyarakat kita lebih masyarakat madanilah, lebih canggih, ramai yang telah melawat di luar negara, pergi ke New York, ke London di mana mereka yang berminat ini memang tidak lepaslah untuk menonton teaters.. Saya pernah bertanya di Dewan yang mulia ini, mengenai adakah tidak kita ada program-program untuk memajukan lagi teater-teater, sebab kita dah jadi lebih sofistikated mungkin juga hendak melihatkan pementasan sebegini dan di mana saya juga telah mendengar bahawa ada beberapa yang begitu minat di dalam teater ini tetapi bila datang kepada kementerian tidak mendapat layanan yang diharapkan sebab pementasan teater ini memerlukan kewangan dan juga perancangan dan khasnya mungkin dari segi menggunakan panggung-panggung yang di bina oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang memakan belanja yang mahal-mahal, jadi saya rasa eloklah mereka ini digemblengkan kalau tidak mementaskan teater yang diolah mereka mungkin dilibatkan supaya kita ada 'pool' sumber-sumber manusia ini, sayangnya kalau kadang-kadang mereka ditawarkan untuk ke London dan New York tetapi oleh kerana patriotik, mereka kata tidak apa jadi mereka menunggu lagi peluang di dalam negara sendiri. Jadi, saya berharap

kementerian dapat menjawab beberapa pertanyaan yang saya kemukakan. Sekian, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Arau.

**12.34 tgh.**

**Tuan Haji Hashim bin Jasin [Arau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang pertama saya ingin menyentuh mengenai Butiran 008000 - Kajian-kajian Pelancongan.

Tuan Pengerusi, dalam keghairahan kita untuk menarik pelancong-pelancong saya dapati pihak kementerian hanya menilai mengenai bilangan pelancong yang datang dan sumbangan yang diberikan oleh pelancong yang membelanjakan wang mereka dalam negara ini. Ertinya di lihat daripada sudut mata benda yang boleh diperolehi oleh negara kita. Tetapi adakah kementerian juga menilai dan mengkaji kesan-kesan daripada pelancong-pelancong yang datang ke dalam negara kita ini dari sudut moral dan akhlak rakyat kita sendiri, kerana mungkin dan kita semua rasanya tidak bersedia untuk menjual maruah dan moral rakyat dengan beberapa bilion wang yang boleh kita dapat daripada pelancong-pelancong yang datang melawat tempat kita.

Tuan Pengerusi, saya lihat di Pulau Langkawi. Rakyat di Pulau Langkawi sebelum diisytiharkan sebagai Pelabuhan Bebas untuk menarik pelancong-pelancong membuat lawatan di Pulau Langkawi, rakyat Pulau Langkawi pergi mandi laut dengan pakai kain batik ataupun kain palekat dan kalau perempuan itu dia mandi pakai baju kurung tetapi hari ini kita boleh lihatlah rakyat di Pulau Langkawi itu sudah mula pakai sama dengan pakaian yang dipakai oleh pelancong-pelancong Barat. Apakah kita rasa bangga kerana rakyat Pulau Langkawi sudah pandai pakai pakaian seperti itu? Dan rakyat Langkawi kebanyakannya berkulit hitam pun berjemur juga di tengah panas seperti orang-orang putih. Saya kira ini adalah melibatkan moral tidak sepatutnya kita mendapat

wang kemudian kita gadaikan moral rakyat kita. Jadi oleh kerana itu, saya mintalah dan saya merayu sungguh-sungguh kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan supaya memberi perhatian kepada masalah ini. Kalau pun kita hendak wang daripada pelancong tetapi biarlah kita juga ada sedikit kawalan supaya kedatangan mereka itu tidaklah sampai meruntuhkan moral dan akhlak rakyat kita.

Yang kedua, yang saya ingin sentuhkan dalam perkara yang sama ialah pelancong-pelancong yang bukan Islam melawat ke rumah-rumah ibadat ataupun ke masjid-masjid contohnya Masjid Negara. Memang apa yang saya faham dalam Islam adalah tidak menjadi kesalahan bagi orang yang bukan Islam untuk masuk ke dalam masjid-masjid tetapi syarat utamanya mereka hendaklah menutup aurat terutama pelancong-pelancong wanita.

Apa yang pernah saya lihat mungkin baru-baru ini ada pembaharuan bahawa pihak Masjid Negara misalnya, menyediakan jubah dan tudung kepada pelancong-pelancong wanita yang ingin melawat ke dalam dewan Masjid Negara itu, tetapi nampaknya jubah-jubah dan tudung yang disediakan itu tidak menepati atau tidak memberi makna bahawa sipelancong ini telah menutup aurat dengan keadaan yang sebenarnya, rambutnya masih nampak, betisnya pun masih boleh nampak, di tempat-tempat yang dikira aurat, maka mereka ini berjalan ke hulu ke hilir di dalam rumah Allah yang suci ini, jadi ini dimintalah supaya pihak kita menyediakan untuk pelancong-pelancong ini, saya tidak tahulah kementerian mana yang terlibat sama ada Jabatan Perdana Menteri tetapi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan saya rasa boleh memberi perhatian dalam masalah ini supaya pakaian yang kita sediakan itu hendaklah pakaian yang betul-betul menutup aurat terutama bagi seorang wanita yang bukan Islam untuk membuat lawatan ke dalam masjid-masjid ini.

Tuan Pengerusi, kita bimbang bahawa apabila kita biarkan pelancong-pelancong yang tidak menutup aurat melewati tempat-tempat ibadat seperti ini, keberkatan daripada rumah ibadat itu ditarik oleh Allah S.W.T. dan mereka yang beribadat di situ juga tidak diberkati oleh Allah dan tidak diredaiNya dan ini amat malang bagi kita orang Islam jika keadaan itu berlaku.

Oleh itu, perkara ini walaupun tidak nampak tetapi saya berharap sungguh supaya kita memelihara kesucian tempat-tempat ini kerana apabila kita buat begitu, kita akan dapat keberkatan daripada amal ibadat kita.

Perkara yang ketiga yang ingin saya sentuh ialah mengenai Butiran 00900 – Program Penginapan Murah/Sederhana dalam negara kita. Memanglah kalau kita ingin menggalakkan rakyat kita melancong dalam negeri kita ini dan memang itulah yang sepatutnya kita buat ialah, jangan hanya rakyat yang sederhana, yang mampu untuk melancong sahaja yang diberi keutamaan tetapi kalau boleh biarlah kita buka seberapa banyak peluang kepada seluruh rakyat kita untuk mendapat hak melancong di tanah air kita ini dan berkemampuan pula untuk tinggal atau untuk mendapatkan tempat penginapan yang murah dan sederhana ini.

Saya nampak sekarang ini pun ada penginapan murah dan sederhana disediakan tetapi tidak cukup dan perlu diperbanyakkan lagi terutamanya di kawasan yang menjadi tarikan kepada pelancong daripada jenis bawahan, kumpulan yang mustadafin ini yang ingin melancong tetapi mereka tidak mempunyai tempat untuk menginap atas kadar yang dimampu oleh mereka untuk membayarnya.

Oleh itu, saya kiralah kalau tadi ada suara daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang meminta supaya penginapan misalnya di Tasik Kenyir, di Bera, di Bukit Merah, tempat-tempat yang seperti itu yang bilangan biliknya seratus lebih, maka ini hanya akan menjadi tempat penginapan orang atasan, orang-orang yang berada sahaja sedangkan orang-orang yang miskin hanya mampu untuk menggigit

jari kerana mereka tidak mampu untuk menyewa tempat-tempat penginapan yang begitu mahal.

Oleh itu, kalau kita fikirkan bahawa ini tempat pelancongan, maka orang-orang miskin juga berhak untuk menikmati sama dengan kadar yang berpatutan iaitu yang murah dan yang sederhana.

Tuan Pengerusi, mengenai persembahan kesenian dan kebudayaan yang kita persembahkan, saya tidaklah pernah menghadiri persembahan ini tetapi daripada apa yang saya lihat yang dipaparkan dalam TV, saya nampak mengikut penilaian saya bahawa setengah-setengah kebudayaan itu amat tidak sesuai dipersembahkan kepada pelancong-pelancong terutamanya yang maaf cakaplah, yang boleh nampak dia tutup-tutup sedikit sahaja walaupun itu budaya orang-orang kita, tetapi budaya yang seperti itu yang melampaui batasan, saya kira perlu kita bendung, jangan kita persembahkan kerana kalau dibubuh daun-daun kayu lapik punggung, dia jatuh satu, bahaya kepada kita semua. Jadi, benda ini sepatutnya jangan digalakkan, walaupun dia hendak buat biarlah sesama kita, jangan tunjuk kepada pelancong-pelancong luar negeri perkara seperti itu. Kita haraplah bahawa biarlah juga di kementerian itu sendiri ada golongan yang cuba menilai dari sudut agama, dari sudut moral, dari sudut akhlak ataupun satu jawatankuasa khas syarak yang kita tidak payahlah melampau sangat tetapi kita boleh agak-agak perkara yang berpatutan yang boleh kita buat persembahan kerana kita bimbang bahawa bukan sahaja pelancong yang datang itu akan rosak akhlak melihat perkara itu malahan orang-orang kita juga akan turut rosak akhlak dipersembahkan oleh kita sendiri. Jadi, inilah yang kita bimbang. Dengan kata-kata itu, saya memohon mengucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Gelang Patah.

**12.45 tgh.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan maksud Perbekalan B.22 – Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 030000 – Pembangunan Pelancongan.

Tuan Pengerusi, selama ini industri pelancongan adalah menduduki sektor kedua terbesar yang menyumbang kepada pengaliran masuk mata wang asing ke negara kita, tetapi oleh kerana negara kita menghadapi beberapa masalah pada tahun lalu kita menghadapi masalah wabak penyakit coxsackie dan masalah jerebu, kadar pelancong dari luar negeri sudah menurun dan tahun ini kita menghadapi masalah tindakan demonstrasi di jalan raya dan liputan mass media daripada negara asing yang negatif. Kita sudah menghadapi masalah penurunan bilangan pelancong yang tinggi.

Saya harap pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dapat mengambil tindakan yang berkesan untuk mempromosikan pelancongan negara kita di luar negeri supaya dapat mendatangkan lebih pelancong asing ke negara kita dan selain dari itu, kita perlu mempertingkatkan segala usaha untuk membangunkan pelancongan domestik dalam negeri.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya ingin sentuh di sini bahawa selain daripada kita mengadakan hotel-hotel yang mewah di negara kita, saya harap kita pun perlu menjaga kepentingan rakyat jelata yang tidak berkemampuan untuk menduduki hotel-hotel mewah. Seperti pada masa sekarang, kita mempunyai sebuah lapangan terbang antarabangsa di KLIA, di sana cuma ada hotel mewah Pan Pacific yang mana kalau kita menginap satu malam perlu belanja RM380, ini sangat tinggi, kalau boleh saya harap di KLIA pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dapat mewujudkan sebuah hotel Malaysia atau rumah-rumah tumpangan yang lain, yang mana kadar rate penumpangan itu adalah dapat

dinikmati oleh golongan rakyat jelata yang tidak berkemampuan untuk menduduki hotel mewah seperti hotel Pan Pacific.

Tuan Pengerusi, selain dari itu, pihak kementerian perlu mengadakan pakej-pakej pelancongan yang menarik dan mengikut cita rasa serta kehendak pelancong untuk memperbanyakkan pelancongan dalam negeri dan menarik lebih pelancong dari luar negeri.

Saya ingin cadangkan pihak kementerian dapat mempertingkatkan atau memperbanyakkan untuk menganjurkan acara-acara pelancongan tahunan bertaraf antarabangsa seperti yang dilaksanakan di negeri Johor dengan mengadakan Desaru International Triathlon dan Lumba Kereta Formula III, sebagai suatu tarikan kepada pelancong-pelancong dalam negeri dan luar negeri.

Selain dari itu, kita perlu meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelancong-pelancong dan ini perlu kerjasama daripada pihak imigresen, pihak kastam, pegawai-pegawai daripada pihak berkuasa tempatan dan jabatan-jabatan berkenaan terutama tentang kebersihan kerana jika sesuatu tempat peranginan itu tidak bersih dan kotor, ia akan mendatangkan imej yang buruk kepada kita dan kadangkala kita dapati bahawa ada tandas-tandas yang tidak berfungsi, kotor, tidak ada bekalan air dan tidak dikawal dengan baik dan ini adalah satu masalah yang akan mendatangkan imej yang buruk kepada kita.

Selain dari itu, tempat-tempat gerai makan dan restoran, kita juga perlu mendapatkan kerjasama daripada pihak berkuasa tempatan bersama-sama untuk menjaga kebersihan gerai-gerai makan, pusat-pusat penjaja dan restoran-restoran supaya ia tidak akan mendatangkan imej yang negatif kepada kita.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pembangunan agrotourism, di sini saya ingin mencadangkan pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mendapatkan kerjasama dari pihak kerajaan negeri dan jabatan-jabatan yang berkenaan terutama Kementerian Pertanian supaya dapat mencari peluang untuk

petani-petani bersama-sama melibatkan aktiviti-aktiviti pertanian dan pelancongan dengan bentuk agrotourism dan bila mengadakan bentuk agrotourism ini kita pun boleh memperluaskan program 'home stay' kepada pelancong-pelancong dalam negeri dan daripada luar negeri dan ini akan dapat mendatangkan pendapatan yang lebih untuk petani-petani kita.

Tuan Pengerusi, selain daripada apa yang saya cadangkan tadi, kita juga perlu mengadakan lebih pusat-pusat promosi dan pusat-pusat informasi di tempat-tempat yang strategik di dalam negara kita dan di luar negeri untuk memasarkan negara kita supaya dapat mempertingkatkan pelancongan.

Selain dari itu, saya harap kementerian dapat mengenal pasti tempat-tempat yang bersejarah dalam negara kita ini supaya diperkenalkan kepada pelancong-pelancong dalam negeri dan pelancong luar negeri sebagai satu tarikan kepada pelancongan seperti di negeri Johor kita ada Masjid Sultan Abu Bakar, kita ada 'kuih kuno' Jalan Terus, Johor Bahru dan ini adalah tempat-tempat bersejarah sebagai tarikan kepada pelancong.

Tuan Pengerusi, pengeluaran kraftangan untuk negara kita ini sangat penting supaya kita dapat melalui usaha mempertingkatkan kraftangan di negara kita, kita boleh menjadikan ia satu tarikan kepada pelancong.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang kepentingan kita mempromosikan kebudayaan berbilang kaum di negara kita kerana ia adalah satu kekayaan, satu aset kepada kita. Oleh yang demikian saya harap di pertunjukan-pertunjukan dalam mana-mana majlis terutama bila ada pelancong asing dan pelancong tempatan, kita perlu mengadakan pertunjukan kebudayaan daripada berbilang kaum supaya kita dapat menunjukkan kepada para pelancong tentang kekayaan yang kita ada dalam kebudayaan berbilang kaum di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, ...

**Tuan Pengerusi:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Chang See Ten:** Sedikit sahaja lagi, Tuan Pengerusi. Untuk memastikan bahawa prestasi pelancongan di negara kita ini dapat dipertingkatkan, kita mesti mendapat kerjasama daripada semua pihak terutama rakyat jelata supaya dapat mengekalkan keamanan dan kestabilan politik di negara kita kerana ini adalah satu faktor yang sangat penting dan kita mesti memastikan bahawa tidak ada apa-apa gejala yang negatif atau unsur-unsur yang negatif yang akan mengakibatkan penurunan pelancongan kepada kita.

Baru-baru ini saya dimaklumkan bahawa peniaga-peniaga di hotel-hotel dan restoran di Kuala Lumpur menghadapi penurunan perniagaan sebanyak 50% hingga 80% akibat masalah reformasi yang berada di Kuala Lumpur. Dengan kata-kata yang demikian saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Bukit Bendera.

**12.58 tgh.**

**Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Di bawah tajuk B.22 Butiran 00700 – Program Pengindahan/Kebersihan Tempat Pelancongan.

Saya ingin membahaskan berkenaan dengan betapa pentingnya industri pelancongan bagi kawasan Parlimen Bukit Bendera.

Bagi negeri Pulau Pinang industri pelancongan adalah merupakan sektor yang kedua besar selepas sektor industri pengilangan kerana kawasan Parlimen Bukit Bendera merupakan satu kawasan di mana kebanyakan pantai-pantai yang indah, hotel-hotel yang bertaraf antarabangsa serta produk-produk pelancongan dan semua kebanyakan ini adalah di kawasan Parlimen Bukit Bendera dan pantai-pantai Batu Feringgi dan Tanjong Bungah yang dikenali di seluruh dunia juga adalah di kawasan ini dan lebih daripada 22 buah hotel bertaraf antarabangsa pun terletak di kawasan ini dan kebanyakan hotel-hotel ini terletak di pantai Batu Feringgi dan Tanjong Bungah.

Di antara tempat dan produk pelancongan yang masyhur di Pulau Pinang yang mustahak sekali ialah Bukit Bendera, dan di sini maksudnya ialah Penang Hill dan kebun bunga, maksudnya Penang Botanical Garden, kedua-dua tempat pelancongan ini merupakan satu warisan semula jadi yang amat unik dan bukan sahaja untuk negeri Pulau Pinang tetapi untuk negara Malaysia juga. Dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa ini, saya ingin berbincang tentang masalah mengenai Penang Hill ini dan Penang Botanical Garden.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat, sila sambung petang ini.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

***Dewan ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] ***mempengerusikan Mesyuarat***

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Bukit Bendera diminta sambung.

**2.30 ptg.**

**Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Seperti yang saya dengar ucapan tadi, saya ingin membentangkan tentang masalah mengenai Bukit Bendera dan di sini bukan maksud saya kawasan Penang Hill dan juga Kebun Bunga, bukan satu kawasan tetapi Penang Botany Garden dan dengan ini saya berharap bahawa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dapat memahami masalah yang dihadapi dan berharap bahawa lebih peruntukan dapat diberi untuk mempertingkatkan taraf kemudahan dan menyelamatkan kedua-dua pusat warisan semula jadi ini.

Tuan Pengerusi, di Bukit Bendera iaitu Penang Hill, sistem perparitan, jalan dan lorong-lorong adalah sangat mustahak untuk Sistem Eko (Eco System) dan stability bukit tersebut dan sekiranya parit dan lorong atau jalan di atas bukit tidak diselenggarakan dengan sempurna, akan mengakibatkan keruntuhan parit dan termasuk jalan juga. Ini akan menyebabkan lebih banyak kejadian tanah runtuh atau hakisan tanah maksud saya soil erosion dan terdapat banyak bahagian jalan, lorong dan parit dan juga hill trail yang memerlukan penjagaan dan pembaikan yang besar. Ramai penduduk di atas bukit telah membuat aduan bahawa sampah sarap tidak dikutip secara kerap dan ini mengakibatkan sampah sarap dibuang merata-rata dan mewujudkan tempat pembuangan sampah haram di atas bukit. Saya telah merayu kepada pihak berkuasa supaya masalah ini dapat diselesaikan dan masalah ini sangat mustahak kerana kita memerlukan satu pandangan yang baik dari segi pelancong dan penduduk di atas bukit.

Baru-baru ini Kerajaan Pulau Pinang telah membina dan membekalkan hawa dingin di bilik menunggu di bawah stesen atau di stesen bawah dan kerajaan juga patut memperindahkan Bukit Bendera di atas bukit, di kemuncak dan dengan secepat mungkin melalui pandangan alam yang boleh dirancangkan serta menanam secara intensif dan komprehensif pelbagai jenis bunga yang menarik seperti great wine, jade wine termasuk bunga ros ataupun bunga kertas supaya kita dapat mengembalikan penarikan dan cemerlang bagi Bukit Bendera.

Dahulu ramai pelancong telah membuat aduan bahawa mereka berasa bosan dan panas kerana dahulu kena tunggu dua jam di bilik yang tidak berhawa dingin. Sekarang selepas menunggu selama dua jam, dan apabila sampai ke kemuncak, mereka merasa sangat kecewa kerana keadaan yang sedia ada tidak memuaskan dan kereta api Bukit Bendera adalah satu sistem vernakular yang amat unik dan kalau pada hemat saya mungkin satu sistem tunggal di negara kita dan tidak banyak sistem seperti ini wujud di seluruh dunia. Walaupun baru-baru ini dalam

konvensi CPA di Wellington, saya pun pernah pergi tengok sistem seperti ini di Wellington. Dan jika sistem kereta api khasnya motor dan jentera serta carriage penumpang ini dapat dipertingkatkan menjadi satu sistem yang lebih efficient, lebih ramai pelancong dapat melawat ke Bukit Bendera dan seperti ini dengan lain-lain kemudahan khasnya satu kedai teh atau tea kiosk di atas 'strawberry' yang amat masyhur itu perlu dipertingkatkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Jadi, Tuan Pengerusi, saya berharap bahawa pihak kementerian dapat mengambil berat tentang masalah ini yang saya bantangkan dan berharap lebih peruntukan dapat diberi untuk projek-projek sistem kereta api yang berwarisan ini dan sistem jalan-jalan, lorong dan perparitan dan juga perindahan di atas bukit seperti penanaman bunga hiasan seperti yang saya katakan tadi kerana bagi saya Bukit Bendera adalah satu tempat yang sangat mustahak, kerana jika Bukit Bendera ini tidak dikekal atau dijaga, memang tidak ada Bukit Bendera dan jika tidak ada Bukit Bendera, mungkin saya tidak ada kawasan Parlimen untuk bertanding pada pilihan raya yang akan datang. Jadi oleh kerana masa yang terhad ini mengucapkan ribuan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Mersing.

**2.37 ptg.**

**Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud B.22 – Butiran 030000 iaitu Pembangunan Pelancongan.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita maklum Mersing merupakan salah satu daripada destinasi pelancongan di negara kita di mana di daerah Mersing sahaja kita mempunyai lebih kurang 13 buah pulau yang boleh dilawati. Sejak akhir-akhir ini terutama selepas kita ada masalah sedikit dengan Singapura, masalah jerebu dan masalah sekarang ialah masalah ekonomi. Bilangan pelancong yang datang ke Mersing, makin hari makin kurang. Mungkin saya rasa

ini terutamanya yang datang dari luar negara adalah disebabkan oleh kempen atau dakwah negatif yang disebarkan oleh pihak-pihak tertentu di luar negara, yang membuatkan pelancong luar negara takut hendak datang ke Mersing khususnya, dan negara kita amnya.

Jadi, saya berharap pihak kerajaan akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk memulihkan keadaan ini khususnya saya kira pihak kementerian boleh menggunakan selain daripada siaran TV dan sebagainya, kita hendaklah menggunakan kemudahan yang sedia ada di dalam Internet, dalam Web kementerian. Sebarkan maklumat-maklumat yang sebenar tentang negara kita dan juga kemudahan-kemudahan pelancongan yang terdapat dalam negara kita, khususnya di tempat saya di Mersing. Kalau di Mersing, selama ini pihak kerajaan negeri yang banyak memberi tumpuan kepada pembangunan pulau-pulau di perairan Mersing.

Jadi, saya mintalah pihak Kerajaan Pusat juga mengambil bahagian dan memberikan sedikit peruntukan untuk memajukan pulau-pulau di perairan Mersing.

Kebanyakan pelancong yang datang ke Mersing yang pergi ke pulau-pulau di perairan Mersing yang melalui jeti Mersing, sebahagian besarnya pergi ke Pulau Tioman kalau pelancong luar negara datang ke Mersing lalu jeti Mersing biasanya mereka hendak ke Pulau Tioman sedangkan kita mempunyai banyak lagi Pulau saya bukan kata tidak setuju mereka pergi ke Pulau Tioman, kerana Pulau Tioman pun sebahagian daripada negara kita juga. Tetapi saya minta pihak kerajaan supaya memberi publisiti yang lebih sedikit untuk pulau-pulau daerah Mersing ini, adakan pamphlets dan juga masukkan pulau-pulau ini di dalam kalendar tahunan kementerian, kerana saya difahamkan pihak kementerian juga ada sediakan kalendar yang dimasukkan destinasi-destinasi pelancongan di seluruh negara. Tetapi saya lihat tidak ada usaha-usaha untuk memasukkan maklumat

tentang pulau-pulau yang terdapat di Mersing ini. Satu lagi yang saya hendak sentuh berkenaan dengan landskap. Saya difahamkan pihak kementerian telah menyediakan peruntukan sebanyak RM3 juta bagi memperindahkan bandar Endau, saya tidak pasti apa dah jadi dengan peruntukan ini, sudah lama saya dengar, jadi saya berharap saya hendak dapatkan sedikit kenyataan daripada pihak kementerian, bagaimanakah peruntukan yang sudah disediakan dan bila kerja-kerja ini hendak dimulakan. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi yang hendak saya bangkitkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Kota Bharu.

**2.44 ptg.**

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 030000 dan 040000. Tuan Pengerusi, adalah diperakui bahawa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah banyak membangun infrastruktur pelancongan dan menggalak pembangunannya. Walaupun begitu saya percaya masih banyak lagi yang boleh dilakukan oleh kementerian. Pelancong-pelancong sama ada dari tempatan mahupun dari luar boleh kita kategorikan kepada tiga kumpulan, iaitu pelancong kumpulan mewah, termasuklah pelancong dari sektor korporat, pelancong-pelancong yang melancong cara berkumpulan berkeluarga secara yang sederhana berpendapatan sederhana, dan pelancong-pelancong yang boleh kita masukkan dalam kumpulan ini terdiri daripada belia ataupun pelajar-pelajar.

Tuan Pengerusi, saya fikirkan kalau pihak kementerian boleh memberi penumpuan pengkhususan kepada kategori-kategori pelancongan ini ia boleh mendatangkan banyak manfaat, umpamanya dari segi produk-produk pelancongan eloklah kita senaraikan produk-produk mengikut kategori ini, apakah sudah memadai produk-produk untuk setiap kumpulan itu, kumpulan yang mewah, kumpulan yang berkeluarga yang suka melancong secara berkeluarga, maknanya

produk-produk yang sesuai untuk keluarga, dan juga produk-produk yang sesuai untuk pelancong-pelancong di kalangan belia dan pelajar-pelajar.

Saya mengambil contoh umpamanya daripada negara Korea Selatan, yang dahulunya pada peringkat tahun 80-an negara itu begitu aggressive sekali memajukan bidang pelancongan tempatan kerana Kerajaan Korea waktu itu mahu menyekat rakyatnya dari melancong luar negara dan di kalangan pelancong-pelancong yang di'target'kan menjadi sasaran ialah pelajar-pelajar sekolah dan kita boleh lihat apabila musim bercuti sekolah bukan ratusan ribu, juta rakyatnya khususnya di kalangan pelajar melancong di merata tempat di dalam negara Korea Selatan diikuti dengan pelancong-pelancong yang melancong secara berkeluarga. Jadi disebabkan sasaran itu maka mereka telah mengenalpastikan beberapa produk pelancongan yang sesuai untuk minat kumpulan-kumpulan tertentu itu.

Satu lagi yang ingin saya menyentuh ialah berkenaan dengan iklan. Pelancong-pelancong yang kumpulan sederhana memerlukan kepada lebih banyak maklumat berkaitan dengan produk-produk yang bersesuaian dengan minat mereka termasuklah kemudahan-kemudahan seperti penginapan dan pengangkutan. Umpamanya, di Pulau Hawaii dan beberapa tempat di Eropah, di mana pelancong-pelancong yang berpendapatan rendah ataupun sederhana diberi peluang sewaktu mereka masuk di pintu utama dalam negara-negara tersebut mereka telah diberi kemudahan ada sudutnya di pintu-pintu masuk utama itu di mana terdapat maklumat secukupnya berkenaan dengan penginapan yang murah, budget hote, budget hostel dan juga pengangkutan-pengangkutan yang akan memudahkan semasa mereka melancong di tempat berkenaan. Perkara ini sangatlah ketinggalan di negara kita, kita tidak ada, sama ada di KLIA, ataupun dahulunya di Subang, di Pulau Pinang, lebih-lebih lagi di negeri-negeri tetapi yang lebih pentingnya di pintu masuk utama seperti di KLIA, haruslah diadakan satu sudut di mana pelancong-pelancong dapat mengetahui seawal mungkin bahawa

mereka boleh mendapatkan - ini bagi pelancong luar negaralah, mendapatkan kemudahan-kemudahan yang agak berkualiti tetapi murah ataupun berkeupayaan di pihak mereka.

Saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan iklan ini iaitu di pihak kerajaan sendiri, di pihak kementerian tidak harus mengharapkan pengusaha-pengusaha yang kecil-kecilan atau sederhana ini berkemampuan, oleh itu iklan-iklan yang bersesuaian haruslah diperkenalkan oleh pihak Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia untuk memanfaatkan kumpulan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanyalah seperti mana biasa, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, apakah komposisinya, apakah dari segi jantainya seimbangan, dan saya percaya kalau kita prihatin atas perkara ini memastikan ada imbalan ia akan lebih berkesan. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat saya terpaksa hadkan bilangan Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap selanjutnya kepada dua orang lagi. Telok Kemang.

**2.49 ptg.**

**Dr. L. Krishnan [Telok Kemang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih sekali lagi. Saya ingin berucap sedikit atas Butiran 030000 Pembangunan Pelancongan.

Tuan Pengerusi, semasa kegawatan ekonomi yang melanda negara kita, satu industri yang kita harap-harapkan akan membawa hasil dengan mata wang asing ialah industri sektor pelancongan. Lagipun, dengan penurunan mata wang Ringgit salah satu industri yang kita jangka akan berkembang ialah industri pelancongan kerana melancong di Malaysia telah murah. Sungguhpun, ada beberapa faktor negatif seperti jerebu, El Nino, wabak coxsackie, demonstrasi-demonstrasi pada hujung minggu, publisiti buruk di media asing, dan baru-baru ini ucapan biadab Al

Gore telah terjejas sedikit sektor pelancongan, saya yakin jika kementerian terus mengenakan penurunan mata wang sebagai faktor utama dalam promosinya kita akan dapat meningkatkan sektor ini pada tahun ini.

Tuan Pengerusi, lagi pun rakyat Malaysia telah dinasihatkan melancong di dalam negara supaya mata wang kita tidak mengalir ke negara asing. Justeru itu juga kita mesti mengambil langkah positif untuk meningkatkan taraf tempat-tempat pelancongan di dalam negara. Kita harus mengenal pasti program-program atau produk-produk menarik di sesuatu negeri selepas itu kita harus menggunakan perkhidmatan pakar-pakar perunding dalam bidang ini untuk penyelidikan dan untuk membangunkan program-program atau produk-produk yang telah dikenal pasti dan terus memberi report dengan cadangan pembangunan.

Saya ingin tahu sama ada prosedur seperti ini dilakukan dan juga berapakah peruntukan yang disediakan untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang ini.

Tuan Pengerusi, Negeri Sembilan adalah negeri yang mempunyai adat-adat dan architecture, rekabentuk minangkabau yang unik dalam negeri ini. Port Dickson adalah satu pantai yang menarik juga. Saya mencadangkan kepada kementerian supaya mengisytiharkan bandar Port Dickson sebagai satu bandar pelancongan. Saya juga mencadangkan agar satu pakar perunding dilantik untuk menyelidik dan menggabungkan keunikan, adat-adat architecture ini dan memberi suatu laporan dan cadangan tentang keperluan infrastruktur, landskap, adat dan architecture kepada kementerian untuk membangunkan sektor pelancongan di negara ini.

Tuan Pengerusi, tahun 1999 adalah Tahun Melawat Negeri Sembilan. Saya haraplah kementerian mengambil sedikit inisiatif dan juga memperuntukkan lebih wang kepada negeri ini, untuk mempromosikan negeri ini supaya ramai melawat negeri ini pada tahun depan. Dengan kata-kata ini saya terus menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Bukit Mas. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

**2.53 ptg.**

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Merujuk kepada Butiran 030000 – Pembangunan Pelancongan dan seterusnya 040000 - Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya secara lanjut berkenaan dua perkara ini iaitu setakat ini bagaimana pencapaian Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia untuk menarik pelancong daripada luar negara ke negara kita di Malaysia khususnya pada tahun-tahun lepas. Selain daripada itu, adakah agensi-agensi ini tiap-tiap tahun membuat feedback ataupun maklum balas kepada beberapa pengusaha hotel-hotel ataupun travel agent supaya dapat memperkembangkan bagaimana cara untuk menarik pelancong ke negara kita.

Memang dalam keadaan seperti ini iaitu kegawatan ekonomi dan kegawatan politik, kita harus mempertingkatkan bagaimana cara kita menarik perhatian perlancong-pelancong daripada luar. Yang saya ingin tanyakan di sini iaitu di KLIA, sekarang ini adakah Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia ini membuat satu pejabat khas untuk membantu pelancong-pelancong daripada luar. Kadang-kadang sekiranya apabila mereka sampai ke KLIA di satu pusat di ‘Gate Way To Malaysia’, dengan izin dan pertama kali mereka menjejak ke negara kita itu yang penting iaitu *The impression that we give to them*’, saya masih ingat pada tiga tahun yang lalu, kita pergi melawat ke satu tempat di negara jiran iaitu Thailand, kita betul-betul gembira sekali apabila kita sampai ke lapangan terbang sana kita jumpa dua, tiga orang pegawai-pegawai khususnya wanita yang cantik-cantik. They said: “Hello! Welcome to Thailand”. Perkara yang kecil seperti

begini sampai sekarang kita masih ingat dan harapan saya di Malaysia, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia ini saya rasa tiap-tiap tahun kaji cara bagaimana kita dapat mempertingkatkan kegiatan kita.

Saya mencadangkan tiap-tiap lapangan terbang antarabangsa tubuhkan satu pejabat kecil supaya mereka dapat membantu untuk menarik pelancong datang ke Malaysia. Yang kedua berkenaan perkara ini, saya ingin bertanya sekali lagi, ini kali kedua saya bertanya di Dewan Rakyat ini adakah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, bercadang untuk menghidup semula Feri Malaysia yang telah berhenti lama dahulu.

Tuan Pengerusi, maksud saya iaitu jangan kita mengira program untuk rakyat Malaysian di peringkat atasan – orang yang kaya-raya – yang penting kita harus juga bantu rakyat kita yang khususnya berpendapatan rendah. Misal kata kalau kita pergi ke Sarawak sampai ke Semenanjung Malaysia terpaksa menaiki kapal terbang dan harga belanja kapal terbang lebih RM1,000. Sekiranya harga pengangkutan ini dapat dikurangkan melalui misal kata Feri Malaysia. Banyak orang yang datang ke Semenanjung dan sebaliknya ramai orang Semenanjung datang ke Sabah dan Sarawak. Ini dapat mempertingkatkan integrasi nasional di kalangan rakyat kita di Malaysia.

Saya tidak mahu dengar perkataan, ini Feri Malaysia mahal. Saya difahamkan dulu Feri Malaysia hanya harga RM50 juta. Saya bercadang sekali lagi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, tolong cari jalan bagaimana, kalau tidak minta peruntukan dari kerajaan. Semua kerajaan negeri campur tangan supaya di peringkat bawahan, petani-petani dari Alor Star, Kedah, petani-petani dari Sabah dan Sarawak dapat melancong di dalam negara kita. Jangan kita beri tumpuan hanya kepada peringkat antarabangsa, tengok dalam keadaan sekarang, orang yang di peringkat antarabangsa yang buat kacau untuk negara kita. Akhir-akhir kita balik kepada rakyat biasa. Minta sokongan padu, minta ini, minta itu – minta pakai badge juga tetapi yang penting itu kita harus sebagai kerajaan rancangan untuk program untuk semua lapisan masyarakat.

Saya mencadangkan hidup semula Feri Malaysia, kalau tidak Feri Malaysia, Feri Malaysia Baru, kerana Feri Malaysia itu lama dulu, Feri Malaysia Baru. Saya rasa kalau misal kata ada syarikat gergasi boleh bina Star Cruises mengapa orang

tidak mahu bina Feri Malaysia untuk orang yang berpendapatan rendah, untuk murid-murid sekolah seperti yang dikatakan dari rakan daripada sana tadi.

Itu yang ingin saya cadang di sini. Kalau tidak ada apa-apa yang dibincang perkara ini saya minta buat satu kajian, bagaimana kita dapat menggerakkan pelancongan dalam negeri. Saya rasa di Malaysia ini banyak tempat yang menarik dan sekiranya kalau kita dapat menggerakkan 10% penduduk di Malaysia melancong dalam negara kita, seorang membelanjakan RM1,000, tiap-tiap tahun RM2.2 bilion yang kita belanjakan untuk pelancongan. Bermakna kita boleh menggerakkan, yang penting itu kerajaan ada minat atau tidak. Saya mahu cadang, kalau boleh tolong kerana pada satu masa dahulu, dua tahun yang lepas Menteri Pelancongan Negeri Sarawak ada membuat saranan supaya Feri Malaysia dapat dihidupkan sekali lagi. Kalau tidak buat kajian dan saya minta jawapan terus terang daripada kementerian.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 01900 iaitu Pembangunan Ecotourism. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian mengenai pembangunan ecotourism negara kita satu negara yang kaya. Saya rasa selain daripada negeri Pahang ataupun Sabah atau Sarawak, banyak kawasan di Malaysia yang menarik yang boleh dibangunkan dari segi ecotourism. Maksud saya di sini, saya ingin bertanya apakah program yang dirancangkan dulu ataupun yang sedang dilaksanakan sekarang ini. Misal kata, kita harus membuat satu target atau matlamat supaya kita tahu misal kata daripada Sarawak, kita mahu melancong ke Semenanjung khususnya, ingin tahu perkembangan tentang pelancongan ecotourism, di mana kita pergi, Taman Negara sahaja, ada tempat yang lain, Mersing misal kata.

Maksud saya di sini, selain daripada mengembangkan tempat itu, target itu harus spesifik. Kalau kita hendak menarik pelancong daripada Singapura, harus kita kembangkan beberapa tapak ataupun kawasan yang menarik berdekatan dengan Johor, Melaka dan kalau kita ingin menarik pelancong daripada negara

jiran seperti Thailand, kita kembangkan kawasan utara. Kalau saya ingin menarik pelancong daripada Filipina, kita kembangkan kawasan di Kota Kinabalu sebelah sana dan di negara jiran Indonesia dengan Brunei, kita kembangkan kawasan Bukit Mas dekat dengan Brunei. Maksud saya, program atau perancangan yang spesifik dan ada target.

Kalau kita ingin melancong untuk menaiki gunung misal kata, dua pilihan, Gunung Tahan dengan Gunung Kinabalu misal kata, tetapi apabila saya sampai di kedua-dua tempat ini adakah produk-produk itu sesuai untuk mereka yang datang melancong khas untuk kategori ini. Orang yang ingin pergi ke hutan belantara, adakah sesuai kawasan Gunung Tahan sahaja ataupun kawasan di sebelah Sarawak dan kalau mereka pergi ke sana mereka hilang, bagaimana? Seperti di Kota Kinabalu, kita selalu baca di surat khabar, ini yang penting dari segi safety, keselamatan itu juga penting supaya pelancong daripada negara luar senang sekali datang ke Malaysia dan saya berharap dari segi pembangunan ecotourism saya ingin dengan jelas minta terperinci perkembangan ecotourism ini daripada kementerian. Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

### **3.02 ptg.**

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Teng Gaik Kwan]:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya bagi pihak kementerian mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lebih kurang 13 orang Ahli-ahli Yang Berhormat kerana sudi memberi teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang membina bagi memantapkan lagi pembangunan industri pelancongan negara supaya ianya tumbuh secara berterusan lebih-lebih lagi pembangunan industri pelancongan negara dapat membantu negara ke arah pemulihan ekonomi pada masa ini.

Memang tidak dinafikan industri pelancongan di Malaysia adalah merupakan salah satu sektor ekonomi terpenting yang telah menyumbang kepada

pembangunan sosio-ekonomi negara. Pada tahun 1996 industri ini menjadi sektor kedua selepas sektor perkilangan dalam sumbangan kepada pendapatan tukaran wang asing negara sebanyak RM11.3 bilion. Pada tahun 1997 ia menduduki tempat ketiga selepas sektor perkilangan kelapa sawit dengan pendapatan sebanyak RM10.5 bilion.

Kepentingan industri ini juga boleh dilihat dari segi penyediaan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini dan kerana sektor pelancongan adalah terlibat dalam berbagai sektor pekerjaan seperti penginapan, ejensi pelancongan, ejensi pengembaraan, pengangkutan, pusat tarikan pelancong, institusi latihan pelancongan dan sebagainya. Pada hakikatnya industri pelancongan berpotensi untuk mempertingkatkan lagi pembangunan industri secara berterusan. Memandangkan negara mempunyai produk-produk pelancongan yang menarik seperti keindahan warisan alam semula jadi, sosio-budaya dan sejarah yang unik antara negara juga berpotensi untuk memperkenalkan ecotourism-ecotourism, sukan, pulau-pulau dan pantai-pantai peranginan, program 'home stay' dan sebagainya.

Begitu juga saya hendak sebut di sini berkaitan dengan isu dan masalah kerana industri pelancongan boleh dikatakan satu sektor yang amat sensitif. Ini diakui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat juga merupakan salah satu industri yang memberi sumbangan yang besar, saya ada sebut kepada pendapatan negara tetapi ianya juga merupakan sektor ekonomi anjal. Sekiranya negara mengalami masalah ekonomi seperti hari ini, alam sekitar pun seperti hari ini, kita mengalami La-Nina pula dan politik yang tidak berapa stabil, lapaoran media, keselamatan dan sebagainya boleh menyebabkan sektor ini mudah terjejas.

Kita ada mengalami wabak penyakit kritikal coxsackie yang berlaku pada tahun 1996. Ini menyebabkan kedatangan pelancong asing merosot sebanyak 4.4%. Pada tahun 1997 pula kedatangan pelancong asing telah merosot sebanyak 12.7% dan begitu juga dengan perbelanjaan telah merosot sebanyak 6.3% berbanding dengan tahun 1996. Ini semua boleh dikatakan adalah disebabkan oleh masalah yang dihadapi yang di antaranya ialah kegawatan ekonomi, jerebu, laporan negatif media asing dan ketidakstabilan negara menyumbang utama pelancongan ke negara ini seperti Thailand, Korea Selatan, Indonesia dan Jepun.

Banyak Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai Al Gore dan Albright yang telah menunjukkan behavior yang tidak sopan, yang perasaan kita

boleh dikatakan tersinggung. Saya amat merasa kesal kerana inilah kalau media massa asing ada menyiarkan lagi news atau berita-berita yang seperti ini, memang kita menghadapi lebih teruk lagi berkaitan dengan industri pelancongan.

Mengenai Yang Berhormat dari Seremban, saya mengucapkan terima kasih kepada sokongan Yang Berhormat tetapi bilangan 80% pelancong dari luar negara yang sudah berkurangan, barangkali ini tidak berapa tepat kerana kejatuhan ini setakat bulan Februari 1998, awal tahun ini, dua bulan sahaja. Walau bagaimanapun, bagi tempoh Januari hingga Mei 1998 kadar kejatuhan hanya 21% sahaja, barangkali ini tinggi sedikit dalam dua bulan itu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Seremban. Jumlah ketibaan pelancong setakat tempoh Januari hingga Mei berjumlah hampir 1.9 juta orang.

Berkaitan dengan budget yang kita hendak buat promosi di luar negara boleh dikatakan harganya amat tinggi, pengiklanan (advertisement) khususnya, sukacita saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Seremban, memang sebenarnya budget itu tidak cukup dan kita masih memohon daripada Kementerian Kewangan.

Mengenai web encyclopedia memburuk-burukkan negara kita, ini terpulanglah kepada printer tetapi kita di sini amat berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dengan sendiri boleh menyumbang, melalui website juga kita boleh buat e-mail atau apa-apa saja untuk menjelaskan kepada kawan-kawan di luar negara, kepada jiran-jiran atau lain-lain orang. Setiap rakyat kita boleh memberi sumbangan dan membuat penjelasan juga kepada orang-orang yang berkaitan.

Mengenai sasaran, memang kita ada sasaran kerana tahun ini kita telah membuat sasaran bertumpu kepada negeri China, India, Jepun, Hong Kong dan juga Eropah dan kita telah membuat rancangan untuk mempromosikan di negara-negara yang kita tegaskan. Saya sebenarnya baru balik dari negara China, promosi itu amat menggalakkanlah.

Mengenai visa, sebenarnya visa untuk memasuki negara kita boleh dikatakan telah dilonggarkan. Jabatan Imigresen Malaysia selaras dengan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) akan melaksanakan keputusan kerajaan memperkenalkan kemudahan

baru visa bagi pelawat negara Republic Rakyat China dan India. Tindakan akan diambil kerana ini sudah ditetapkan untuk melonggarkan visa untuk kedua-dua negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Seremban bangun.

**Dato' Hon Choon Kim:** Minta penjelasan. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' kerana berusaha begitu gigih dan 'turun ke padang' sendiri untuk melawat negara-negara untuk membuat promosi, jadi saya ucapkan tahniah. Saya ingin minta penjelasan sama ada benar atau tidak bahawa rakyat negara China, Jepun dan India, mereka ini biasanya berbelanja lebih banyak kalau berbanding dengan 'orang putih'. 'Orang putih' itu walaupun 'act' sangat tetapi belanja kurang, jadi adakah ini benar atau tidak? Minta penjelasan.

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Pengerusi, ini memang betul kerana orang China dari negari China, kalau kita memandang kepada pertumbuhan ekonomi di negeri itu memang boleh dikatakan amat tinggi pertumbuhan ekonominya. Sebab itulah orang China dari Mainland boleh berbelanja banyak. Kadang-kadang saya juga ada maklumat, mereka pergi ke kedai emas, beli barang-barang pun banyak dan they packed and they send them back, dengan izin. Kalau dibandingkan dengan pelancong dari negara lain, kedua-dua negara ini boleh dikatakan amat baik boleh membelanjakan banyak wang di sini.

Satu lagi berkaitan dengan Tahun Melawat Negeri Sembilan. Sebenarnya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan turut sama terlibat dalam Jawatankuasa Induk Tahun Melawat Negeri Sembilan. Kementerian juga ada membantu membangunkan beberapa kemudahan pelancongan dan kebudayaan, kementerian juga ada memberi bantuan kewangan untuk menganjurkan acara-acara pelancongan di sepanjang tempoh tahun akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Senai, sebenarnya Johor Bahru adalah salah satu daripada 12 destinasi pelancongan yang diberi perhatian dan tumpuan dalam promosi di dalam dan di luar negara kerana Ahli Yang Berhormat Senai kata Johor

Bahru ditinggalkan, ini tidak benar kerana Johor Bahru ialah salah satu destinasi kita mempromosikan. Dan .....[*sambil melihat catatan*] sekejap ya, sorry.

Saya ucapkan terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Senai kerana menyokong juga. Saya rasa saya sudah jawablah.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Terengganu menyentuh berkaitan dengan majlis kebudayaan. Sebenarnya kita bekerjasama dengan majlis kebudayaan negeri dan semua majlis kebudayaan negeri boleh dikatakan ada sokongan daripada Kementerian KKP. Kita pun ada bagi peruntukan untuk setiap negeri, boleh dipohon. Berkaitan dengan Tasik Kenyir, ini boleh dikatakan salah satu destinasi juga yang kita buat promosi di dalam negeri dan di luar negeri.

Yang Berhormat dari Kepong ada sebut mengenai arkeologi. Berkaitan artifak-artifak yang digalikan, yang didapatkan ....., saya tidak berapa dapat maklumat ini. [*Melihat teks*] Ini boleh dikatakan amat panjang di sini, kerana saya barangkali boleh jawab secara bertulis, tidak boleh habiskan semua.

Mengenai Yang Berhormat dari Serdang, perkara-perkara yang ditimbul ialah mengenai Cameron Highlands, Fraser's Hills dan Genting Highlands. Jalan-jalan selalunya ada tanah runtuh dan lain-lainnya. Sebenarnya 2, 3 highland destinasi pelancong, boleh dikatakan kita ada rancangan nak buat jalan, menghubungkan ketiga-tiga tempat ini tetapi kerana kegawatan ekonomi hari ini, kita barangkali bukan dibatalkan tetapi ditangguhkan – slow sikit. Sebenarnya Fraser Hills itu ialah di kawasan saya dan saya pun ada ambil berat juga berkaitan Fraser Hills tapi tidak boleh buat apa kerana kegawatan ini, ekonomi tidak baik.

Dari Santubong pula, Yang Berhormat dari Santubong menyentuh mengenai sumber manusia. Sebenarnya mengenai pemandu pelancong, kita ada institusi melatihkan pemandu pelancong, dan selepas itu lebih kurang satu tahun

kalau sudah lulus peperiksaan boleh dapat lesen, baru boleh melayakkan diri jadi pemandu pelancong. Dan barangkali juga berkaitan dengan pakaian yang tidak berapa sesuai, kita nak sebutkan, kita pun ada garis panduan kerana ada juga orang-orang yang berkenaan tidak ikut garis panduan tetapi, saya boleh menyuruh kepada Yang Berhormat kalau ada sesiapa boleh bagi tahu kementerian berkaitan orang itu, dia ada nombor, dia ada lesen, dia ada tag di hadapan dia. Tetapi saya berharaplah pakaian itu terpulung kepada orang tetapi kadang-kadang kita tak boleh buat apa juga, kita boleh buat ialah barangkali satu hari pakai uniform, yang senang sekali.

Berkaitan dengan agrotourism dan ecotourism, ini ada berlainan sedikit.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Santubong bangun.

**Puan Rohani binti Haji Abd. Karim:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Mengenai dengan pemandu pelancong tadi, adakah diwajibkan bagi agensi pelancongan ini untuk menghantarkan pemandu pelancong ini berkursus wajib. Compulsory atau tidak?

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Ini memang wajib kerana kalau tidak dapat lesen tidak boleh jadi Pemandu Pelancong. Mesti ada lesen dan permit, terima kasih.

Yang Berhormat ada menyebutkan Pemandu Pelancong tidak ramai yang menyertainya yang ada cuma 73 orang yang membaharui lesennya di Sarawak. Ini barangkali untuk tahun berkenaan sahaja. Ini dia hendak membaharui lesen. Kita tidak boleh terus ... you know, satu lesen dia pakai beberapa tahun, kita mesti membaharui lesen yang dia dapat.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah mengenai promosi yang tidak cukup dibuat oleh Lembaga Pemandu Pelancongan Malaysia (LPPM). Sebenarnya promosi-promosi yang kita buat di luar negeri boleh dikatakan selama ini tidak berhenti-henti kerana kalau kita berhenti pelancongan sudah melupakan negara

kita Malaysia. Ada orang kata buat sekali cukuplah, ini tidak cukup. Seperti iklan-iklan yang kita buat selalu hendak mengingatkan orang dari luar negeri, Malaysia ialah satu destinasi untuk pelancong dan dia menyuruh kita buat lebih lagi. Memang kita hendak buat lebih tetapi peruntukan ini barangkali banyaklah.

Berkenaan dengan domestic tourism, ini tourism tempatan. Hotel-hotel hari ini boleh dikatakan kalau kita banding hotel rate, kadar hotel di negeri China atau di Hong Kong memang kita tidak sampai 50% kadar harga dia. Ini pun satu value for money, kalau pelancong dari luar negeri yang masuk ke sini dia boleh tahu juga. Hotel mewah pun sekarang sudah direndahkan kadarnya (rate). Yang Berhormat Gelang Patah ada mencadangkan KLIA sudah ada sebuah hotel mewah, kadarnya RM380.00, dia mencadangkan satu 'budget hotel' dibuat, barangkali ini boleh ditimbang kerana Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ada 16 buah hotel sederhana (budget hotel) di seluruh Malaysia. Barangkali masa-masa yang akan datang kita akan buat satu di KLIA untuk orang-orang yang tidak berkemampuan pergi ke Pan Pacific Hotel.

Mengenai pakej-pakej hotel, boleh dikatakan pada tahun ini pakej-pakej yang menarik ada lebih 240 program aktiviti untuk menarik pelancong dari luar dalam negeri dan inilah barangkali kualiti perkhidmatan kita hendak meningkatkan lagi. Cadangan ini amat baik supaya agensi-agensi pelancongan dan jabatan-jabatan kerajaan menjaga kebersihan tandas tetapi ini bukan di bawah seliaan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, ini di bawah seliaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kita semua kena jaga imej yang baik. Tandas-tandas seperti tandas-tandas di lebuhraya, di tepi jalan itu, boleh dikatakan sampai hari ini boleh tahan jugalah, tidak berapa teruk sangat.

Mengenai pusat informasi yang kita ada di merata tempat di seluruh Malaysia, kita ada pusat informasi di kementerian. Seorang Ahli Yang Berhormat ada menyentuh mengenai KLIA tidak nampak pusat pelancongan, kita ada satu

pusat itu di satellite, bukan di sebelah sini, main building, bangunan induk. Ini untuk orang-orang asing, pelancong-pelancong asing. Setelah mendarat dari kapal terbang dia boleh dapat maklumat daripada pusat itu.

Industri pelancongan bukan sahaja berkaitan dengan destinasi-destinasi sahaja tetapi ada membeli-belah, kraftangan, tempat-tempat bersejarah atau tempat-tempat seperti Pulau Pinang adalah satu tempat 'heritage' dan Yang Berhormat dari Bukit Bendera ada mengatakan Pulau Pinang ialah satu tempat yang amat popular seperti Batu Feringgi, Tanjung Bungah, Bukit Bendera. Setakat ini boleh dikatakan pelancong yang datang ke negeri Pulau Pinang amat menggalakkan jumlahnya. Saya di sini boleh memuji kerana Kerajaan Pulau Pinang di bawah Yang Amat Berhormat Koh amat aktif dan Yang Berhormat dari Bukit Bendera tidak payah bimbanglah kerana negeri Pulau Pinang setakat ini pelancongan amat maju.

Masalah berkaitan rumah ibadat yang dilawati oleh pelancong asing, soalan ini ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Arau.

Kementerian mengucapkan terima kasih atas saranan Yang Berhormat yang menimbulkan dua perkara di sini. Satu, ibadat yang saya sentuh tadi. Pakaian itu sebenarnya ada disediakan di bahagian luar. Pakaian untuk pelancong asing atau orang bukan Islam boleh dikatakan kalau ikut peraturan adalah menutup aurat. Yang Berhormat dari Arau mengatakan tidak tutup semua, ada rambut pun boleh nampak. Barangkali ini terpulanglah kepada orang itu, kita tidak boleh buat apa. Dia tidak mahu tutup macam mana? *[Ketawa]* Kerajaan sebenarnya hendak menjadikan masjid-masjid atau rumah ibadat menjadi satu destinasi juga untuk pelancong asing dan saya berharaplah pelancong asing pun hendaklah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh bahagian masjid.

Saya ucapkan terima kasih atas saranan Yang Berhormat supaya masalah yang berkaitan dengan masyarakat tempatan tidak terjejas akibat memajukan pelancongan atau kedatangan pelancong asing. Kementerian memang sentiasa menekankan tata susila, budaya tempatan serta adat resam tidak terjejas dan dapat dikekalkan. Barangkali ini ada

juga sedikit masalah di pantai Pulau Langkawi. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau.

Yang Berhormat dari Mersing menyebutkan ada 13 buah pulau di sekeliling Pulau Tioman dan semakin hari semakin kurang pelancong pergi ke Pulau Tioman. Ada RM3 juta membangunkan Endau-Rompin – tempat untuk membangunkan ecotourism. Ini satu rancangan yang amat besar untuk membangunkan Endau-Rompin menjadi satu destinasi.

Mengenai Yang Berhormat dari Kota Bharu, mencadangkan mesti ada sasaran, sasaran itu ialah golongan mewah dari sektor korporat atau sederhana – orang berkeluarga dengan keluarga, pelancong dan satu lagi ialah yang amat diminati iaitu budget yang bersesuaian untuk belia dan pelajar. Yang Berhormat bercadang kerajaan buat seperti negara Korea dan lain-lain negara yang ada hostel yang terlalu murah dan berkemampuan untuk belia dan pelajar iaitu orang yang tidak ada pendapatan. Di sini saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu kerana barangkali ini adalah satu cadangan yang amat baik.

Yang Berhormat ada mencadangkan kalau hendak menggalakkan pelancongan di negara kita mesti ada pakar perunding. Sebenarnya kita ada pakar perunding dan kita juga ada buat kajian dan ‘working paper’ sebab itu pelancongan setakat ini boleh dikatakan satu industri yang amat berkembang dan menjadi satu pendapatan yang lebih daripada lain-lain industri. Cadangan ini adalah baik juga dan reka bentuk yang unik barangkali ini ada berkaitan dengan ‘Tahun Melawat Negeri Sembilan’ – reka bentuk yang unik di Negeri Sembilan. Perkara ini amat baik dan saya ucapkan terima kasih.

Lagi satu ada seorang Ahli Yang Berhormat yang membuat cadangan Feri Malaysia dipulihkan sekali lagi. Beberapa tahun yang lepas ada Feri Malaysia dari Port Klang ke Sabah tetapi kerana tidak untung, sekarang ini sudah dibatalkan. Barangkali pada masa kegawatan ekonomi sekarang ini kita hendak galakkan domestic tourism, boleh juga kita buat kajian dan timbangkan sekali lagi. Ini saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Mas, Sarawak.

Berkaitan dengan ecotourism, ecotourism adalah dimaksudkan sebagai lawatan perjalanan yang berkaitan dengan alam sekitar dan kawasan semula jadi untuk memberi peluang kepada pelancong menikmati dan menyedari sifat-sifat semula jadi. Kementerian

ada rancangan memajukan bidang ecotourism. Kerajaan telah menyediakan Pelan Ecotourism Kebangsaan di mana garis panduan diberikan kepada pengusaha kawasan-kawasan ecotourism supaya melibatkan sepenuh rakyat tempatan dalam projek tersebut.

Di kawasan Taman Negara Endau-Rompin adalah antara peluang-peluang yang telah dikenal pasti boleh diceburi oleh masyarakat setempat seperti penyediaan kemudahan, penginapan sama ada sebagai pekerja atau pengusaha kedai makan dan ini boleh dikatakan satu infrastruktur prasarana asas dan kalau kita tidak ada ini ecotourism memang tidak dapat dijalankan.

Mengenai agrotourism pula, ini ada berkaitan dengan Kementerian Pertanian kerana agrotourism ialah objek-objek, dusun-dusun. Ini ada berkaitan dengan pertanian, saya tidak mahu sebut panjang di sini dan saya berharaplah Ahli-ahli Yang Berhormat kerana pada masa ini boleh dikatakan aktiviti ekonomi amat kurang. Sejak Julai 1997 ia telah memberi kesan kepada industri pelancongan negara di mana kedatangan pelancong asing sudah kurang dan saya tidak mahu sebut juga barangkali banyak angka di sini tetapi angkanya barangkali kita menjangka tahun ini boleh cuma 6.4 juta orang datang ke negara kita. Lebih kurang barang 6.4 atau 6.8 bilion orang sahaja dan ini boleh dikatakan kemerosotan lebih kurang 20% hingga 22%.

Saya di sini sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat sekalian kerana telah diberi peluang untuk menerangkan sedikit sebanyak perkembangan pembangunan dan dari segi pelancongan pada masa ini. Kejayaan industri pelancongan ini bukanlah terletak kepada tanggungjawab Kementerian ini sendiri sahaja kerana tadi saya ada sebut bahawa ia berkaitan dengan semua orang, semua rakyat dan malah ianya adalah tanggungjawab bersama dari semua pihak sama ada agensi kerajaan, pihak swasta, NGO dan juga masyarakat sejagat.

Justeru itu, kami mengambil kesempatan di sini untuk memohon kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat membantu mengislah dan memberi sokongan ke arah pembangunan industri pelancongan negara. Perkara-

perkara yang saya tidak jawab di sini kementerian saya akan ambil perhatian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM139,655,600 untuk Maksud B.22; RM13,581,200 untuk Maksud B.23 dan RM5,701,100 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM139,655,600 untuk Maksud B.22; RM13,581,200 untuk Maksud B.23 dan RM5,701,100 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM85,241,030 untuk Maksud P.22; RM9,498,000 untuk Maksud P.23 dan RM9,350,000 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM85,241,030 untuk Maksud P.22; RM9,498,000 untuk Maksud P.23 dan RM9,350,000 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1999.

**Maksud B.25 [Jadual] -**

**Maksud P.25 [Anggaran Pembangunan, 1999] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Bekalan B.25 dan Kepala Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Yan.

**3.55 ptg.**

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertahanan walaupun menghadapi sedikit sebanyak masalah berkenaan dengan pencerobohan ruang udara kita terutama sekali di Singapura. Walau bagaimanapun nampaknya di akhir-akhir ini kita dapat selesaikan masalah ini dengan sebaik mungkin. Walau bagaimanapun saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian berapa banyak kalilah pihak penerbangan tentera udara Singapura memasuki ruang udara kita dan apakah nasihat-nasihat yang telah kita beri kepada mereka dan apakah perjanjian yang kita buat dengan mereka ini benar-benar memanfaatkan kita kerana dengan pihak Singapura ini walaupun saya ucap terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Singapura yang di sidang APECnya sebelum itu telah menemui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan telah bersetuju untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dengan secara perundingan dua hala. Jadi ini menunjukkan bahawa jiran perlu berbaik-baik di antara satu sama lain. Walau bagaimanapun kita perlu prihatin kerana kita belum tentu dijangka masa akan datang sama ada pihak Singapura tidak akan menunjuk belang mereka lagi, dan ini akan menyulitkan kita dari masa ke semasa. Jadi, kalau boleh pihak kementerian akan dapat memperjelaskan berkenaan dengan kedudukan perjanjian ruang udara, penggunaan ruang udara Malaysia-Singapura.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mendapat sedikit penjelasan berkenaan dengan kedudukan pesawat-pesawat penerbangan kita yang saya kira walaupun tidak berapa banyak jatuh, tetapi kita selalu dapati bahawa masalah-masalah teknikal dan juga masalah manusia yang menyebabkan penerbangan itu terhempas dan sebagainya. Jadi kalau human error dengan izin Tuan Pengerusi, apakah juruterbang-juruterbang ini tidak diberi latihan sebaik-baiknya sebelum mereka ini boleh menjadi juruterbang atau menjadi pelatih juruterbang. Kalaulah kelemahan

di pihak kapal terbang itu sendiri apakah kita tidak mengkaji, kementerian tidak mengkaji dengan sedalam-dalamnya sebelum kita membeli pesawat-pesawat tersebut kerana ini bukan saja kerugian nyawa tetapi juga kerugian wang ringgit kerana setiap pesawat ini bukannya murah, harganya begitu mahal sekali. Jadi sebenar kita dapat lihat di Malaysia ini Tuan Pengerusi, tentera mati kerana latihan bukan kerana berperang. Jadi apakah cara yang dapat kita selamat supaya jangan benda-benda ini berlaku.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya ingin menerangkan iaitu berkenaan dengan pembelian pesawat untuk kegunaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Kabinet. Sebenarnya walaupun dalam akhbar kita dapat lihat berbagai-bagai tohmahan terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membeli pesawat tersebut. Kononnya pesawat tersebut diarah pembelannya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya masih ingat dalam Dewan yang mulia ini beberapa orang telah bangun untuk menasihati kerajaan supaya kita mengadakan pesawat sendiri untuk kegunaan ketua negara kita, kegunaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kegunaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri. Kerana pada ketika itu Malaysia adalah sebuah negara yang maju, sebuah negara yang ekonominya kukuh, dan pada ketika itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sering mengadakan lawatan ke negara-negara asing untuk mempertingkatkan perdagangan, peluang perniagaan di antara Malaysia dengan negara-negara luar. Jadi, kadang-kadang saya bersetuju supaya pesawat ini dibeli dan saya pernah menyuara dalam Dewan Rakyat ini supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diberi satu penerbangan yang baru, kerana saya biasa tengok pesawat itu sendiri yang dia dok naik yang lama itu, tidak boleh pergi jauh, short range. Kalau ke Jakarta, Indonesia pun kadang-kadang susah. Kapal terbang yang ada dahulu biasa rosak. Jadi, adakah kita hendak Perdana Menteri kita, Timbalan Perdana Menteri kita naik kapal terbang yang belum tentu keselamatannya.

Jadi, bila dibeli kapal terbang ini bukan untuk kegunaan dia. Bukan kapal terbang itu didaftar atas nama Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Kapal

terbang ini didaftar atas nama Kerajaan Malaysia. Bermakna siapa sahaja jadi Perdana Menteri dia bolehlah naik kapal terbang itu untuk buat kerja, bukan untuk makan angin. Kita berasa malu kalau Perdana Menteri kita dok tumpang kapal terbang orang, dok sewa kapal terbang-kapal terbang orang korporat dahulu. Saya juga biasa menghantar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak pergi luar negeri. Naiklah kapal terbang orang, kapal terbang tauke itu tauke ini. Jadi, kita kena jaga maruah kepimpinan negara kita. Kalau kita dok pertikaikan benda yang disetujui untuk beli apabila kita sudah tidak boleh hendak pakai, jadi peleklah rasa.

Begitu juga dengan rumahnya. Ini dipersetujui sebelum itu. Tetapi bila perkara ini sudah berlaku kita pertikaikan balik. Dahulu kita sokong, kita kata kena buat dan sebagainya. Jadi, yang ini saya minta pihak kementerian teruskan dan pastikan pesawat ini dibeli dan diguna untuk kepentingan negara. Saya percaya penuh bahawa kadang-kadang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terpaksa naik penerbangan komersial untuk menjalankan tugas di mana ini akan menyulitkan beliau. Saya ingat bukanlah kita beli kapal terbang ini untuk makan angin, bukan untuk hendak tunjuk bahawa satu kemegahan negara kita. Cuba kita tengok presiden negara-negara lain. Perdana Menteri Filipina dok 'hup-hup' pun dia datang dengan kapal terbang besar bukan main kelmarin. Dia letih, negara dia pun letih, rakyat pun letih, Presiden dia pun letih, berjalan pun tidak larat, itu pun kapal terbang kita tengok dalam surat khabar Air Phillipine. Al Gore datang dengan kapal terbang, datang maki kita, balik. Punya kurang ajar Al Gore itu. Nasib saya tidak jadi Menteri Pertahanan, kalau tidak saya hantar peluru berpandu bubuh sebiji kapal terbang itu, punya kurang ajar.

Jadi, bagi saya pembelian kapal terbang ini untuk kegunaan negara elok dan patut. Jadi, senang kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak pergi ke sana ke sini. Tokoh korporat, tokoh-tokoh perniagaan pun ada kapal terbang

sendiri. Takkanlah Perdana Menteri kita hendak naik kapal terbang kadang-kadang saya tengok ke tayar pun saya naik takut boleh selamat atau tidak selamat landing, yang dahululah. Tengok ke sayap kapal terbang itu pun sebelum naik 'menggetar'. Jadi, saya minta pihak.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya baru mula, mukadimah Tuan Pengerusi.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Boleh saya gulung.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya gulung ya. Sesiapa tidak mahu minta penjelasankah? Jadi, saya berharap pihak Kementerian Pertahanan walaupun ada sedikit tohmahan dalam surat khabar, walaupun dikata oleh pihak reformasi dan sebagainya, saya kira perkara-perkara yang baik untuk negara ini tidak usahlah kita pertikaikan. Kadang-kadang benda yang kita pertikaikan benda yang kita sama-sama bersetuju satu ketika dahulu. Tetapi hari ini kita sudah berubah.....

**Tuan Michael Lisa Kaya:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan, sila.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Apa sudah jadi, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tidak boleh, masa sudah cukup.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Duduk. Saya gulung.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa sudah lebih.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya hendak tutup.

**Seorang Ahli:** Tutup!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila terus.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ia kalau buka kena tutup, kalau tidak - saya tutup. Jadi, saya amat berharap pihak kementerian supaya go-ahead. Saya percaya penuh seluruh Ahli Parlimen kita termasuk DAP dan PAS akan memberi sokongan kepada pembelian pesawat ini untuk kepentingan negara, untuk menjaga imej negara dan untuk memudahkan pentadbiran negara kita ini, untuk memudahkan ketua-ketua negara kita untuk menjalankan tugas-tugas di luar negara dengan tidak ada halangan dan masalah untuk sampai ke satu-satu destinasi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Sokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Serdang.

**4.06 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh Butiran 050000 – Pertahanan Ruang Udara. Saya yakin dan percaya bahawa Kementerian Pertahanan sedang mengamalkan satu sistem pertahanan yang cekap dan berkesan untuk mencapai satu matlamat dasar pertahanan negara. Maka untuk mempertahankan ruang udara adalah salah satu tugas dan tanggungjawab oleh pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia dan juga pihak kementerian. Maka sebab itu saya akan meminta penjelasan setakat ini bilangan juruterbang yang telah dilatih dan layak membawa pesawat di negara kita

ini di dalam pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia ini berapa jumlah bilangannya. Cara mana untuk melatih juruterbang-juruterbang ini supaya layak untuk memandu pesawat-pesawat di dalam negara kita ini.

Saya bangkit perkara ini bukan kerana hendak pertikaikan. Yang pentingnya Dewan yang mulia ini dapat tahu cara mana untuk mempertingkatkan lagi juruterbang-juruterbang yang dilatih. Saya juga hendak dapat penjelasan daripada pihak kementerian berapa jumlah pusat latihan penerbangan TUDM sehingga tahun ini. Adakah pusat-pusat penerbangan TUDM ini adalah salah satu punca untuk melatih juruterbang-juruterbang pasukan ini, sama ada tugas latihan-latihan melalui pusat ini cukup untuk mengatasi kekurangan juruterbang-juruterbang di negara kita ini. Ini semua satu sebab butir-butir lanjut atau maklumat lanjut berkaitan dengan perkara ini penting di mana kita dapat satu pandangan terhadap pertahanan ruang udara yang begitu penting untuk keselamatan negara kita.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini oleh kerana saya mengikut satu laporan yang disiarkan dalam surat khabar mengatakan pihak Kementerian Pertahanan tidak menghadapi masalah kekurangan juruterbang. Kerana ramai juruterbang yang dilatih, yang berpengalaman telah berhenti kerana mungkin ada mengalihkan pekerjaan ke swasta. Sama ada benar atau tidak, kalau benar apakah sebabnya, atau skim perkhidmatan dari Kementerian Pertahanan tidak memuaskan, tidak sempurna, mungkin dapat ditambah skim perkhidmatan lebih baik lagi supaya juruterbang-juruterbang yang dilatih dan berpengalaman itu dapat diteruskan berkhidmat dan menjalankan tugasnya dalam pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak meminta satu pandangan daripada pihak kerajaan sama ada pihak kementerian telah menerima cadangan daripada negara Brunei kerana kita berjiran dekat dengan negara Brunei dan juga hubungan di

antara kedua-dua negara memang mesra dan baik tetapi dari segi keselamatan pihak negara Brunei sama ada telah mengemukakan cadangan supaya meminda had 14,000 kaki di ruang udara Malaysia yang dibenarkan dahulu kepada pesawat-pesawat Brunei sekarang dinaikkan hingga 40,000 kaki.

Kalau permohonan telah dikemukakan kerana hubungan antara kedua-dua pihak ini begitu baik dan mesra dan bekerjasama, adakah pihak kementerian akan menimbangkan apakah implikasinya kalau cadangan dikemukakan. Saya bangkitkan perkara ini kalau benar permohonan telah disampaikan oleh kerana pengalaman yang telah kita alami dahulu, perjanjian di antara Malaysia dan Singapura yang membenarkan ruang udara kepada pesawat-pesawat untuk latihan menjadikan satu masalah kepada pertahanan, sampai satu tahap di mana peraturan dan sekatan telah dikenakan menjadikan punca sedikit pergaduhan, dengan adanya rundingan atau persefahaman antara satu sama lain, masalah telah diselesaikan.

Jadi, kita tidak mahu lagi perkara yang sama itu berulang semula, kejadian yang berlaku di antara kita dengan Singapura mungkin akan berlaku di antara negara kita dengan negara Brunei, tetapi walau bagaimanapun, ini akan mendapat penjelasan yang lebih lanjut dari pihak kementerian.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya ingin merujuk kepada Butiran 01100 berkaitan dengan Pengubahsuaian dan Pembaikan Kem/Pengkalan Tentera. Saya hendak meminta penjelasan juga dari pihak kementerian, Sungai Besi Air Force Base, lokasi dan kedudukannya yang begitu baik untuk pasukan kita di situ, walaupun asalnya Sungai Besi Air Force Base ialah untuk lapangan terbang antarabangsa, selepas lapangan terbang antarabangsa di Subang dibuka maka dipindahkan ke situ maka diserahkan kepada Kementerian Pertahanan sehingga ke hari ini tetapi saya tidak tahu sama ada kawasan tapak ini yang begitu strategik dan baik ini, adakah cadangan untuk diswastakan. Kalau pihak Kementerian

Pertahanan telah menerima cadangan penswastaan, jadi Sungai Besi Air Force Base kini hendak dipindahkan ke mana, apa cadangan penswastaan tersebut, sebab tempat ini saya selalu lalu di kawasan ini memang strategik dan penting, adakah pihak kementerian akan menimbangkan supaya kawasan ini diswastakan seperti TUDM Kinrara. Jadi, ini saya minta penjelasan dari pihak kementerian dan saya menyokong peruntukan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sipitang.

**4.15 ptg.**

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya menyokong perbelanjaan yang diperuntukkan untuk Kementerian Pertahanan.

Sebelum itu saya ingin mengucap tahniah kepada kementerian walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi mereka boleh mampu terus menjalankan tugas dengan peruntukan yang diberikan. Kita merasa bangga dengan kejayaan Kementerian Pertahanan kerana dapat mengawal ketenteraman dan keselamatan negara ini, kita faham persempadanan negara kita begitu luas terutama sekali di Malaysia Timur yang meliputi daripada Sarawak sehingga ke negeri Sabah iaitu di Pulau Banggi hingga kawasan Kuching.

Tuan Pengerusi, kita ingin minta penjelasan dari kementerian setakat ini apakah kejayaan operasi yang telah diperolehi oleh Kementerian Pertahanan khususnya dalam menangani masalah-masalah pencerobohan baik di Malaysia Timur ataupun di Malaysia Barat ini kerana pihak kita jarang-jarang mendengar pencapaian ataupun kejayaan operasi Kementerian Pertahanan, walaupun mungkin menjadi rahsia tetapi kita minta juga diberitahu kepada rakyat dengan peruntukan yang digunakan apakah kejayaan yang dicapai oleh kementerian, misalnya dalam

menangani masalah pencerobohan laut ataupun kejayaan menumpaskan kumpulan lanun dan juga lain-lain aktiviti yang bersangkutan dengan aktiviti Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi, di Sabah, di Malaysia Timur dan juga di Sarawak telah banyak kem tentera baru baik Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara telah pun diperbesarkan. Saya mohon penjelasan dari kementerian setakat ini berapa kawasankah pendapatan baru dan bilangan kakitangan yang ditempatkan untuk menjaga persempadanan di Sabah dan Sarawak.

Soalan yang kedua, apakah rancangan yang diatur khususnya pembukaan kem ataupun di Sepangar Bay atau Teluk Sepangar itu diteruskan dan apakah kedudukannya pada hari ini, sama ada kita meneruskan rancangan untuk membangun di kawasan Teluk Sepangar ataupun diperlahankan memandangkan keadaan ekonomi.

Tuan Pengerusi, kita berasa bangga kerana penempatan Tentera Laut khususnya di sempadan dan juga pulau dari Kudat hingga ke Tawau telah pun ada tetapi apakah kedudukan bagi persempadanan darat iaitu meliputi daripada kawasan Tawau sehingga ke kawasan sempadan Pontianak di Indonesia. Berapakah kem yang kita ada di kawasan strategik sempadan ini dan apakah rancangan kerajaan untuk sama ada membuka penempatan Tentera Darat di kawasan strategik, memandangkan keadaan sekarang ini bukanlah kita ingin berkonfrontasi dengan negara jiran tetapi melihat trend yang ada sekarang ini, saya ingin mencadangkan perlu ada penempatan-penempatan strategik di kawasan sempadan misalnya di kawasan Tawau yang bersempadanan dengan Indonesia

iaitu di kawasan jalan masuk utama di kawasan pedalaman di antara negara jiran dengan Sabah.

Begitu juga dengan di kawasan Keningau, Pensiangan di mana terdapatnya jalan masuk keluar pendatang-pendatang dan juga negara jiran yang datang ke Sabah. Lagi satu persempadanan ialah di kawasan Sipitang Lawas iaitu di kawasan Long Pasia, Long Semadoh yang juga menjadi kawasan persempadanan masuk di antara negara jiran dengan Sabah dan Sarawak dan kawasan lain adalah kawasan-kawasan strategik di sepanjang sempadan Kalimantan dengan Sarawak di negeri Sarawak.

Kalau boleh kerajaan hendaklah mengkaji kawasan ini kerana kawasan ini menjadi tumpuan sejak akhir-akhir ini banyak pengaliran masuk pendatang yang saya rasa tidak terkawal oleh Jabatan Imigresen.

Jadi, tujuan untuk mengadakan kem ini yang pertama, ini sebagai kawasan strategik sempadan pertahanan, yang kedua ini juga boleh menjadi sumber aktiviti ekonomi kawasan sempadan yang mana apabila ada kem tentera di situ, sudah tentu ianya sebagai pusat aktiviti ekonomi dan ini boleh kita sokong dengan aktiviti ekonomi yang lain, di samping adanya keyakinan bila ada kawasan penempatan tentera di situ tentu sekali ada keyakinan daripada pelabur-pelabur baik pelabur-pelabur tempatan ataupun pelabur-pelabur luar yang melihat kawasan ini boleh dimajukan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin minta penjelasan daripada kementerian mengenai kedudukan kem kita di Terumbu, Layang-layang. Apakah kerajaan bercadang untuk terus mempertahankan kem kita di situ ataupun sama ada ia diperbesarkan memandangkan keadaan sekarang ini yang saya rasa perlu kajian sama ada kita ingin membesarkan ataupun mengecilkan tentera kita di situ dan apakah

masih ada provokasi-provokasi oleh kumpulan-kumpulan tertentu yang menggugat keselamatan askar kita di Terumbu, Layang-layang ini.

Tuan Pengerusi, saya juga minta penjelasan daripada kementerian, bagaimanakah dasar luar kita mengenai ketenteraan ini? Apakah kita ini masih ingin menghantar tentera kita ke luar negara dalam keadaan tempoh kegawatan ekonomi ini? Kalau ada yang sekarang ini, di manakah lokasi-lokasi tentera kita yang berada di luar negara? Berapa ramaikah kakitangan yang terlibat dengan penempatan ini dan berapakah peruntukan kewangan yang dibelanjakan secara langsung atau tidak langsung bagi menghantar askar-askar kita sama ada membantu negara-negara sahabat ataupun di bawah arahan PBB.

Saya difahamkan penempatan kita semasa di Bosnia masih lagi belum dibayar oleh PBB. Berapakah hutang PBB dengan negara kita ataupun dengan kementerian? Apakah ini menjejaskan perbelanjaan kita apabila PBB tidak mahu membayar peruntukan yang telah kita belanjakan.

Tuan Pengerusi, yang terakhir ialah mengenai dengan pesawat-pesawat kita. Saya bersetuju dengan rakan-rakan tadi daripada Yan bahawa pesawat-pesawat kita yang ada sekarang ini, kita begitu hairan mengapakah sering benar berlaku kemalangan-kemalangan dan hingga setakat ini daripada kapal kita yang ada daripada dahulu, kita minta bilangan, berapakah bilangan kapal pesawat udara ini yang telah pun mengalami kemalangan dan berapakah kerugian keseluruhan daripada kemusnahan pesawat-pesawat ini sama ada helikopter ataupun jet. Apakah di antara sebab-sebab walaupun ada diberitahu iaitu teknikal, apakah sebab-sebab kemalangan ini dan kalau misalnya kurang kecekapan daripada juru-terbang-juruterbang kita, apakah latihan yang kita ada sekarang ini mencukupi untuk mereka itu betul-betul faham bagi mengendalikan kapal-kapal yang canggih sebegini.

Tuan Pengerusi, memang perlu kapal-kapal udara ini kerana kalau kita lihat persempadanan kita yang begitu luas dan juga penempatan-penempatan tentera kita masa ini tidak di semua kawasan-kawasan yang strategik, memang perlu kapal-kapal udara ini. Apakah kerajaan juga bercadang mengganti kesemua

kapal-kapal yang telah pun menerima kemalangan ini supaya bilangan kita itu sentiasa tetap ataupun kekal pada tahap awal supaya dapat menjamin rondaan dan juga persediaan berjaga-jaga apabila keadaan itu diperlukan.

Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong.

#### **4.25 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya dengan ringkas membangkitkan masalah mengenai muka surat 209, Butiran 010000 dan juga muka surat 222, Butiran 00200, 00400, 00600.

Tuan Pengerusi, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baru sahaja dipilih sebagai Naib Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), tahniahlah kepadanya dan nampaknya pada akhir-akhir ini pasukan-pasukan badminton kita ada kejayaan sedikit, termasuk kejuaraan terbuka di Indonesia. Ini memang satu gejala yang baik. Saya berharap juga kejayaan ini dapat dilanjutkan kepada bahagian pertahanan.

Pada tahun yang lepas, saya ada nampak Yang Berhormat Menteri sudah pun mengumumkan bahawa peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, iaitu lebih RM3 bilion sudah pun dipotong sehingga di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu peruntukan untuk pertahanan adalah RM3 bilion dan seterusnya kerana krisis ekonomi, saya diberitahu bahawa beberapa projek sudah pun ditangguhkan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah projek-projek yang ditangguhkan dan apakah yang terjadi dengan projek-projek seperti rancangan untuk membeli kereta-kereta kebal (tanker) juga kereta-kereta perisai termasuk lapan buah CFH-2 Roolvalk Attack helikopter. Ini daripada Afrika Selatan kerana nampaknya helikopter dari Afrika Selatan memanglah canggih. Walau bagaimanapun, rancangan-rancangan seumpama ini sudah ditangguhkan

dan kerana ada pemotongan ke atas peruntukan, nampaknya aktiviti-aktiviti pasukan kita termasuk juga Non-Operational Troop Movement sudah pun dibekukan ataupun disekatkan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan. Saya percaya memang ada sebahagian itu rahsia tetapi setakat yang boleh. Non-Operational Troop Movement, kerana pertahanan ini banyak rahsia, di dalam buku pun kita hendak nampak apa pun, susah. Tidak ada di dalam buku ini - buku ini pun tidak ada, buku belanjawan pun tidak ada langsung kerana ini dikategorikan sebagai rahsia negara tetapi saya percaya kebanyakannya pun bukan rahsia juga. Mungkin dasar kementerian itu tidak memberitahu kepada orang ramai.

Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat mana Non-Operational Troop Movement sudah terjejas seperti di unit-unit yang dipindah kepada kawasan yang lain. Kalau ini dilakukan, bagaimana kapasiti pertahanan tidak akan terjejas.

Walau bagaimanapun saya nampak kalau berbanding dengan Kementerian Pendidikan yang mendapat peruntukan lebih RM13.5 bilion, Pertahanan mendapat RM5.9 bilion, ini yang kedua terbesar di dalam peruntukan untuk Belanjawan tahun depan. Ini bermakna walaupun kita menghadapi krisis ekonomi peruntukan masih tinggi juga. Yang Berhormat Menteri Pertahanan kata dia minta lebih, mungkin dia minta RM7 bilion, yang dapat RM5.9 bilion, saya pun dengar Kementerian Pendidikan minta RM15 bilion tetapi dapat RM13.5 - 80% daripada yang diminta. Walau bagaimanapun, kita berharap dengan peruntukan yang kedua terbesar di dalam Belanjawan kita, kita dapat keberkesanan kapasiti dapat ditingkatkan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan di sini dengan krisis Bosnia sudah pun nampak hampir selesai, berapa pasukan kita yang masih berkhidmat di luar negara kita selain daripada di Bosnia, kerana dengan kita menghadapi krisis ekonomi, kita tak mahu hantar lebih banyak pasukan kita kepada luar negara kerana belanja yang sangat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai kapal terbang pejuang kita yang canggih MiG-29 Fulcrum jet, setakat ini berapa buah MiG-29 Fulcrum jet kita mempunyai dalam operasi kita sekarang dan saya diberitahu satu perjanjian sudah diadakan dengan pihak Rusia untuk membekalkan ataupun mempertingkatkan kapasiti TUDM dan satu perjanjian sudah diadakan untuk mengadakan kelengkapan ke atas jet-jet pejuang ini seperti aerial refuelling dengan harga lebih dari RM100 juta. Memang kita tidak dapat di dalam buku Belanjawan ini, cuma kita kutip dari sana sini dan Yang Berhormat Menteri Pertahanan pun pandai juga, bila saya tanya dia hantar buku-buku yang cantik, dengan majalah yang cantik, dengan gambar-gambar yang cantik, itulah dijawabnya. Jawab dengan gambar dan majalah sahaja. Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan macam mana pihak Rusia 'Rosvoorouzhnenle', saya tak tahu itu bahasa Rusia, yang ada perjanjian dengan Aerospace Technology Systems Corporation Sdn. Bhd. dan dengan adanya itu perjanjian ini di mana kita akan mengadakan kilang-kilang untuk alat-alat ganti kita di Malaysia. Sebab salah satu syaratnya untuk membeli MiG-29 ini ialah kerana ada pemindahan teknologi. Itu memang baiklah.

Kita ada satu jam lagi Tuan Pengerusi, ini sampai 5.30 petang untuk Pertahanan. Lain-lain hendak berucap? Tadi hanya saya satu orang sahaja, tidak ada langsung. Tak apalah saya ada dua perkara lagi, Ini mengenai MiG-29 saya hendak tahu berapa buah sudah beroperasi sekarang dan macam mana kita boleh membekalkan alat-alat ganti daripada pemindahan teknologi dengan adanya kilang di Malaysia sendiri, itu pada zahirnya memang baik, tetapi pada hakikatnya saya tak tahulah.

Ada satu perkara lagi iaitu dengan Pelabuhan di Lumut itu sekarang dikorporatkan dan Naval Dockyard Sdn. Bhd.(NDSB) yang dimiliki oleh Business Focus Sdn. Bhd. NDSB sekarang, memang dia aktif sekarang, dan bolehkah Yang

Berhormat terangkan apakah yang telah dibuat oleh NDSB untuk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Tuan Pengerusi, saya diberitahu bahawa pihak Kementerian Pertahanan hendak membina 27 buah kapal, New Generation Offshore Patrol Vessels (NGPV) di dalam tempoh 15 tahun ini dan ada banyak 2, 3 atau 4 konsortium yang mengemukakan tender, adakah benar bahawa hanya satu yang dapat GNG daripada Jerman, dan sebab itulah ada pihak daripada Australia tidak puas hati kerana dia kata ada pertikaian, tikam lidah, di antara PM Australia dengan PM Malaysia, maka kontrak ini mereka gagal dapati. Saya pun tak tahu apa latar belakang cuma saya tahu GNG yang dapat kontrak dan apakah syarat untuk kontrak ini di antara GNG dan NDSB. Adakah ini bermakna semua kapal atau sebilangan besar kapal ini akan dibina di Germany.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat...

**Dr. Tan Seng Giaw :** Satu orang sahaja yang hendak bercakap. Mereka tak pernah ada di dalam tentera macam mana dia tahu. Ada syarikat-syarikat seperti Danish Naval Group dan Vosper Thornycraft daripada United Kingdom, yang mengemukakan tender juga termasuk daripada Australia, dan kita pilih GNG dan saya berharap pihak Kementerian dapat menjawab mengapa kita pilih GNG dan bagaimana kapal-kapal akan dibina dan kalau 5 atau 10 kapal ini dibina di German apakah kosnya, apakah jumlah perbelanjaan untuk kapal-kapa itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi :** Ya. Lumut.

**4.39 ptg.**

**Dr. Yap Yit Thong [Lumut]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebelum berucap saya hendak tanya Kepong, saya tahu kawasan di mana, daripada Lumut di mana TLDM ada di sana tentang ada keperluan kapal perondaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 00300 dan 00400. Saya ingin ucap terima kasih dan syabas kepada pihak TLDM Lumut selain daripada memelihara keutuhan budaya dan kebajikan warga Tentera Laut Diraja Malaysia dan memberi khidmat cemerlang untuk kesiapsiagaan Armada TLDM dalam aspek Bantuan Logistik Berserpadu, saya mengucapkan syabas, kerana dia memberikan perkhidmatan kepada orang awam terutama dalam pelbagai aspek rawatan perubatan. Saya bagi pihak penduduk di kawasan Lumut ingin mengucap terima kasih dan tahniah kepada TLDM Lumut di atas sumbangan dan bantuan yang diberikan kepada rakyat jelata.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sedikit penjelasan, Tuan Pengerusi, kita bukan hendak bincang perubatan di sini, ini pertahanan. Di Lumut saya tahu dia ada pengundi-pengundi di dalam kem Lumut tetapi dia tak ada pengalaman di dalam tentera. Cuma perubatan sahaja dia cakap..

**Dr. Yap Yit Thong:** Tunggu, tunggu, nanti bila saya habis baru cakap. Untuk makluman Tuan Pengerusi, pada masa kecemasan bila pesakit kes kecemasan di Hospital Daerah Manjung ingin dihantar ke Hospital Besar Ipoh, atau Kuala Lumpur, beberapa kali TLDM telah membantu menggunakan helikopternya, tambahan pula hospital di TLDM mempunyai kemudahan dan peralatan yang canggih dan moden seperti radiography, scalp scan, dan decompression chamber di mana tidak didapati di hospital daerah boleh digunakan oleh orang ramai. Sumbangan dan kerjasama seperti ini kepada orang ramai sangat dihargai.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan peruntukan kepada perondaan terdapat dua masalah. Pertama, kapal peronda tidak mencukupi oleh sebab bagi satu kontrak untuk pembinaan kapal-kapal rondaan dan apa yang amat penting pada masa ini ialah

kurang peruntukan untuk rondaan di mana minyak untuk kapal-kapal peronda tidak mencukupi. Pada masa kini di mana negara kita dan negara jiran kita juga mengalami kegawatan ekonomi banyak pendatang haram terutama daripada Indonesia yang mendarat ke negara kita dan mereka tinggal di Lumut. Boleh dikatakan telah put on 24 hours alert untuk menjaga pesisiran pantai kita yang sangat panjang. Kalau kita tidak ada peronda yang mencukupi dan kapal peronda tidak ada minyak untuk rondaan maka amat payah kapal-kapal peronda ini untuk membuat rondaan di pesisiran pantai di negara kira. Saya berharap dan merayu kepada pihak TLDM dan pihak kementerian mengkaji semula pertambahan peruntukan untuk kapal-kapal peronda di TLDM.

Dengan kata-kata ini, sekianlah sahaja Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

#### **4.41 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:**

Tuan Pengerusi, saya sesungguhnya bagi pihak Kementerian Pertahanan ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa berkenaan dengan Kementerian Pertahanan. Mereka terdiri daripada Yang Berhormat dari Yan, Serdang, Sipitang, Kepong dan akhirnya dari Lumut. Saya akan jawab satu persatu, kalau diizinkan.

Yang pertama daripada Yan, beliau bertanya berkenaan dengan kes-kes pencerobohan, akhir-akhir ini khususnya di sebelah Johor, selatan Malaysia oleh tentera udara Singapura.

Pada 18 September yang lepas Kerajaan Malaysia telah pun menamatkan satu keistimewaan yang kita berikan kepada tentera udara Singapura untuk menggunakan ruang udara Malaysia untuk mereka take off, dengan izin, ataupun land, tetapi oleh kerana masalah-masalah tertentu di mana mereka telah pun melanggar syarat-syarat yang telah pun ditetapkan selama beberapa lama dan memprovokasi negara kita maka kita telah pun tamatkan keistimewaan itu dan malangnya selepas itu iaitu selepas 18 September, sehari selepas itu 19 September hingga 2 November terdapat sepuluh kes pencerobohan ruang udara Malaysia yang dibuat oleh tentera udara Singapura dan kita telah pun mengambil

tindakan secara biasa mengikut amalan antarabangsa iaitu menghantar bantahan diplomasi kepada Kerajaan Singapura.

Walaupun banyak cerita-cerita yang dilemparkan oleh pihak tertentu yang menafikan mereka tidak menceroboh dengan menyatakan kita kurang tepat membuat tuduhan tetapi akhirnya kita bersyukur kerana Ketua Kerajaan Singapura sendiri iaitu Perdana Menteri Singapura telah datang ke Kuala Lumpur dan berjumpa dengan Perdana Menteri kita secara empat mata dan sudah dapat mengatasi beberapa masalah termasuk masalah pencerobohan ruang udara, yang mana kita gembira bahawasanya Kerajaan Singapura telah menerima penamatan keistimewaan yang diberikan kepada mereka, hanya mereka meminta dan kita setuju sekiranya ada kes-kes tertentu yang memerlukan satu exercise search and rescue yang mana kita katakan kalau ada kes-kes tertentu yang perlu mereka mendapatkan sesuatu kebenaran untuk menggunakan ruang udara kita untuk kerja-kerja search and rescue, itu sahaja, insya-Allah, kalau ianya bertepatan, kita akan membenarkan. Lain-lain keistimewaan yang kita berikan sebelum ini tidak boleh diterima lagi dan telah dipersetujui oleh kedua pihak.

Tuan Pengerusi, yang keduanya Yang Berhormat dari Yan telah pun menyentuh tentang TUDM yang berkisar kepada kemalangan pesawat-pesawat TUDM serta juga...

**Dr. L. Krishnan:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dr. L. Krishnan:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dengan kes-kes pencerobohan ruang udara Malaysia ini, saya ingin minta sedikit penjelasan daripada Timbalan Menteri. Daripada jawapan yang diberi oleh Singapura, bahawa mereka beritahu ada beberapa kali seperti mana yang kita sudah dakwa, ruang udara bukannya dicerobohi oleh pesawat-pesawat daripada Singapura tetapi pesawat-pesawat dari lain negara selain daripada Singapura yang menceroboh ruang udara negara kita. Jika benar dari negara manakah yang telah menceroboh ruang udara negara kita? Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Pengerusi, daripada kajian Angkatan Tentera Malaysia atau Kementerian Pertahanan kita nyatakan bahawasanya, kita mendapati bahawa mana-mana pesawat yang menceroboh ruang udara kita dan pada ketika itu didapati menceroboh, pada pendapat kita ia merupakan pesawat-pesawat

daripada Singapura, walaupun mereka menyatakan tidak tetapi bagi pihak kita, kita masih menekankan dan menyatakan bahawasanya pesawat-pesawat itu adalah datangnya dari Tentera Udara mereka sendiri.

Kedua tadi saya menyentuh mengenai TUDM iaitu berkenaan dengan kemalangan-kemalangan pesawat dan sebab-sebabnya serta tentang perolehan pesawat baru untuk kegunaan ketua-ketua pemimpin negara.

Tentang kemalangan-kemalangan ini sudah pun kita jawab di Dewan yang mulia ini cuma saya hendak ringkaskan menyatakan bahawasanya ia disebabkan oleh kelemahan dan kesilapan manusia, yang pertama. Keduanya sebab-sebab teknikal dan sebab-sebab cuaca dan kita sentiasa mengadakan pelbagai kajian dan perubahan dari segi cara-cara kita mengadakan latihan juruterbang dan ini sesungguhnya memerlukan satu jangka masa yang panjang dan ia harus dilihat dari segi perlu diperbaiki dari masa ke semasa.

Oleh kerana kemalangan ini memang berlaku bukan sahaja kepada TUDM tetapi juga kepada mana-mana pesawat tentera di mana-mana negara dan kalau kita bandingkan juga peratusannya lebih kurang sama juga. Walau bagaimanapun, TUDM cuba untuk mengurangkan peratusan kemalangan ini kepada paras paling minimum dan kalau boleh kita hendak lebih bawah jumlahnya daripada lain-lain negara. Maka Kementerian Pertahanan Malaysia mengarahkan TUDM dan Sekolah-sekolah Latihan Penerbangan ini agar meletakkan keutamaan yang paling tinggi terhadap latihan supaya kemalangan-kemalangan pesawat dapat dielakkan.

Berkenaan dengan pembelian pesawat untuk kegunaan VVIP ini, ini adalah perkara yang telah diputus awal-awal lagi sebelum kemelut politik dalam negara kita berlaku. Seperti kata Yang Berhormat dari Yan tadi, saya bersetuju bahawa ianya tidak perlu dipertikaikan lagi sebab ianya diputuskan hampir dua tahun yang lampau semasa keadaan politik belum bergelora lagi. Maka ianya tidak perlu dipersoalkan lagi akhir-akhir ini apatah lagi kita hanya mempunyai beberapa buah sahaja jet-jet untuk kegunaan VVIP, oleh itu tentu kita harus mendapat yang terbaik mungkin untuk mengurangkan perbelanjaan terutamanya dari segi jangka

panjang serta juga untuk kita tidak sentiasa meminta pihak swasta untuk memberi kita pinjam pesawat-pesawat mereka dan akhirnya kita terpaksa, orang kata terhutang budi kepada pihak-pihak yang membenarkan pesawat-pesawat mereka digunakan oleh pemimpin kita. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Yan yang menyokong penuh terhadap pembelian pesawat yang telah diputuskan tempoh hari.

Yang keduanya ialah Yang Berhormat dari Serdang yang telah pun juga menyentuh tentang bidang TUDM serta juga mengapa ada ramai antara juruterbang-juruterbang telah meninggalkan perkhidmatan di kementerian. Setakat ini walaupun sudah tentu ada yang meninggalkan jawatan dalam kerajaan untuk mendapatkan imbuhan dan pendapatan yang lebih baik di pihak swasta tetapi pihak TUDM masih lagi mempunyai anggota-anggota juruterbang yang mencukupi dan proses melatih yang baru ini diteruskan walaupun kita mengalami sedikit kegawatan ekonomi pada ketika ini. Kita yakin bahawasanya yang baru-baru itu yang dilatih akan dapat menampung segala kekurangan yang bakal berlaku bagi mereka-mereka yang telah pun tamat perkhidmatan dengan ATM untuk meninggalkan dan pergi bekerja dengan swasta.

Umumnya Tuan Pengerusi, kebanyakan mereka yang meninggalkan ATM atau TUDM adalah mereka-mereka yang telah pun tamat kontrak dengan kerajaan, maknanya kita telah pun buat kira dan menganggapkan walaupun mereka pergi selepas tamat kontrak kita ada pelapis-pelapis ataupun barisan-barisan yang baru yang telah kita latih dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Serdang juga bertanya tentang permohonan negara Brunei yang meminta ruang udara bagi pesawat mereka itu dibenarkan terbang rendah daripada 14,000 kaki ke 40,000 kaki. Ini saya ingin nyatakan bahawasanya kita telah pun menerima permohonan ini dan sedang dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

Yang ketiganya, beliau juga bertanya tentang adakah benar Pangkalan Tentera Udara Diraja di Sungai Besi itu akan diswastakan. Walaupun ada uru-ura sebelum ini yang pangkalan itu akan diswastakan tetapi pihak kerajaan telah memutuskan bahawa buat masa kini ia tidak akan dilaksanakan dan keputusannya itu ditangguh buat ketika ini.

Saya pindah pula kepada Yang Berhormat dari Sipitang yang juga membangkitkan beberapa perkara yang ada sebahagiannya telah pun saya jawab. Saya cuma sentuh kepada perkara-perkara yang belum saya jawab tadi yang ditanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Kebanyakannya menyentuh perkara-perkara yang berkisar kepada keadaan keselamatan di sebelah Malaysia Timur khususnya di Sabah.

Tuan Pengerusi, projek Kementerian Pertahanan di Teluk Sepang masih lagi diteruskan walaupun dalam keadaan ekonomi meleset sebab ianya kita anggap penting. Setakat ini ianya dalam proses untuk kita mempersetujui tentang skop ataupun kaedah kem yang diperlukan, masih lagi dalam perbincangan di antara pihak Kementerian Pertahanan untuk diserahkan kepada pihak EPU untuk diberikan kepada siapa yang bakal diputuskan oleh pihak agensi pusat iaitu EPU untuk melaksanakan projek ini. Setakat ini kita lihat kem-kem di Sabah yang ada kini telah mencukupi untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat Sabah.

Yang Berhormat daripada Sipitang juga bertanya sama ada kerajaan ada rancangan untuk memanjangkan perondaan ataupun penempatan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang kini sedang berada daripada kawasan Kudat ke Tawau untuk diteruskan daripada Tawau ke Pontianak. Oleh kerana masalah lanun, masalah pencerobohan, masalah pendatang haram yang banyak terdapat di kawasan di antara Kudat dan Tawau, menyebabkan kita meletakkan lebih tentera-tentera laut mahupun darat di situ tetapi sekiranya pula kawasan-kawasan daripada Tawau ke Pontianak didapati menimbulkan banyak masalah dari segi pendatang-pendatang tanpa izin, dari segi masalah lanun dan sebagainya, Kementerian Pertahanan sudah tentu akan menimbangkan untuk menambahkan perkhidmatan

dan kehadiran tentera-tentera tertentu baik TLDM mahupun Tentera Darat daripada kawasan sekitar Tawau terus ke Pontianak.

Tuan Yang di-Pertua, kem-kem Tentera Darat di sempadan di antara negara-negara Indonesia, Sabah dan Sarawak memang wujud di tempat tertentu untuk mengawal pendatang-pendatang tanpa izin dan apa-apa masalah pencerobohan yang mungkin berlaku sekiranya tiada tentera kita berada di sana. Setakat ini tentera yang ditempatkan di sempadan berkenaan adalah mencukupi. Sudah tentu juga saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Sipitang, dengan adanya kem-kem tersebut maka aktiviti-aktiviti ekonomi di sekitar kem-kem berkenaan dapat dipertingkatkan dan sekiranya ianya diperlukan kita akan menimbangkan untuk menambahkan pendapatan kem-kem ini di sepanjang sempadan negara kita dengan negara jiran, Indonesia.

Satu lagi pertanyaan Yang Berhormat dari Sipitang ialah tentang kehadiran kita di Terumbu Layang-Layang di Kepulauan Spratly yang mana kita tahu menjadi rebutan di antara lima buah negara dalam ASEAN, selain dari negara China, seperti Vietnam, Filipina, Brunei dan negara kita sedang menuntut hak masing-masing di Kepulauan Spratly. Kita hanya berminat dengan dua terumbu dan salah satunya ialah Terumbu Layang-Layang dan kita telah meletakkan tentera kita di sana, sebuah kem yang kecil dan ianya masih tetap berada di sana untuk menjaga kepentingan kita dan kita tidak bercadang untuk mengeluarkan mereka dari sana malah kita akan pastikan mereka kekal supaya negara-negara lain yang menuntut hak di situ tidak akan membuat apa-apa untuk merampas hak yang kita katakan berpihak kepada kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Serdang bangun.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah selepas kem diwujudkan di Pulau Layang-Layang itu, adakah bantahan daripada negara lain yang sama-sama menuntut kedaulatan pulau itu?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Pengerusi, tidak ada mana-mana negara lain menempatkan tentera mereka di situ sebab ianya pun bukanlah besar sangat

cuma atol sahaja. Setakat ini seperti yang disoal oleh Yang Berhormat dari Sipitang, akhir-akhir ini, walaupun dahulu ada sedikit sebanyak wujud provokasi daripada jiran-jiran kita untuk hendak menuntut hak mereka di situ tetapi akhir-akhir ini syukurlah isu-isu provokasi dari negara-negara jiran tidak wujud dan kita harap ianya berkekalan.

Yang Berhormat dari Sipitang juga bertanya, begitu juga Yang Berhormat dari Kepong, saya akan jawab sekaligus berkenaan dengan penyertaan tentera kita di negara luar. Seperti yang kita ketahui negara kita sememangnya sejak sebelum kita merdeka lagi kita ada memainkan peranan menghantar tentera kita berkhidmat di negara-negara luar seperti di Congo dan sebagainya. Perkara yang paling kemuncak sekali ialah penyertaan kita di Bosnia-Herzegovina yang baru sahaja tamat pada pertengahan tahun ini di mana Malcon Ke-5 telah pun balik ke negara kita pada pertengahan tahun ini yang merupakan kumpulan yang terakhir berkhidmat di Bosnia-Herzegovina. Dahulunya memang pembiayaan itu dilaksanakan oleh pihak PBB, sebahagiannya telah pun dibayar oleh mereka cuma mungkin sedikit sahaja yang bakal kita terima dari pihak PBB. Pada umumnya kita berpuas hati dengan penyertaan kita di Bosnia-Herzegovina selain mendapat nama yang baik di kalangan negara-negara seluruh dunia ia juga dapat memberi peluang kepada tentera kita mendapat pengalaman, pengajaran dan latihan yang begitu bernilai dengan dapat mereka bertugas di sesebuah negara yang berbeza dengan negara kita serta juga bekerjasama dan belajar daripada tentera-tentera lain daripada negara-negara lain dalam selok-belok mengawal keselamatan di Bosnia-Herzegovina

Sesungguhnya latihan dan pengalaman yang mereka nikmati itu amat bernilai dan meletakkan tentera-tentera kita ini ke tahap yang lebih tinggi dari segi keupayaan serta pengetahuan mereka. Walaupun kita terpaksa berbelanja sedikit wang tetapi kesan dan faedahnya tidak ternilai harganya. Kita juga sudah tentu akan dilihat dengan positif oleh negara Bosnia-Herzegovina itu sendiri yang mana kini kita lihat telah pun aman dan proses hendak bangun semula negara itu sudah pun bermula dan sudah tentu negara kita akan dapat peluang yang baik untuk menerokai pelbagai bidang pembangunan dan mungkin dapat pula kita meraih keuntungan daripada kita menceburi dalam projek-projek pembangunan semula Bosnia-Herzegovina.

Hubungan kita dengan kerajaan dan rakyat Bosnia-Herzegovina amat akrab sekali hingga ke hari ini walaupun kita tidak berada di sana lagi setelah tamatnya kita berkhidmat di sana. Ianya disambung pula dengan kita memberi ruang dan memberi tempat kepada beberapa anggota tentera Bosnia-Herzegovina untuk datang ke Malaysia pula untuk mereka mengikuti pelbagai kursus dan program ketenteraan di negara kita; Bermakna hubungan kita dengan Bosnia-Herzegovina masih diteruskan walaupun kita telah tamat berada di sana tetapi kita menawarkan tempat-tempat yang tertentu kepada tentera mereka untuk mengikuti pelbagai kursus ketenteraan di negara kita. Ini amat dihargai oleh mereka dan ianya juga dapat terus kita mengeratkan perhubungan antara Kementerian Pertahanan kita dengan Kementerian Pertahanan mereka serta antara rakyat dengan rakyat.

Tuan Pengerusi, selain daripada tentera pergi bertugas ke Bosnia-Herzegovina bagi menjamin kestabilan di negara itu, kita juga telah dapat menghantar beberapa pegawai kita bertugas di beberapa tempat di seluruh dunia di bawah anjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan di bawah pembiayaan mereka juga. Mana-mana Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tadi, dari Kepong dan Sipitang, terdapat 30 anggota kita daripada Malaysia yang bertugas di beberapa negara luar:

- (i) Angola - 19 orang
- (ii) Western Sahara - 13 orang
- (iii) Kuwait - 5 orang

Mereka ini ditugaskan sebagai pemerhati kepada program PBB untuk memastikan keadaan di negara-negara tersebut dapat diawasi agar peperangan, pencerobohan dan sebagainya tidak terus berlaku.

Tuan Pengerusi, kini saya pindah pula kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, pertamanya saya juga mengucapkan terima kasih kepada beliau yang sudi mengucapkan tahniah kepada saya kerana sedikit kejayaan akhir-akhir ini, di atas ingatan beliau itu saya sentiasa hargai dan beliau memang berminat dalam pelbagai bidang, bukan sahaja dalam bidang di Parlimen tetapi juga lain-lain bidang seperti sukan yang sentiasa memberi pandangan dan pendapat yang kadangkalanya membina tetapi juga kebanyakannya yang

kurang tepat tetapi adakalanya dalam kita mengutarakan pendapat kadangkala ianya betul dan kadangkalanya tidak betul.

Yang Berhormat menyoalkan tentang projek-projek yang ditangguhkan oleh kerana kegawatan ekonomi kita akhir-akhir ini. Beliau tanya saya dan kemudian beliau juga jawab sendiri tentang projek-projek yang telah ditangguhkan dan saya nyatakan sebahagian daripada yang disebut tadi itu benar. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat dari Kepong yang mengikuti dengan dekat beberapa program pertahanan yang terpaksa ditangguhkan disebabkan kegawatan ekonomi, antaranya ialah pembelian kereta-kereta kebal (main battle tank), kereta-kereta perisai serta hajat Kementerian Pertahanan untuk mengadakan Skuadron Helikopter untuk tentera darat, ini semua terpaksa ditangguhkan disebabkan kegawatan ekonomi.

Yang Berhormat Kepong juga bertanya tentang dasar pertahanan negara yang katanya tak telus, tak berapa jelas dan beliau kadangkalanya kurang dapat mengetahui dengan lebih dekat tentang dasar pertahanan negara.

Saya sukacita mengumumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawasanya Kementerian Pertahanan baru-baru ini telah pun memutuskan untuk membukukan satu dasar pertahanan negara secara menyeluruh. Ianya akan kita benarkan diedar kepada umum kerana banyak negara juga mengeluarkan data-data mereka secara terbuka untuk tatapan orang ramai dan kini sudah tiba masanya Kementerian Pertahanan memikirkan agar data pertahanan negara Malaysia juga dibukukan dan boleh diedarkan dan dibeli oleh pihak umum. Mungkin selepas ianya dilaksanakan, kalau ianya tidak menjadi halangan, Yang Berhormat akan dapat mengetahui dengan lebih dekat, dengan lebih tepat, tentang dasar-dasar pertahanan dalam buku dasar pertahanan negara.

Walaupun kita sedang mengalami kegawatan ekonomi, walaupun kita terpaksa menangguhkan beberapa projek, saya ingin menegaskan kepada Yang Berhormat dari Kepong bahawa tugas-tugas biasa, tugas-tugas exercise dan sebagainya tetap diteruskan. Oleh kerana ini penting, dalam keadaan apa sekali

pun apatah lagi apabila ekonomi gawat, maka risiko daripada kekacauan dari luar mungkin lebih tinggi. Maka kita tidak boleh kompromi. Kita pastikan negara kita ini tidak mudah diganggu-gugat oleh sesiapa. Walaupun seperti kata Yang Berhormat tadi, kita tidak dapat jumlah yang kita hajati, tapi kita anggapkan ia memadai bagi kita memastikan yang negara kita berada di tahap yang selamat dan tidak mudah bagi mana-mana pihak untuk memperjelaskan keselamatan dan kedaulatan negara kita melalui ketenteraan.

Yang Berhormat dari Kepong juga menyoal tentang projek-projek TUDM, pesawat-pesawat dari negara Rusia yang telah kita perolehi. Juga tentang kontrak-kontrak seperti off-set program, pembikinan alat-alat ganti dalam negara dan juga prestasi pesawat-pesawat tersebut. Pada umumnya, saya ingin menyatakan bahawasanya setakat ini pihak kerajaan, Kementerian Pertahanan berpuas hati dengan prestasi pesawat-pesawat MiG-29 yang kita beli dari negara Rusia. Umumnya dari masa ke semasa, jumlah yang aktif, yang boleh terbang bilangannya amat memuaskan. Saya tidak dapat memberi Yang Berhormat angka yang terkini sebab ia sentiasa berubah. Biasanya sebahagiannya terpaksa direhatkan, direpair ataupun diup-grade dan sebahagiannya yang terbang, ia bertukar setiap masa. Tapi peratusannya dari segi yang boleh kita gunakan dengan sepenuhnya bila-bila masa itu, peratusannya baik dan kita yakin juga ianya mampu kita gunakan dalam apa jua keadaan dan bila-bila masa sekalipun.

Tentang projek hendak membina kilang-kilang untuk kita adakan alat ganti, sedang giat dilaksanakan oleh kedua-dua pihak iaitu melalui syarikat-syarikat dalam negara kita, sebahagiannya daripada agensi-agensi pertahanan serta pihak swasta dengan pihak-pihak daripada Rusia. Sudah tentu untuk kita mendirikan sebuah kilang yang begitu sophisticated dari segi teknologinya bukan mudah untuk diadakan dengan sekelip mata. Proses untuk mengadakan joint-venture, kerjasama

dalam bidang industri aero-space ini sedang giat dilaksanakan dan kerajaan memberi segala galakan untuk melaksanakan secepat mungkin.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, satu sahaja. Mengapa kita hendak MiG-29 walhal ada yang lebih canggih lagi, 21 atau 23 dan sebagainya. Yang lebih canggih lagi daripada MiG-29 sekarang ini.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Pengerusi, kita memang ada program up-grading, walaupun ada yang canggih, sudah tentulah apa-apa alat, apa-apa pesawat sekalipun dari masa ke semasa dipertingkatkan keupayaannya. Tapi kita boleh tidak ketinggalan untuk mendapatkan yang terkini dengan kita adakan proses up-grading. Ini sudah dilaksanakan oleh pihak kerajaan mengikut kemampuan kita dan program untuk hendak up-grade pesawat-pesawat ini memang ada. Cuma hendak tunggu masa dan ketikanya bila kita berupaya.

Tuan Pengerusi, akhirnya Yang Berhormat dari Kepong menyentuh tentang projek OPV (Offshore Petrol Vessels) yang telah pun diserahkan kepada Naval Dockyard Sdn. Bhd. yang berpangkalan di Lumut. Projek ini baru saja ditandatangani kontraknya oleh pihak yang tertentu, antara kerajaan dengan NDSB dan pihak German Naval Group. Memang benarlah ada empat, lima syarikat-syarikat antarabangsa yang menawarkan tender-tender untuk mendapatkan projek ini. Antaranya seperti yang disebut tadi, daripada England, Vosper Thornycraft, daripada Australia, Transfield, Germany satu daripada sebelah Northern Europe – Sweden, kalau tidak silap saya. Tapi yang dapat daripada German Naval Group. Sudah tentulah tidak semua boleh dapat, yang tak dapat tu mungkin terasa terkilan, tapi ini adalah perkara yang biasa dan dia ada buat secara terbuka dan akhirnya ia diberikan kepada German Naval Group.

Beberapa syarat telah ditetapkan sebelum kita memberikan kontrak ini kepada pihak German Naval Group dan Naval Dockyard Sdn. Bhd. Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, pada mulanya saya ingin memberitahu

bahawa kita pada pakej pertama ini akan hanya meminta mereka membina enam buah kapal peronda - OPV New Generation dan ini harus disiapkan dalam masa enam tahun dan kontraknya bernilai sebanyak RM5.35 bilion. Yang mana satu kapal itu akan menjadi harganya lebih kurang RM850,000. Dan antara syarat-syarat pelaksanaan pakej komersial, yang ditentukan oleh kerajaan kepada kumpulan ini, ialah berkenaan dengan;

- (i) menentukan yang bahan-bahan tempatan (local content) digunakan tidak kurang daripada 30% nilai kontrak;
- (ii) Off-set program seperti akhirnya mengatakan projek-projek downstream untuk mereka mengadakan pelaburan, membina industri-industri alat ganti dan sebagainya. Ini juga nilainya mesti tidak kurang daripada 30% nilai kontrak; dan
- (iii) melaksanakan counter purchase obligation bermakna mereka perlu membeli barang-barang Malaysia dengan nilai tidak kurang daripada 11% nilai kontrak.

Itulah syarat-syarat yang telah ditetapkan sebelum kita bersetuju untuk menyerahkan projek ini kepada NDSP dan German Naval Group. Memang benar kata Yang Berhormat tadi hajatnya ialah untuk kita membina sejumlah 27 OPV, akhirnya dalam masa 15 tahun tetapi ini juga tertakluk kepada keupayaan kita dan juga keperluan kita. Sekiranya kumpulan ini dapat berjaya memuaskan hati kerajaan dengan membina kapal-kapal ini dengan jumlah yang telah diputuskan, dalam jangka masa yang telah ditetapkan dan dapat menyediakan segala keperluan kita maka kita mungkin akan menimbangkan untuk mereka terus melaksanakan projek ini. Sebaliknya kalau mereka pula tidak dapat memuaskan kita punya kehendak, kita boleh review balik kontrak itu.

Akhirnya Yang Berhormat dari Lumut telah pun mengambil bahagian yang telah pun menyampaikan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pertahanan

khususnya kepada Pengkalan Tentera Laut di Lumut yang telah banyak memberi kemudahan kepada orang awam di sana khususnya kepada Hospital Tentera Laut di Lumut itu yang juga selain memberi perkhidmatan kepada warga Tentera Laut Diraja Malaysia di Lumut juga memberi layanan perubatan kepada orang-orang awam di sekitar kawasan Parlimen Lumut. Tanda ingatan itu saya percaya amat dihargai khususnya oleh pegawai-pegawai kita di Lumut khususnya Hospital Lumut, tentera Lumut serta juga TLDM itu sendiri. Sudah tentu Kementerian Pertahanan dan kerajaan amat berterima kasih kepada rakyat dan juga wakil-wakil rakyat yang sentiasa mengenang budi dan jasa kerajaan dalam memastikan kesejahteraan, kesihatan dan tahap hidup rakyat kita ini sentiasa terjaga dan diberi layanan yang sebaik mungkin.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh tentang kapal peronda TLDM yang tentunya kini tidak mencukupi oleh kerana kita mempunyai pantai-pantai yang begitu panjang dan begitu luas terdedah dan tidak mungkin TLDM dengan kapal-kapal yang terhad jumlahnya dapat memastikan yang setiap pantai kita ini dapat dijaga 24 jam sebab mengapa kita perlu mempunyai lebih banyak kapal-kapal peronda dan sebab itu juga mengapa kita terpaksa walaupun dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat mengapa kita teruskan juga projek OPV ini tetapi ianya satu projek yang amat penting yang tidak dapat kita perkecilkan dan tangguh lagi. Ianya pun telah ditangguh sekian lama, kalau tidak silap saya lebih tiga tahun ditangguh atas sebab-sebab tertentu. Oleh kerana ia telah diputuskan awal-awal lagi oleh kerajaan kita maka kita harus teruskan tetapi kita buat berperingkat-peringkat mengikut keupayaan kita dan jumlah RM5 bilion itu bukan perlu kita beri dalam masa setahun, dua tahun ini tetapi kita buat berperingkat-peringkat hingga enam tahun kemudian dan merangkumi dua Rancangan Malaysia Yang Ketujuh dan Kelapan. Bermakna ia tidak akan membebankan rakyat atau negara ataupun kerajaan dengan begitu teruk sekali.

Saya juga amat prihatin tentang pandangan Yang Berhormat dari Lumut tadi juga tentang perlunya kapal peronda yang sedia ada itu mendapat perhatian, mendapat cukup peruntukan untuk memastikan mereka boleh terus memainkan peranan untuk mengawal, mengawasi dan menjaga kepentingan kita melalui pantai-pantai yang begitu luas dan panjang. Kita juga berharap pihak-pihak yang tertentu yang menentukan peruntukan akan sama-sama menimbangkan agar yang diperlukan itu dapat diluluskan agar kesejahteraan, keselamatan kita akan tetap terjamin. Saya yakin dengan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi tentang masalah-masalah keselamatan itu, pihak kerajaan akan menimbangnyanya secara yang paling saksama sekali. Umumnya walaupun kita anggapkan peruntukan Belanjawan untuk Kementerian Pertahanan ini besar tetapi kalau kita bandingkan dengan banyak negara lain, ianya tidaklah berapa besar sangat daripada jumlah yang kita belanjakan daripada jumlah keseluruhannya tahun demi tahun.

Kita masih meletakkan pendidikan sebagai kementerian yang paling terpenting sejak mula-mula kita merdeka lagi hingga kini. Jadi kita percaya itu satu pelaburan yang amat baik dan amat berkesan dan berpandangan jauh. Kita yang mampu berjaya, mampu meningkat, mampu maju kini pun disebabkan kita punya keutamaan meletakkan kepentingan kepada ilmu, kepada kekuatan ketenteraan kita dan kalau dibandingkan dengan negara jiran kita yang terdekat mereka membelanjakan yang paling besar untuk para tentera mereka berbanding dengan kita. Walau bagaimanapun, dengan jumlah yang kita berikan kepada Kementerian Pertahanan kita masih lagi mampu mempunyai satu tentera dan badan pertahanan dan credible yang mampu memainkan peranan seperti yang diharapkan. Cuma kita minta sekiranya keadaan ekonomi kita lebih baik, lebih ceria sedikit, insya-Allah, tidak lama lagi kita harap pihak kerajaan, pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai penentu dasar kerajaan akan dapat menyuarakan betapa pentingnya isu-isu pertahanan ini tidak dibiarkan tanpa pembelaan. Oleh kerana

maruah kita, martabat kita, keadaan kita dalam apa-apa keadaan sekali pun terletak kepada kita punya kuasa pertahanan. Sekurang-kurangnya kita ada kuasa deterrent untuk tidak memudahkan mana-mana kuasa untuk mencerobohi ataupun menakluki kita.

Tuan Pengerusi, saya yakin dan percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa peka tentang isu-isu pertahanan dan kepentingan pertahanan dalam sesebuah negara seperti Malaysia ini akan dapat seterusnya memberi kerjasama, sokongan dan bantuan kepada kementerian ini agar apa yang dihasratkan oleh kita semua dalam sebuah negara yang merdeka, berdaulat dan yang disegani oleh semua pihak iaitu seAsia apatah lagi daripada segi keselamatan yang sudah tentu merupakan satu bidang yang paling penting kepada negara kita.

Tuan Pengerusi, itulah saja yang dapat saya sampaikan, sekiranya mana-mana yang tidak sempat saya sampaikan, kami akan mengambil perhatian dan tindakan selanjutnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,524,059,400 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM3,524,059,400 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalah ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,398,112,000 untuk Maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM2,398,112,000 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1999.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, besok kita tidak ada mesyuarat, begitu juga pada hari Isnin hadapan kita tidak ada mesyuarat. Kita telah pun diberi cuti panjang. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat boleh balik ke rumah masing-masing dalam masa rehat ini dan relax dengan baik-baik dan balik bersidang semula pada minggu hadapan dengan lebih segar lagi. Dengan ini saya menangguhkan mesyuarat hingga hari Selasa 24 November 1998, jam 10.00 pagi.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*